



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 39

Selasa

15 Oktober 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 11)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 43)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 44)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 43)
Anggaran Pembangunan 2020	(Halaman 44)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 15 Oktober 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai membuka tirai Majlis Mesyuarat, saya pagi ini hadiahkan kata-kata pujangga kepada seluruh anggota Dewan.

*“Indahkan pagi ini dengan kesyukuran,
ceriakan hati ini dengan senyuman,
bangkitkan semangat dengan kesungguhan,
langkahkan kaki dengan kepastian,
jalani hari ini dengan ketulusan,
semarakkan hidup dengan kegembiraan,
penuhi jiwa ini dengan keimanan,
raihlah impian dengan keyakinan”.*

Semoga Tuhan permudahkan perjalanan hidup kita dengan penuh rezeki. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah untuk kemukakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri dalam masa 1 minit. Masa bermula sekarang.

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan apakah hasil siasatan awal terhadap insiden kebakaran di Pusat Pengumpulan Sisa Berjadual Kualiti Alam di Sendayan pada 2 Oktober 2019. Mohon kementerian menghuraikan garis panduan dan syarat pemberian lesen yang berkaitan dengan teknologi pelupusan sisa berjadual.

Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar [Puan Yeo Bee Yin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pertama sekali ingin saya jelaskan bahawa aspek keselamatan kebakaran

sesuatu premis bukanlah di bawah kuasa MESTECC secara langsung. Insiden kebakaran dan aspek keselamatan di premis kerja adalah di bawah pihak Bomba dan juga Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia melalui piawaian yang ditentukan bagi memastikan tempat pekerjaan yang selamat dan kesihatan pekerja diutamakan.

Walau bagaimanapun, saya telah pun mendapat maklumat daripada pihak yang berkaitan dengan siasatan awal kebakaran di Kualiti Alam. Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, siasatan awal pihak bomba menunjukkan bahawa tiada mangsa yang dilaporkan cedera atau maut di dalam insiden tersebut. Selain itu ia juga telah mendapati bahawa kebakaran tersebut berlaku di sebahagian tempat penstoran B07 yang melibatkan kawasan seluas 1,790 meter persegi dan merupakan kawasan transit sebelum proses rawatan dan pelupusan dijalankan. Api disyaki tercetus dengan sendiri ataupun dengan izin, *self-ignite* kerana berlaku di dalam tempat penstoran dan tidak berhampiran sebarang sumber api. Ianya disyaki berlaku akibat tindak balas antara bahan-bahan buangan yang mempunyai ciri-ciri mudah terbakar, *volatile compound*, dengan izin.

Bagi aspek soalan Yang Berhormat Rasah yang di bawah bidang kuasa MESTECC. Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, sebenarnya saya telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri Sembilan yang diwakili oleh Exco-exco dan juga pihak berkaitan Kualiti Alam Sdn. Bhd. untuk melihat bagaimana kita mengurangkan impak pencemaran di kawasan Sendayan. Dengan sukacitanya saya ingin maklumkan di sini bahawa Kualiti Alam telah pun menghentikan operasi dua penunu pembakaran pembuangan berjadual ataupun dengan izin, *incinerator* yang menggunakan teknologi lama di mana pelepasan gas adalah lebih mencemari daripada teknologi moden, *waste to energy*.

Kualiti Alam juga dalam proses menutup satu lagi *incinerator* dalam masa sebelum hujung tahun ini. Manakala *incinerator* yang menggunakan teknologi yang lama, yang terakhir di pusat Kualiti Alam akan ditutup sebelum tahun 2025. Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan di sini bahawa kemudahan pengurusan buangan terjadual iaitu *schedule waste disposal facilities*, dengan izin adalah sangat penting. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sektor perindustrian, perubatan dan perdagangan menghasilkan pelbagai buangan termasuk buangan toksik yang berbahaya, yang dikategorikan sebagai buangan terjadual di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Jumlah ini semakin meningkat setiap tahun dengan pertumbuhan ekonomi dan juga sektor-sektor perindustrian. Buangan terjadual perlu dikendalikan dan dilupuskan dengan cara yang teratur dan sempurna bagi melindungi kesihatan dan keselamatan awam, hidupan dan kesejahteraan alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dua minit lagi untuk habiskan jawapan saya. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Rasah, bagi mengurangkan jumlah buangan berjadual yang dihantar ke pemuliharaan sedia ada di Sendayan, Kualiti Alam Sdn. Bhd. sedang mencari dan membangunkan kemudahan satelit di lokasi yang berbeza.

Pihak Jabatan Alam Sekitar sedang bekerjasama dengan Kualiti Alam untuk memastikan pembangunan kemudahan di lokasi yang lain selain daripada Sendayan di kawasan Yang Berhormat boleh dipercepatkan. Di samping itu MESTECC juga dalam perbincangan dengan beberapa pihak yang berminat untuk membangunkan fasiliti pengurusan buangan terjadual yang moden di kawasan-kawasan industri utama untuk memastikan bahawa pengurusan buangan terjadual di Malaysia adalah setaraf dengan negara-negara maju.

Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, pembangunan kemudahan pelupusan buangan terjadual melibatkan tiga kelulusan, iaitu Kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), Kelulusan Kebenaran Bertulis, Kelulusan Lesen di bawah seksyen 34A, seksyen 19, seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

■1010

Di samping itu, kementerian juga dalam proses meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi memastikan perundangan kita dikemas kini bagi menampung keperluan pengurusan alam sekitar pada waktu ini, dengan kehadirannya teknologi-teknologi baru. Pindaan ini juga termasuk mengetatkan syarat-syarat pembangunan kemudahan pengurusan dan pelupusan buangan terjadual seperti kawasan penempatan fasiliti ini dengan jarak zon penampan, *buffer zone*, dengan izin, yang mencukupi supaya penduduk adalah jauh daripada fasiliti tersebut dan kesejahteraan penduduk setempat terus diutamakan. Sekian sahaja.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang agak komprehensif yang diberikan tadi.

Cuma saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi kata, dua *incinerator* telah tidak digunakan, satu lagi akan ditutup pada hujung tahun ini dan satu lagi tahun 2025. Apakah ia menandakan bahawa Pusat Pelupusan Sisa Berjadual, dan Kualiti Alam ini akan ditutup ataupun dipindahkan ke lokasi lain pada tahun 2025. Oleh

sebab Yang Berhormat Menteri tadi ada kata, sedang mencari tempat lain dengan ada *buffer zone* atau zon penampungan yang mencukupi.

Ingin saya menegaskan bahawa, kualiti alam- pusat yang ada pada ketika ini sebenarnya kawasan sekitar telah dibangunkan menjadi satu *township* yang baru, satu perbandaran- Bandar Seri Sendayan. Jadi dengan kepadatan yang tinggi dan walaupun ia sebenarnya tidak terletak di Parlimen Rasah, ia terletak di Parlimen Rembau, tetapi, kalau ada apa-apa pencemaran dan sebagainya, impak dia, asap dia dan sebagainya akan masuk ke kawasan Rasah dan menyebabkan pencemaran dan sebagainya di kawasan saya. Jadi, saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Puan Yeo Bee Yin: Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, *secured landfill* iaitu tempat pelupusan selamat, *secured landfill* di pusat kualiti alam itu perlu diteruskan sebab itu perlu dikendalikan selama-lamanya. Oleh sebab, *secure landfill* maksudnya dia akan *landfill* di sana. Oleh itu, ia perlu dikendalikan dengan baik supaya buangan di *secure landfill* tidak masuk kepada alam sekitar dan mencemari alam sekitar.

Kedua adalah di mana Negeri Sembilan juga menghasilkan bahan buang terjadual, di mana kita perlu ada fasiliti untuk menguruskan buangan terjadual di Negeri Sembilan.

Sendayan perlu diteruskan, tetapi fasiliti yang digunakan perlulah moden di mana mereka menggunakan *schedule waste to energy*, menggunakan teknologi moden supaya pelepasan gas tidak- tahap pencemaran adalah jauh lebih rendah daripada *incinerator* yang kita akan tutup dan kita komited untuk tutupkan untuk dalam masa terdekat ini.

Oleh itu, saya hendak membezakan di antara sama ada kita perlukan- saya tadi telah menegaskan bahawa, negara kita perlu ada fasiliti untuk mengurus bahan buang terjadual. Jika kita tidak ada cukup fasiliti yang moden untuk menguruskan buangan terjadual, maka industri-industri akan buang buangan-buangan terjadual ini ke sungai, ke tempat yang berbeza-beza dan mencemari dan membawa lagi banyak bahaya kepada rakyat kita.

Oleh itu, *keyword* dalam ini adalah kita perlukan fasiliti yang moden, yang setaraf dengan negara maju. Ini adalah pelan rancangan yang kita ada di MESTECC, di mana Sendayan kalau kita boleh kita limit kan dalam masa depan, kita limit kan untuk buangan terjadual di Negeri Sembilan sahaja. Untuk negeri-negeri lain kita akan membangunkan, pihak swasta akan membangunkan fasiliti mengurus buangan terjadual di kawasan industri yang berat, yang jauh daripada tempat kediaman penduduk supaya kita

memastikan bahawa kita ada fasiliti untuk mengendali dan menguruskan buangan terjadual dan ia menjaga juga keselamatan penduduk setempat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Apakah kaedah-kaedah baru yang lebih canggih dan selamat untuk pembuangan pelupusan sisa terjadual ini adakah ia dimasukkan dalam Bajet 2020? Pembuangan sisa kimia Sungai Kim Kim, apakah perkembangan tindakan mahkamah, dan adakah pampasan diberi kepada mangsa? Terima kasih.

Puan Yeo Bee Yin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang dinyatakan tadi, kementerian sedang dalam proses meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 supaya dapat mengemas kini perundangan semasa bagi menampung perubahan semasa keperluan serta kehadiran teknologi baru dalam pengurusan alam sekitar negara.

Salah satu usaha kementerian adalah untuk mengkaji semula kaedah pengurusan buangan terjadual yang sekarang ini berbentuk *linear*, di mana kebakaran bahan yang diklasifikasikan sebagai buangan terjadual sukar diolah ataupun diguna semula dan perlu dilupuskan.

Ini bukan sahaja memberikan beban yang boleh dielakkan iaitu, dengan izin, *unnecessary burden* kepada kemudahan buangan terjadual seperti kualiti alam dan menyebabkan tempat pelupusan selamat, *secured landfill* lebih cepat penuh. Akan tetapi, ia juga merupakan sesuatu pembaziran sumber sekiranya bahan-bahan tertentu masih mempunyai nilai dan boleh diolah ataupun diguna semula oleh industri yang lain.

Sehubungan itu, kementerian sedang merangka satu hala tuju ekonomi lingkaran ataupun dengan izin kita katakan, *circular economy roadmap* yang akan mengkaji bukan sahaja pengitaran semula bahan terjadual seperti plastik, tetapi juga produk sampingan industri yang bernilai tetapi masih diklasifikasikan sekarang sebagai buangan terjadual.

Kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan semua pemegang taruh yang terlibat dan hala tuju ini dijangka akan siap hujung tahun 2020.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, konsep *circular economy* ini telah pun dilaksanakan di semua negara-negara maju dan Malaysia perlu mengorak ke arah tersebut dengan secepat mungkin.

Untuk pendakwaan mereka yang salah di mahkamah pendakwaan, untuk mereka di mahkamah untuk kes Sungai Kim Kim dalam beberapa hari, jika saya ingat dengan tepat, 18 Oktober mahkamah di Johor akan mendengar perbicaraan- pada 18 Oktober perbicaraan akan bermula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bandar Kuching kemukakan soalan.

2. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta Perdana Menteri menyatakan, berkenaan status kerajaan dalam usaha untuk meminda seksyen 309 Kanun Keseksaan untuk *decriminalise attempted suicide* untuk menangani isu peningkatan jumlah cubaan membunuh diri di seluruh Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bandar Kuching atas soalan yang begitu relevan sekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan bersubahatan dan percubaan membunuh diri di negara ini. Kajian ini masih di peringkat rundingan dengan pemegang taruh iaitu *stakeholders*, dengan izin, dan fokus kajian ini tertumpu bukan sahaja kepada seksyen 309 Kanun Keseksaan, Akta 574, tetapi juga kepada seksyen 305 dan seksyen 306 berkaitan dengan kesalahan bunuh diri. Antara pemegang taruh yang dirunding adalah seperti yang berikut:

- (i) Kementerian Kesihatan;
- (ii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iii) Kementerian Pendidikan;
- (iv) Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
- (v) Kementerian Belia dan Sukan;
- (vi) Polis Diraja Malaysia;
- (vii) Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- (viii) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;
- (ix) Befrienders dari Kuala Lumpur; dan
- (x) Persatuan Psikiatri Malaysia.

Seperti yang saya katakan tadi, selain daripada seksyen 309 Kanun Keseksaan yang perlu dikaji, ialah bersubahat membunuh diri *of child or insane person*, iaitu di bawah seksyen 305 yang menyatakan dengan izin, "*if any person, under 18 years of age, any insane person, any delirious person, any idiot, or any person in a state of intoxication, commits suicide, whoever abets the commission or such suicide shall be punished with death or imprisonment for a term which may extend to 20 years and shall also be liable to fine.*"

■1020

Bersubahat cubaan membunuh diri di bawah Seksyen 306 menyatakan dengan izin, "*If any person commits suicide, whoever abets the commission of such suicide shall be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years, and shall also be liable to fine.*"

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedang menjalankan kajian perbandingan perundangan undang-undang bagi kesalahan yang serupa dengan kesalahan Seksyen 305 yang saya sebutkan tadi, Seksyen 306 dan Seksyen 309 di bawah Kanun Keseksaan dan pelaksanaannya di United Kingdom, Australia, Pakistan dan juga India bagi melihat pendekatan yang diambil oleh negara yang dikaji tersebut. Sekian, terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang memang terperinci tadi. Bagi saya kita telah dikejutkan dengan berita seorang perempuan 12 tahun pada bulan lalu yang telah membunuh diri disebabkan tekanan daripada UPSR dan kita tahu kes ini semakin meningkat di seluruh Malaysia. Jadi, bagi saya *criminal element* yang ada dalam Seksyen 39 haruslah dimansuhkan. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan apakah *timeline* yang dijangkakan, semak semula ini akan dilakukan kerana pesakit ini mereka perlukan pertolongan dan sokongan, *not treated as a criminal* dengan izin. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita fahami bahawa cubaan membunuh diri bukanlah satu penyelesaian atas apa sahaja masalah yang dihadapi oleh sesiapa pun. Mereka yang membuat keputusan untuk mengambil cubaan ini memerlukan *medical treatment* dan juga *psychiatric treatment* untuk memberikan kaunseling kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kerajaan telah pun menyediakan kertas kajian untuk diedarkan kepada pihak yang berkepentingan bagi mendapatkan ulasan dan juga pandangan bagi menggubal satu strategi komprehensif nasional. Jadi, saya rasa ini komprehensif nasional strategi, ia amat memerlukan kerana kita akan mendapatkan pandangan daripada sektor kesihatan, pendidikan, media, kebajikan sosial, keagamaan, pengangkutan dan juga pertanian sebagaimana yang dilaksanakan oleh the World Health Organization.

Jadi, masyarakat perl lah datang bersama-sama Tuan Yang di-Pertua untuk mencarikan satu jalan untuk menyelesaikan masalah ini dan masyarakat kena bekerjasama bukan pula seperti yang kita lihat kadangkala di dalam sosial media di mana ada yang cuba menggalakkan seseorang untuk membuat keputusan membunuh

diri mereka. Jadi, masyarakat kena memainkan satu peranan yang amat penting yang bertanggungjawab apabila mengetahui seseorang ada masalah tekanan yang teruk sekali. Berilah nasihat kepada mereka bukan memberikan galakan kepada mereka.

Selain itu juga, pada masa yang sama mereka yang ingin membuat keputusan demikian, carilah ibu bapa untuk mendapatkan kaunseling dengan rakan-rakan, rakan kerja, dengan Befriender – yang kita dapat hubungi di mana mereka akan menyimpankan rahsia apa masalah yang mereka hadapi. Jadi, ini adalah satu strategi untuk kita pastikan mereka yang hendak buat keputusan itu janganlah buat keputusan terburu-buru dan dekatilah orang tersayang, keluarga dan pastikan bahawa nyawa itu dihargai. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya yakin Yang Berhormat Menteri amat faham berkaitan dengan kes bunuh diri yang merupakan kes kedua tertinggi kematian di Malaysia berumur 15 hingga 29 tahun. Cumanya, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri seolah-olahnya kita menggunakan undang-undang untuk menyelesaikan perkara ini. Itu saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Keduanya, apakah strategi Yang Berhormat Menteri supaya kesihatan mental ini merupakan satu perkara yang menyebabkan berlakunya kes bunuh diri dan bagaimana kerajaan Yang Berhormat Menteri menyelesaikan masalah kesihatan mental yang amat meruncing di kalangan belia di Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Besar atas soalan ini. Sememangnya kita fahami bahawa undang-undang itu sememangnya ada dalam akta. Kita telah pun *criminalize* mereka yang cuba membunuh diri. Akta ini telah pun diadakan sejak sebelum kemerdekaan lagi yang telah pun diberikan oleh kerajaan British terdahulu.

Akan tetapi, setakat ini proses untuk *decriminalize* undang-undang ini mengambil masa yang amat panjang dan kita kena mengadakan *consultancy* dengan *stakeholders* yang saya telah pun katakan dan untuk mengadakan satu komprehensif nasional strategi. Jadi, ini satu proses yang amat dalam dan kita kena kenal pasti isu-isu yang memberikan tekanan amat teruk kepada mereka yang ada *mental disorders*.

Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia faham bahawa mereka yang *stress* ataupun *mental disorders* ini bukan senang kadangkala untuk dikenali. Oleh itu juga kita perlukan pertolongan daripada ahli-ahli keluarga, daripada masyarakat untuk mengenal pasti mereka yang mengalami *mental disorders* ini supaya mereka diberikan rawatan dan *treatment* seberapa cepat yang boleh dan saya berharaplah Yang Berhormat di sebelah

situ juga dapat memberikan proses *awareness* kepada masyarakat untuk memastikan mereka yang mahu buat keputusan untuk membuat perkara ini dapat dielakkan dan tidak akan melakukan. Jadi, kita perlukan perubahan daripada *psychiatrist* dan juga Kementerian Kesihatan untuk mengadakan program-program yang memberikan *awareness* kepada mereka.

Jadi, saya akan *spread this* strategi komprehensif kebangsaan dan saya harap dalam masa yang terdekat kita akan dapat mengadakan satu undang-undang yang bukan *criminalize* kan mereka tetapi memberikan *treatment*, memberikan pertolongan kepada mereka supaya mereka janganlah membuat keputusan untuk membunuh diri. Terima kasih.

3. Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bahawa kementerian telah melancarkan Pelan Tindakan Industri Katering 2020 baru-baru ini. Apakah signifikan pelancaran pelan ini, berapakah sumbangan industri katering kepada KDNK negara dan berapa jumlah aduan yang telah diterima KPDNHEP berhubung industri katering ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Industri katering adalah industri yang pantas berkembang dan sangat berpotensi. Dalilnya, dalam bancian ekonomi 2016 oleh Jabatan Perangkaan, sumbangan industri katering kepada KDNK pada tahun 2010 ialah RM3.6 bilion. Berkembang pada tahun 2015 kepada RM5.8 bilion dan dijangka terus berkembang pada tahun 2020 sehingga RM9 bilion.

Dilihat dari sudut jumlah atau bilangan syarikat industri katering yang berdaftar, semakan terkini dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia memberikan angka 150,706. Sudah tentu ada yang aktif dan ada juga yang kurang aktif.

■1030

Dilihat dari sudut peluang pekerjaan, ia juga menyumbang kepada hampir 100,000 peluang pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kementerian ini juga terus menerima aduan daripada pengguna dari hal perkhidmatan katering yang bermasalah sama ada makanan yang disajikan tidak berkualiti atau makanan tidak mencukupi atau lambat menghantar makanan seperti mana yang dijanjikan dan seumpamanya.

Zaman berubah, gaya hidup juga berubah. Dahulu kehidupan di kampung kalau ada musim kenduri, satu kampung akan bergotong royong. Akan tetapi sekarang, industri katering ini menjadi pilihan. Di sebalik latar belakang inilah Tuan Yang di-Pertua,

kementerian ini berpendapat perlu ada satu pelan tindakan industri katering khusus untuk menangani isu-isu pengguna, kena ada sedikit elemen kawal selia di pihak kerajaan terutama di antara pemain industri dengan kerajaan, pemain industri dengan agensi dan institusi kerajaan yang menyediakan latihan dan pembiayaan, industri katering dengan pembekal dan dengan pengguna.

Ini kerana sumbangan yang signifikan kepada KDNK. Oleh itu, pelan ini yang bergerak di atas tiga teras. Pertama, kita hendak bangunkan ekosistem perkhidmatan katering yang berasaskan kepada kepentingan pengguna. Kedua, kita hendak gerakkan industri katering supaya lebih berdaya saing, progresif dan mapan. Ketiga, kita hendak jadikan katering itu sebagai satu kerjaya pilihan yang boleh dibanggakan. Terima kasih.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan berkenaan aduan yang diterima. Soalan saya, berapakah nilai tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berkaitan industri katering? Apakah jenis-jenis tuntutan tersebut?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Merbok atas soalan tambahan. Jumlah aduan daripada rekod yang kita catat kalau tahun 2014 cuma ada lima sahaja aduan tetapi tahun 2018 kelmarin sudah meningkat sampai 65 aduan. Akan tetapi, total daripada 2014 sampai sekarang itu sudah meningkat sampai 127 aduan. Serentak dengan itu, maka Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia di bawah kementerian ini menjadi tumpuan oleh pengguna.

Nilai tuntutan pada tahun 2018 saya ambil statistik yang terakhir. Jumlah tuntutan adalah ataupun pemfailan tuntutan adalah 67. Nilai tuntutan adalah RM415,000. Manakala sehingga September tahun ini, pemfailan tuntutan adalah 35 dan nilai tuntutan yang telah di-*award* adalah sebanyak RM185,000. Sepanjang Tribunal Tuntutan Pengguna menangani isu ini, jumlah keseluruhan nilai tuntutan adalah sebesar RM833,000 membabitkan pampasan yang tidak dibayar oleh katerer, perkhidmatan yang diberikan tidak seperti dijanjikan dan makanan ditempah kenduri siap, pengantin sampai, makanan tidak sampai. Itu antara tuntutan pengguna. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melalui Pelan Tindakan Industri Katering 2020, bagaimanakah kementerian melaksanakan pengelolaan terhadap pengauditan kualiti dan kebersihan makanan yang disediakan oleh pengusaha katering dan juga tahap bagaimana memastikan produk tersebut, katering tersebut halal dari segi penyediaan dan lain-lain. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Jempol atas soalan tambahan yang sangat baik. KPNDHEP baru memulakan langkah pertama

sebab sebelum ini tidak ada. Industri katering ini macam industri saduran, macam industri penterjemahan. Dia tidak ada badan kawal selia. Jadi, ikut sistem negara kita, mana-mana industri tidak ada kawal selia letak bawah KPDNHEP. Jadi, pelan industri ini adalah langkah permulaan.

Jadi, ditanya secara khusus tadi aspek penjagaan makanan, kebersihan dan sebagainya. Sebelum pelan ini diadakan, Kementerian Kesihatan telah pun mendahului seawal tahun 2017 mereka sudah lancarkan garis panduan. Ini aspek pensijilan kebersihan makanan, pengendalian makanan. Itu namanya *trust my catering*. Itu garis panduan.

Serentak dengan pelan tindakan ini, aspek halal, kebersihan dan sebagainya itu akan kita ambil kira dan sudah tentu dengan agensi seperti JAKIM kita akan terus menjalinkan kerjasama supaya perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat diambil perhatian. Bukan sekadar ambil perhatian tetapi dilakukan tindakan demi untuk menjaga dan melindungi kepentingan pengguna. Terima kasih.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan status dan kesediaan kerajaan untuk melaksanakan inisiatif subsidi petrol bersasar dan berapakah kos yang digunakan secara purata dalam seminggu untuk mengekalkan harga RON95 pada RM2.08 seliter.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Bandar Kuching. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jawapan saya ini untuk disekalikan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Rembau yang dijadualkan dijawab pada 6 November 2019 bersekali dengan Yang Berhormat Tanah Merah pada 12 November 2019, Yang Berhormat Ipoh Timur pada 21 November 2019, Yang Berhormat Kangar 27 November 2019, Yang Berhormat Kubang Kerian 3 Disember 2019 kerana kesemuanya menyentuh perkara program subsidi petrol bersasar.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan dasar bagi Program Subsidi Petrol (PSP) mengambil tempoh masa yang panjang merangkumi proses mengumpul dan meneliti pandangan dan pendapat dari pelbagai pihak berkepentingan seperti syarikat-syarikat

minyak, pengusaha-pengusaha stesen, persatuan-persatuan pengguna, agensi kerajaan, ahli-ahli ekonomi, bekas-bekas menteri kewangan.

Sesi keterlibatan ini gunanya untuk membantu kementerian merungkai isu dan masalah pemberian subsidi pukal, produk petrol RON95 pada masa ini. Apa yang jelas, subsidi petrol pukal membantu golongan berpendapatan rendah B40 membeli petrol pada harga yang berpatutan. Pada masa yang sama, golongan berpendapatan tinggi dan juga warga asing ikut menikmati lebih banyak subsidi petrol kerana mereka mempunyai kemampuan perbelanjaan yang lebih tinggi.

Selain daripada itu negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran seperti Johor, Perlis, Kelantan dan Kedah mendapati bahawa pemilik kenderaan dari luar ikut mengisi petrol bersubsidi ini dan mereka juga menikmati harga rendah. Kerajaan berpendapat, perkara ini perlu dibuat sedikit pembetulan. Makanya, kita melaksanakan pengagihan semula subsidi yang saksama, dengan izin *equitable redistribution of subsidies*.

Ini adalah prinsip yang dipegang dalam Program Subsidi Petrol iaitu menyampaikan subsidi petrol hanya kepada golongan yang layak. Program ini bagi kumpulan B40 akan bermula pada Januari 2020 dan ia terbahagi kepada dua komponen utama. Komponen pertama adalah pemberian subsidi dalam bentuk wang tunai yang akan dimasukkan ke dalam akaun penerima. Kadar subsidi yang diberikan RM30 sebulan bagi pemilik kereta dan RM12 sebulan bagi pemilik motosikal dan had maksimum pemilikan kenderaan bagi seorang individu untuk layak dimasukkan sebagai penerima ialah dua kereta dan dua motosikal.

■1040

Namun begitu, individu yang ada lebih daripada satu kenderaan dia hanya layak menerima kadar subsidi untuk satu kenderaan sahaja. Komponen kedua adalah penyelarasan harga petrol secara *gradual* atau beransur-ansur antara harga jualan runcit petrol RON95 yang bersubsidi iaitu RM2.08 dengan harga sebenar petrol RON95. Penyelarasan harga ini akan dilaksanakan seperti yang saya sebutkan secara beransur-ansur dalam tempoh masa yang panjang.

Pemberian subsidi petrol adalah khusus untuk penerima Program Bantuan Sara Hidup (BSH) dan baru ini pada Jumaat lepas Menteri Kewangan ikut mengumumkan bahawa golongan di luar daripada kelompok BSH juga akan ikut layak menerimanya. Tuan Yang di-Pertua, kita gunakan data Bantuan Sara Hidup (BSH) sebagai permulaan dan sejumlah 2.9 juta penerima telah dikenal pasti daripada BSH dan daripada jumlah itu apabila ia turut dibuka kepada M40 seperti dianggarkan oleh Kementerian Kewangan

jumlah penerima akan menjadi seramai 8 juta dengan membabitkan peruntukan sebesar RM2.2 bilion. Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Pertama sekali saya ingin berterima kasih kerana Kerajaan Persekutuan telah mengekalkan subsidi pukal di Sabah dan Sarawak. Pada hal ada pihak yang keliru mereka cakap kita didiskriminasikan tapi kita sebenarnya bayar harga yang lebih rendah.

Saya cuma hendak tanya soalan, sekarang ikut *target* yang kita hendak capai seorang kenderaan mendapat RM30 dan motosikal RM12. Saya hendak tanya apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan apabila harga petrol dunia naik melambung. Adakah subsidi ini akan ditambahkan untuk menampung kenaikan tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Bandar Kuching. Ketika kita membuat perancangan tentang program ini, libat urus kita dengan pemain-pemain industri minyak sudah tentu membantu kita menjangkakan kedudukan harga minyak mentah dunia untuk tempoh dua, tiga, empat, lima tahun akan datang.

Pada keadaan sekarang harga yang dijangkakan adalah di antara USD50 hingga USD60 per *barrel*. Makanya, kita bertindak daripada panduan-panduan itu kita berpendapat *timing* dengan izin, yang munasabah adalah harus bermula Januari 2020 dan apabila kalau berlaku perubahan terhadap iklim politik dunia yang menyumbang kepada faktor meningkatkan atau berlakunya kenaikan harga minyak sudah tentu kerajaan akan melakukan *adjustment* ataupun perubahan pada *moment* dan ketika itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri sekarang saya jemput...

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Tanjong Manis, Tanjong Manis Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada empat orang saya bagi Yang Berhormat Pasir Puteh, sila.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan subsidi petrol bersasar saya ucap ribuan terima kasih kepada kerajaan. Cuma saya ingin bertanya adakah kerajaan sedia untuk mengadakan satu program subsidi diesel secara tersasar

kerana kalau dilihat diesel digunakan oleh pengangkutan-pengangkutan awam yang besar seperti lori, bas dan seumpamanya.

Apabila subsidi diperkenalkan saya kira ekonomi negara ini ia akan melonjak dan kerajaan akan memperoleh keuntungan yang lebih besar berbanding dengan keuntungan pada harga minyak tersebut, minta penjelasan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pasir Puteh. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Puteh dan sekalian rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, sekarang memang berjalan program subsidi untuk kegunaan diesel. Jumlah penggunaan diesel di negara kita ialah 505 juta liter sebulan berbanding petrol 1.2 bilion liter sebulan.

Untuk kenderaan industri seperti bas berhenti-henti, bas ekspres sekarang ini sedang kita bersoal jawab ini mereka menikmati harga RM1.88 walhal harga di pam sekarang adalah RM2.18. Adapun RM2.18 itu pun sudah pun berupa harga subsidi. Tambahan daripada itu, kenderaan bas ekspres, bas berhenti-henti, bot-bot penumpang yang menghubungkan pulau-pulau dan sebagainya mereka sedang menikmati pemberian subsidi itu.

Benar Yang Berhormat Pasir Puteh, kalau ada di sana penjimatan maka penjimatan itulah kita agihkan semula dalam bentuk subsidi lain. Misalnya dalam bajet yang dibentangkan baru-baru ini, nilai subsidi tahun ini ialah RM22.3 bilion, untuk tahun depan RM24.2 bilion peningkatan hampir RM2 bilion. Selain daripada kita jimat kita tambah, dan bila kita tambah kita agihkan semula.

Ke mana perginya contoh, guru Kafa kita naikkan elaun lagi RM100 satu komponen, suntikan *pneumococcal* saya pun baru dengar istilah itu kena baca lagi tapi soalnya RM60 juta. Sebelum daripada ianya ada hanya orang berada sahaja sebab satu suntikan difahamkan harganya RM300 sekarang boleh dinikmati. Bomba sebelum ini tidak ada bayaran khas untuk bomba, baru ini kita adakan dan senarainya panjang. Itu maksud pengagihan semula subsidi yang lebih adil bukan kita jimat kita guna untuk tujuan lain, kita jimat kita agih semula bahkan kita tambah. Itu penjelasan saya terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua, soal minyak juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Soal subsidi melibatkan perbelanjaan yang besar dan kepentingan awam saya bagi soalan tambahan ketiga kepada Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peribadi saya memuji program subsidi petrol yang dibuat oleh pihak kerajaan. Cuma soalan saya, selain daripada kumpulan yang menerima subsidi yang dikatakan B40, penerima melalui Bantuan Sara Hidup (BSH) dan kemudian ada kumpulan yang dikatakan luar, barangkali mereka ini di kalangan *the bottom line of M40* barangkali. Mereka akan menerima kad dikatakan petrol 95.

Apakah tidak dilihat ini akan menyebabkan suasana di *petrol station, queueing up* dan apakah kementerian tidak mahu melihat satu simulasi yang cukup baik dibuat oleh *Khazanah Research Institute* berkaitan dengan M40, *the bottom threshold* yang sebenarnya jumlah yang cukup banyak dan kalau diambil perkiraan bantuan juga boleh diberi dalam bentuk dimasukkan ke dalam akaun dan barangkali ia tidak memberi kesusahan kepada pengusaha-pengusaha stesen minyak terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kepala Batas. Perkara yang dibangkitkan soal mekanisme pelaksanaan. B40 sebab kita umumkan pada bajet tahun lepas 2 November 2018. Kita mulakan dengan B40 kita bayar tunai dan *quantum*-nya 30 sen.

Pengumuman bajet baru ini menyebut beberapa lagi perkara di luar lingkungan BSH pun layak. Kementerian Kewangan menjangkakan 8 juta penerima. Tapisan data BSH penerima BSH sekarang 10 juta orang bujang dan yang berkeluarga. Kita padankan dengan data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), data JPJ memberikan 18 juta. 11.6 juta motokar yang berdaftar, 6.8 juta motosikal yang berdaftar.

Kita silang semak BSH *recipient* 1,600cc ke bawah motosikal 150cc keluar 2.9 juta orang kita genapkan 3 juta. Kalau Kementerian Kewangan jangkakan 8 juta orang bermaksud 5 juta orang lagi adalah lingkungan yang Yang Berhormat Kepala Batas maksudkan tadi. Mereka boleh jadi *'the bottom of M40'*, boleh jadi pertengahan atau pun boleh di atas. Soalnya kita hendak cari 5 juta orang, yang ini saya hendak minta semua Ahli Yang Berhormat kalau ada rakyat di kawasan kita yang jatuh dalam kategori ini mereka harus mendaftar.

Secara jujur tadi saya berbincang panjang dengan Yang Berhormat Padang Terap, soal data. Kita ini bekerja dalam keadaan *in silo*. Masing-masing kita jaga *territory* kita itu kebiasaan kerja kita. Akibatnya data yang *credible* itu kita kena bina sebab itu BSH adalah asas. Akan tetapi M40 kita belum mempunyai data yang *credible* maka kita

akan minta pendaftaran dibuat, kita akan semak dengan Lembaga Hasil, kita akan semak dengan JPJ.

Bahkan kementerian ini dalam membangunkan data, kita semak dengan bil elektrik TNB 7.5 juta pembayar bil elektrik.

■1050

Kalau asyik dia bayar bulan cuma bilnya RM100, RM120 kita boleh buat andaian mereka ini memang kategori daripada golongan bawahan. Jadi saya sambut baik *concern* Yang Berhormat Kepala Batas dan saya terus-terang jujur bahawa kaedah pelaksanaan baru diumumkan dan kementerian kami akan duduk dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan prinsip pelaksanaannya mesti licin, lancar. Dia tidak boleh *chaotic* pada hari kita memulakan pembayaran.

Mengikut kajian yang kami buat melalui pengalaman *best practices* negara-negara luar yang menjalankan Program Subsidi Bersasar, bayaran tunai masih dianggap kaedah terbaik. Jadi, kami akan cuba capai kepastian, *clarity* dalam perkara ini supaya bila dilaksanakan itu yang paling penting, rakyat terbanyak yang layak dapat, mesti menerimanya. Itu prinsip yang kita hendak jalankan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam sejahtera.

"Dari Belanja pergi ke Bota,

Singgah di kedai membeli kerri,

Soalan Parit nombor dua,

Minta dijawab Timbalan Menteri". Terima kasih.

2. Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan:-

- (a) adakah terdapat sebarang siasatan terhadap punca utama pencemaran jerebu yang melanda Malaysia saban tahun serta apakah tindakan drastik yang telah diambil terhadap individu atau syarikat yang didapati terbabit dengan aktiviti pembakaran terbuka; dan
- (b) apakah bentuk kerjasama serantau yang telah dilaksanakan oleh negara Malaysia dengan negara-negara yang terjejas dengan pencemaran jerebu dalam usaha bagi mengatasi pencemaran jerebu ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pemantauan dan siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar didapati punca utama jerebu di dalam negara adalah berpunca daripada aktiviti pembakaran terbuka untuk pertanian dan juga kebakaran tanah gambut.

Bagi kes pembakaran terbuka, individu-individu dan syarikat-syarikat yang terlibat telah dikenal pasti dan sehingga kini 89 kompaun telah dikeluarkan, manakala 23 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan pembakaran terbuka. Di bawah seksyen 29(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan jika didapati bersalah melakukan pembakaran terbuka. Kompaun RM2,000 juga boleh diberikan bagi setiap kesalahan.

Di peringkat ASEAN, Malaysia akan terus memainkan peranan untuk menggesa negara anggota terutamanya Indonesia untuk mematuhi obligasi di bawah ASEAN *Agreement on Transboundary Haze Pollution* bagi mencegah kejadian jerebu rentas sempadan. Selain itu negara-negara anggota perlu memberikan perhatian serius bagi merealisasikan *Roadmap on ASEAN Cooperation Towards Transboundary Haze Pollution Control with Means of Implementation* yang merupakan kerangka ke arah visi *ASEAN Haze Free Region by 2020*.

Dalam masa yang sama, Malaysia akan menghadiri Mesyuarat *Committee and Conference of the Parties on ASEAN Transboundary Haze Pollution* dan *ASEAN Ministerial on Environment (AMME)* bagi membincangkan isu-isu pencemaran terutamanya isu-isu jerebu yang baru dihadiri pada minggu lepas. Terima kasih.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya apakah perkembangan terkini berkenaan cadangan kerajaan untuk mewujudkan Akta Jerebu Rentas Sempadan dan bagaimanakah gerak kerja antara agensi-agensi dan jabatan yang diwujudkan bagi menangani masalah jerebu sebelum, semasa dan selepas.

Adakah tindakan yang telah dikenakan terhadap syarikat-syarikat Malaysia yang mengusahakan ladang di Indonesia yang dikatakan menyumbang masalah jerebu di Malaysia dan juga di Indonesia. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan juga Jabatan Alam Sekitar. Antaranya yang kita telah pun ulang kali dan beberapa siri kita telah umumkan iaitu mengaktifkan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan

Jerebu Kebangsaan bagi menangani masalah pembakaran terbuka dan jerebu di dalam negara yang melibatkan pelbagai agensi seperti Bomba, NADMA dan beberapa agensi yang lain yang tidak dapat saya sebut satu-persatu, mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan lain-lain yang sering terbakar dengan mengadakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi kerajaan dan juga pihak berkuasa tempatan.

MESTECC untuk jangka panjang sedang mengkaji dan masih menggubal undang-undang di peringkat Persekutuan dalam menangani isu pencemaran alam sekitar merentasi sempadan dan ianya merangkumi dan termasuk jerebu. Dengan adanya undang-undang ini, tindakan ini boleh diambil ke atas individu ataupun syarikat tempatan yang beroperasi di luar negara yang menjadi punca berlakunya kebakaran hutan dan ladang yang menyebabkan jerebu merentas sempadan. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Tindakan yang di umum berkait dengan kesalahan yang mengambil tempat dalam Malaysia. Persoalan saya memandangkan kerajaan sedang mempertimbangkan pelaksanaan Akta Jerebu Rentas Sempadan, kita juga perlu mengambil kira sudah ada senarai nama syarikat dikhabarkan negara jiran ada syarikat Malaysia, ada mengatakan syarikat Indonesia tetapi pembakaran terbuka secara sengaja ini berlaku di Indonesia.

Persoalan saya, adakah wujudnya ruang dalam seksyen 66 Akta SPRM yang membenarkan tindakan diambil terhadap rakyat Malaysia terlibat dalam rasuah di luar negara diguna pakai bagi memastikan masalah jerebu yang sudah melanda kita sejak akhir 1990-an dikenakan tindakan lanjut oleh mereka yang bersalah di luar negara. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Malaysia, kementerian berpendapat bahawa kita tidak akan menolak sebarang tindakan kepada mana-mana syarikat, mana-mana *company* yang telah menyebabkan pembakaran terbuka meskipun *company* Malaysia ini adalah berada di Indonesia kerana kita percaya ianya pun telah mengakibatkan banyak kerugian dan juga dari segi persekolahan, pendidikan dan juga *tourism* di Malaysia. Kita alu-alukan juga mana-mana, saya sambut baik Yang Berhormat Permatang Pauh tentang hal ini. Terima kasih.

3. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh manakah tahap teknologi senjata buatan Malaysia. Adakah Malaysia masih bergantung pada buatan negara luar dalam membekalkan senjata? Apakah ada usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian dalam mengurangkan kebergantungan perbekalan senjata dari negara luar?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Silakan Yang Berhormat Menteri, Selamat Hari Jadi diucapkan juga. *[Tepuk]*

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Kelmarin, kelmarin. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan, bersama kita adalah Veteran Angkatan Tentera Malaysia yang berjasa besar kepada pertahankan kedaulatan negara dan juga saya juga mengedarkan hari ini surat jemputan untuk Tabung Hari Pahlawan bersama dengan *badge* bunga raya dan huruf B kepada setiap meja semua Ahli-ahli Parlimen. *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tampin, pihak Kementerian Pertahanan sentiasa menyedari akan kepentingan pembangunan industri pertahanan tempatan bagi menyediakan keperluan Angkatan Tentera Malaysia ke arah mencapai tahap pertahanan berdikari. Inisiatif dan usaha telah diambil bagi menyediakan ruang dan peluang bagi syarikat tempatan membekalkan keperluan senjata ATM.

Secara umumnya, kemampuan industri persenjataan negara kini masih terhad kepada pemasangan dan penghasilan sebahagian daripada komponen senjata *Riffle* yang dibekalkan kepada ATM dengan rekaan milik syarikat persenjataan antarabangsa. Ini dilihat berpunca daripada keupayaan penyelidikan dan pembangunan R&D syarikat yang terhad dan masih sedang berkembang. Jumlah permintaan yang tidak mencapai *return of investment* dan kegagalan syarikat tempatan untuk meyakinkan negara luar untuk membeli senjata buatan Malaysia juga menjadi skop pasaran industri persenjataan negara kecil.

■1100

Malaysia juga menjadi skop pasaran industri persenjataan negara menjadi kecil, sekali gus menyukarkan pihak syarikat untuk melakukan pelaburan bagi meningkatkan fasiliti dan kepakaran bagi penghasilan senjata.

Oleh yang demikian, Kementerian Pertahanan sedang melaksanakan Program R&D secara usaha sama strategik di antara Pusat Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE) Universiti Pertahanan Awam dan ATM bagi membangunkan senjata untuk kegunaan ATM. Projek yang sedang berjalan, projek pembangunan

senjata mortar 120mm prototaip daripada projek R&D ini akan diberikan kepada pihak ATM dan agensi keselamatan terpilih untuk digunakan bagi penilaian kualiti dan prestasi dan akhirnya setelah mencapai piawaian serta kehendak pengguna, prototaip ini akan ditawarkan kepada syarikat pertahanan terpilih bagi tujuan penghasilan dan pemasaran.

Kementerian Pertahanan akan terus berusaha untuk mencari inisiatif yang relevan bagi meningkatkan keupayaan pemain industri pertahanan negara dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada industri antarabangsa.

Datuk Dr. Hasan bin Baharom [Tampin]: Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana kita ketahui, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat lawatan ke Turki pada bulan Julai yang lepas telah menyatakan kerjasama pertukaran teknologi persenjataan.

Persoalan saya, sejauh manakah kementerian telah memfokuskan perkara ini dan apakah kementerian akan mengadakan kerjasama strategik dengan negara-negara lain untuk meningkatkan kualiti pertahanan negara.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kementerian Pertahanan sedar bahawa perkembangan teknologi baharu dalam bidang pertahanan khasnya dalam Revolusi Industri 4.0. Oleh itu, usaha sama kita, terutama tanggungjawab STRIDE akan dipertingkatkan untuk membuat kajian dan juga kerjasama dengan negara-negara lain atau syarikat-syarikat asing turut sama dalam membangunkan UAV dan juga *drone* yang menjadi satu perkara teknologi moden yang diperlukan dalam pertahanan negara dan kegunaannya terlalu luas dalam hampir semua kementerian memerlukan UAV dan *drone* sekarang ini.

Oleh itu, STRIDE dan juga Kementerian Pertahanan akan membuat hubungan dengan berbagai-bagai pihak termasuklah konsultasi servis, Sistem Servis Sendirian Berhad, UTM, Universiti Pertahanan dan sebagainya akan tumpu dalam bidang mencari dan berusaha untuk terlibat dalam *defense industry* dalam bentuk teknologi moden.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Soalan ini berhubung kait dengan keselamatan. Kenapa? Saya bersimpati apa yang berlaku kepada DAP berhubung dengan LTTE. Kenapa Yang Berhormat mendiamkan diri, tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan?

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Adakah ia berkaitan dengan soalan asal?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Soalan saya relevan boleh Yang Berhormat?

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Tak perlu menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Tak perlu menjawab.

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya relevan, Baling relevan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Soalan yang relevan, Tumpat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya relevan, Baling relevan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Soalan saya, dalam rangka ATM mempertingkatkan kemampuan dan juga kecanggihan peralatan persenjataan. Soalan saya, sejauh mana kerajaan mempunyai perkongsian pintar ataupun *joint venture* (JV) dari segi penyelidikan dengan negara-negara lain, umpamanya dengan Turki yang mempunyai *Turkish Aerospace Industries* (TAI) yang mereka ini boleh mengeluarkan produk keret kebal, kenderaan tempur malahan membuat jet-jet pejuang Lockheed Martin F-16 dan seumpamanya. Sejauh mana Malaysia mempunyai kerjasama ini. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Memang Turki di antara menjadi negara yang kita membuat kerjasama dan kita telah bekerjasama dengan Turki. Di antaranya untuk menghasilkan kenderaan berat 8x8 dan telah pun berjalan dan dalam aeroangkasa ini kita sedang berbincang termasuk saya dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Turki dan melawat di antaranya aeroangkasa mereka yang kita lihat setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Oleh itu, teknologi yang ada di situ, kita akan bekerjasama terutama STRIDE akan memainkan peranan untuk bekerjasama, untuk kita kalau tidak sekurang-kurangnya membuat industri di sini dalam bentuk kerjasama dengan pihak industri Turki. Ini yang sedang kita lakukan sekarang ini.

4. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta Menteri Pendidikan menyatakan strategi yang dirangka setakat ini bagi mencapai sasaran 60 ribu pemegang ijazah PhD pada 2023.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia pada masa ini menguruskan Program tajaan biasiswa bagi pengajian peringkat PhD

kepada orang awam melalui Program MyBrainSc dan MyBrain15 serta kepada pegawai sedang berkhidmat melalui Program Skim Latihan Akademi Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Semua program tersebut merupakan penyumbang kepada sasaran, melahirkan seramai 60,000 orang pemegang PhD daripada kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023, sebagaimana yang digariskan di dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN).

Selain itu, kementerian masih meneruskan pemberian geran penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) kepada universiti awam (UA) yang dilihat mampu melahirkan lebih ramai pemegang PhD dalam kalangan warganegara Malaysia secara besar yang berkualiti dan dapat memenuhi ekspektasi *graduate on time* (GOT). Ini kerana melalui akademik penyelidikan, pelajar PhD akan diselia dengan ketat oleh pihak UA di samping melibatkan diri dalam penghasilan penemuan-penemuan baru daripada aktiviti penyelidikan di UA untuk manfaat negara. Untuk tahun 2018, dana skim ini adalah sebanyak RM200 juta manakala untuk tahun ini, 2019 dana yang diperuntukkan adalah sebanyak RM275.35 juta.

Aspirasi pencapaian pemegang PhD seramai 60,000 orang rakyat Malaysia menjelang tahun 2023 haruslah dilihat secara holistik, di mana semua agensi kerajaan termasuk pihak swasta perlu bersama-sama menjayakan hasrat tersebut. Usaha KPM hanyalah **subset** kepada sumbangan agensi kerajaan lain seperti MARA dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang juga menerima peruntukan untuk program tajaan biasiswa. Selain daripada itu, syarikat swasta juga hendaklah sentiasa memberi peluang tajaan pegawai dan kakitangan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa sasaran seramai 60,000 pemegang ijazah PhD ini adalah telah ditetapkan sejak pengenalan Pelan Pembangunan Pendidikan 2015-2025. Persoalan saya, mengapakah tidak ada lonjakan dilakukan oleh kerajaan baharu hari ini, melalui peruntukan kewangan yang lebih signifikan dalam belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini.

Apa yang saya maklum bahawa kerajaan hari ini nampaknya sebagai mana jawapan pada April lepas, hanya berpuas hati dengan usaha kerajaan terdahulu iaitu dengan mengharapkan jumlah pelajar PhD sedia ada bagi menamatkan pengajian masing-masing bagi mencapai sasaran tersebut. Satu lagi apakah alasan kerajaan lagi

untuk tidak lagi meneruskan program MyBrain kepada semua pelajar PhD selain bidang sains sahaja, sedangkan pembinaan negara kita ini bukan hanya tertumpu kepada bidang sains sahaja. Kita sedia maklum bahawa kekangan utama rakyat kita adalah kewangan untuk menyambung PhD. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bachok atas soalan tambahan tersebut. Saya rasa tuduhan Yang Berhormat bahawa Pakatan Harapan tiada pendekatan baharu untuk membantu melahirkan lebih banyak pemegang PhD itu adalah tidak tepat. Seperti yang saya sebut tadi bahawa geran untuk *fundamental research* telah meningkat secara mendadak apabila Pakatan Harapan menjadi kerajaan.

■1110

Pada tahun 2018, *research grant* yang disediakan untuk universiti kita adalah sebanyak RM200 juta tetapi untuk tahun ini jumlah tersebut telah meningkat kepada RM275.35 juta. Juga untuk tahun depan, kita telah mendapatkan satu peruntukan yang telah diluluskan untuk penyelidikan fundamental adalah berjumlah RM400 juta. Jadi maksudnya dalam tempoh dua tahun sahaja, dari tahun 2018 peruntukan yang disediakan RM200 juta, tahun depan kita akan dapat RM400 juta untuk *research*. Bukankah itu satu kejayaan ataupun telah membuktikan komitmen Pakatan Harapan untuk membantu murid-murid kita?

Tentang soalan kenapa kita tidak guna MyBrain15, tetapi menggunakan *research* adalah kerana apabila kita menjalankan *research* ataupun penyelidikan, mereka adalah di bawah seliaan mentor-mentor mereka, pensyarah-pensyarah ataupun profesor-profesor mereka. Kita boleh pastikan bahawa penyelidikan yang dijalankan tersebut adalah relevan, adalah boleh membawa manfaat kepada negara kita. Salah satu masalah tentang MyBrain15 adalah banyak *graduate* ataupun penerima tajaan itu mereka tidak mampu *graduate on time*.

Jadi dari segi itu juga akan menjadi satu pembaziran dari segi dana, masa dan tenaga. Oleh sebab itu kita rasa bahawa menyediakan dana penyelidikan adalah salah satu kaedah yang lebih baik. Seperti yang saya sebut, dalam tempoh masa dua tahun kita meningkat daripada RM200 juta kepada RM400 juta. Jadi saya rasa itu adalah satu usaha yang sepatutnya dipuji oleh semua Ahli Dewan Rakyat ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, selain daripada biasiswa, geran penyelidikan (FRGS) dan juga pelanjutan pelajaran secara cuti belajar. Apakah ada inisiatif yang lain yang diadakan

oleh kementerian untuk meningkatkan dan merangsang masyarakat kita untuk meningkatkan pendidikan ke tahap PhD? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Di peringkat KPM kita ada sediakan tiga jenis. Salah satu adalah biasiswa di mana pegawai-pegawai KPM, warga KPM boleh dapat yang kita panggil Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Mereka boleh dapat gaji, mereka boleh dapat elaun sara hidup dan pada masa yang sama KPM akan bayar untuk yuran-yuran untuk program PhD atau sarjana mereka.

Selain daripada itu, kita juga ada Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) di mana mereka akan dapat gaji dan juga yuran. Selain daripada itu, kita juga membenarkan warga KPM untuk mengambil cuti belajar bergaji penuh tanpa biasiswa daripada KPM. Seperti yang saya sebut tadi dan jumlah yang kita sediakan untuk program-program yang saya sebut tadi, untuk tahun depan adalah sebanyak RM13.98 juta. Jadi hampir RM14 juta telah disediakan.

Seperti yang saya sebut tadi, usaha untuk melahirkan lebih banyak pemegang PhD tidak boleh bergantung pada KPM sahaja kerana selain daripada KPM, kita juga ada JPA, MARA, MINDEF, KKM dan yayasan-yayasan negeri yang selalu menyediakan biasiswa untuk warga kerajaan ataupun orang awam untuk melanjutkan pelajaran mereka. Jadi saya harap bahawa kita memang boleh mencapai sasaran tersebut iaitu 60,000 orang pemegang PhD pada tahun 2023. Sekian jawapan saya, terima kasih.

5. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah bantuan yang telah diberi dan langkah-langkah yang akan diambil untuk membela nasib nelayan-nelayan di Kg. Pasir Putih, Kg. Teluk Kabong, Kg. Perigi Acheh, Kg. Tanjung Langsat, Kg. Pasir Salam dan Kong Kong Laut memandangkan air sungai telah dicemari akibat aktiviti-aktiviti pembuangan sisa toksik, air kumbahan yang tidak dirawat dan pengorekan pasir sungai tidak terkawal.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tebrau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran sungai yang disebabkan oleh aktiviti pembuangan sisa toksik, air kumbahan yang tidak dirawat dan pengorekan pasir sungai yang tidak terkawal di Kg. Pasir Putih, Kg. Teluk Kabong, Kg. Perigi Acheh, Kg. Tanjung Langsat, Kg. Pasir Salam dan Kong Kong Laut bukan sahaja telah menjejaskan kesihatan penduduk sekitar malah menyebabkan seramai 224 orang nelayan pesisir pantai turut terkesan.

Berdasarkan rekod pendaratan ikan, didapati hasil tangkapan di kawasan tersebut tidak terjejas tetapi hasil jualan nelayan telah merosot sehingga 50 peratus kerana orang ramai kkuatir ikan yang dijual telah tercemar. Sebagai contoh pada bulan Mac 2019, jualan ikan di Pasar Nelayan Pasir Gudang telah menurun daripada 60 kilogram kepada 25 kilogram sehari. Walau bagaimanapun, *sampling* daripada kawasan sekitar yang telah disebutkan tadi tentang ikan dan juga kupang dan sebagainya, tentang *sampling* mengenai *heavy metal* iaitu merkuri, *lead*, arsenik, *cadmium* menunjukkan ia masih pada paras yang selamat. Jadi *sampling* ini dijalankan oleh KKM dan juga DOF. Jadi ini menunjukkan bahawa ikan dan juga hasil laut daripada kawasan tersebut masih selamat dimakan.

Jadi usaha yang telah dijalankan untuk mengembalikan semula keyakinan pembeli bahawa ikan di kawasan tersebut tidak tercemar dan selamat untuk dimakan adalah mengadakan promosi jualan ikan dan promosi makanan hasil laut di Pasar Nelayan Pasir Gudang. Kupon diskaun sebanyak RM5 bagi setiap pembeli RM20 ke atas telah diberikan kepada para pembeli. Program ini melibatkan peruntukan berjumlah RM30,000 yang telah disalurkan secara *one-off* kepada Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Hasil daripada promosi yang telah diadakan bermula dari 5 hingga 20 Mei 2019, Pasar Nelayan Pasir Gudang berjaya mengutip hasil jualan berjumlah RM43,650 pada bulan Mei 2019 berbanding RM15,550 pada bulan Mac 2019. Dengan itu, terdapat kesan atau perubahan positif hasil daripada bantuan yang telah diberikan oleh pihak kementerian. Kementerian akan memantau status sumber perikanan di kawasan tersebut dan meneruskan promosi jualan hasil tangkapan ikan di Pasar Nelayan Pasir Gudang dari masa ke semasa bagi memastikan pendapatan nelayan di kawasan tersebut tidak terjejas. Sekian, terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Ya terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri. Jawapan yang saya terima nampaknya adalah jangka masa pendek kerana tadi ada sebut persepsi orang awam untuk membeli, mereka rasa tak selamat. Jadi saya berharap ada usaha yang akan ditingkatkan untuk meyakinkan orang awam. Akan tetapi soalan saya adalah untuk jangka masa panjang, adakah kementerian atau Kerajaan Pakatan Harapan sudi membantu nelayan-nelayan di situ untuk memiliki kapal besar untuk buat tangkapan di Laut China Selatan kerana kalau tangkapan di Laut China Selatan, orang awam akan yakin itu adalah selamat untuk dimakan. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Tebrau. Sememangnya kerajaan mempunyai program untuk memodenkan *vessel-vessel* nelayan terutamanya daripada kawasan zon nelayan pesisiran iaitu di kawasan zon A. Sememangnya kita mengalu-alukan sebarang nelayan untuk pergi ke laut yang lebih jauh sehingga ke laut dalam dan laut lepas. Jadi program pemodenan *vessel* selalunya ada dan kita harap bahawa kalau boleh Yang Berhormat membawa nelayan-nelayan berjumpa dengan DOF dan kita bincang tentang cara. Ia ada program, pinjaman dan sebagainya untuk meningkatkan dari segi *the motor size* atau tukar *vessel* kepada yang lebih canggih. Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya, ini soal pencemaran sungai yang menyebabkan punca pencarian nelayan. Apakah Sg. Kim Kim yang kita tak kenal pasti apa punca pencemaran dan baru-baru berlaku di Tanjung Piai, Kukup juga di mana penternakan ikan sungai di air masin di kawasan bakau juga terjejas.

■1120

Apakah tindakan kementerian melihat perkara ini, adakah kita membuat satu *post mortem* membantu nelayan. Ini kerana mereka menternak ikan jenis air sungai dan laut kerana di kawasan bakau. Jadi, punca pencemaran disebabkan BOD yang terlalu tinggi dan juga kandungan ammonia. Apakah tindakan kementerian yang segeralah untuk membantu mereka yang kerugian sebanyak RM5 juta. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Ayer Hitam, saya telah menjangka Yang Berhormat Ayer Hitam akan bertanya soalan ini, jadi saya sudah mendapat laporan daripada Pengarah Johor. Kita tahun bahawa apa yang berlaku pada 8 Oktober 2019, minggu lepas, betul ya Yang Berhormat? Jadi, sebelum 8 Oktober 2019 saya telah turun ke Kukup di kawasan Parlimen Tanjung Piai dan saya telah berdialog dengan nelayan-nelayan di sana. Perkara di mana kematian beramai-ramai ikan di kawasan Kukup itu memang sekali skala ia berlaku. Ia berlaku kerana isunya adalah pencemaran, pencemaran di sana sebab ia terlalu dekat dengan persisiran pantai.

Maka apabila kedalaman laut itu tidak mencukupi, maka kalau ada berlaku – contohnya hujan lebat, menyebabkan pemendapan dasar laut itu dia akan menyebabkan kekurangan oksigen dan BOD maka ikan akan mati. Sekarang, ini adalah siasatan awal dan saya akan turun untuk meninjau dengan lebih mendalam lagi tentang isu ini. Kita memang mempunyai program-program tertentu untuk membantu para nelayan *especially aquaculture* di kawasan tersebut. Contohnya, kita akan memodenkan

sistem *aquaculture* di sana dan kita telah mengadakan dua pilot projek tentang HDPE, menggunakan *aquaculture* HDPE yang lebih canggih dan boleh diletakkan di lautan yang lebih jauh daripada persisiran pantai. Maka, pengairan air dia akan lebih sihat untuk ikan-ikan.

Kedua, di bawah Bajet 2020, kerajaan telah menyediakan bajet sebanyak RM100 juta untuk sektor pertanian. Di mana berlakunya bencana, padi kah, dikenakan ribut, dikenakan pelbagai bencana termasuk *aquaculture*, sektor padi, sektor mana-mana pun, sayur-sayuran dan sebagainya, mereka boleh meminjam daripada Agro Bank supaya boleh memulihkan perniagaan mereka atau industri mereka pada kadar yang munasabah, ini akan kita umumkan nanti. Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Selamat berkempen di Tanjung Piai nanti.

6. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab pembatalan dan penggantungan sesebuah pertubuhan serta menjelaskan status pertubuhan yang memperjuangkan agenda '*Malaysian Malaysia*'.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) boleh membatalkan mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Di dalam hal-hal seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 13, pembatalan dan penggantungan Akta 335 di mana:-

- (i) apabila pertubuhan dibubarkan oleh pertubuhan itu dan pembubaran itu disahkan mengikut cara sebagaimana dikehendaki oleh pendaftar atau apabila pertubuhan itu dibubarkan oleh pendaftar mengikut akta ini;
- (ii) atas perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5 iaitu mengisytiharkan pertubuhan sebagai menyalahi undang-undang;
- (iii) apabila pertubuhan itu menjadi pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah seksyen 14(7) kerana tidak mengemukakan maklumat bertulis; dan,
- (iv) jika Pendaftar berpuas hati antaranya kepada perkara-perkara berikut:-

- (a) bahawa pendaftarannya telah dilaksanakan oleh sebab tipuan ataupun kekhilafan atau salahnya taat mengenai mana-mana butir yang material;
- (b) bahawa pertubuhan itu mungkin digunakan bagi maksud-maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud-maksud yang memudaratkan atau yang bertentangan dengan keamanan, kebajikan dan ketenteraman atau akhlak di dalam persekutuan;
- (c) bahawa pertubuhan itu adalah berusaha hendak mencapai tujuan-tujuan lain daripada tujuan-tujuan yang ia didaftarkan;
- (d) bahawa pertubuhan telah melanggar secara bersengaja mana-mana peruntukan akta ini atau, mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana kaedahnya, atau bahawa mana-mana ahli pertubuhan telah lazim melanggar peruntukan seksyen 4(1) Akta Pertubuhan 1948 dengan apa-apa perbuatan atau penyebaran yang mana seksyen 3(1)(f) akta itu terpakai;
- (e) bahawa pertubuhan itu tidak lagi wujud;
- (f) bahawa pertubuhan itu telah gagal mematuhi suatu perintah yang dibuat oleh Pendaftar di bawah seksyen 13A;
- (g) bahawa pertubuhan telah melanggar peruntukan seksyen 52, iaitu pertubuhan yang menggunakan upacara *Triad* disifatkan sebagai pertubuhan menyalahi undang-undang;
- (h) bahawa pertubuhan telah tidak mematuhi notis yang diberikan olehnya di bawah seksyen kecil (1) seksyen 16.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Pendaftar boleh mengeluarkan perintah secara bertulis bagi menggantung semua atau mana-mana kegiatan pertubuhan berdaftar yang difikirkan atau perlu berbuat demikian bagi kepentingan awam, atau kepentingan pertubuhan berdaftar itu sendiri, atau untuk menghalang

pertubuhan berdaftar daripada terus melanggar, atau mencabuli mana-mana peruntukan dalam Akta 335 mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau mana-mana aturan pertubuhan itu.

Berhubung status pertubuhan yang memperjuangkan agenda '*Malaysian Malaysia*'. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, keputusan dasar kerajaan, baik kerajaan terdahulu ataupun kerajaan yang sekarang tidak menyatakan bahawa agenda '*Malaysian Malaysia*' itu menyalahi peraturan atau undang-undang negara. Selagi mana pertubuhan tersebut tidak melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta 335 dan undang-undang berdaftar pertubuhannya serta menjalankan aktiviti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, maka pertubuhan tersebut boleh bergerak aktif. Namun sekiranya didapati sebaliknya, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia boleh mengambil tindakan di bawah Akta 335 yang boleh menjurus ke arah pembatalan sesebuah pertubuhan berdaftar berkenaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sedar kah Yang Berhormat Menteri bahawa di sana ada seksyen 2A(1), Akta Pertubuhan 1966 iaitu Akta 335 yang menyatakan bahawa adalah menjadi kewajipan setiap pertubuhan berdaftar dalam menjalankan aktiviti dan memastikan bahawa ia mengikut peruntukan Perlembagaan peringkat Persekutuan ataupun negeri dan jika ada apa-apa daripada aktiviti itu, berlawanan atau berkurangan, bermakna sistem kerajaan demokratik, kedudukan agama Islam, bahasa Kebangsaan, maka Pendaftar boleh membatalkan pertubuhan tersebut.

Sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa, aktiviti dan hal ehwal DAP adalah berlawanan dengan ataupun berkurangan atau bertentangan terhadap satunya kedudukan agama Islam sebagai agama Malaysia, kedudukan orang Melayu kerana perlembagaan DAP hanya menyebut mengenai mengiktiraf kebebasan beragama sebagai hak asasi yang merangkumi kebebasan pelbagai agama daripada ancaman undang-undang tanpa mengandungi pengiktirafan kedudukan agama Islam sebagai agama Malaysia. Maka, berdasarkan keadaan itu, mengapakah Yang Berhormat Menteri masih belum membatalkan pendaftaran DAP selaras dengan seksyen 2A(1), Akta 335 ini. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan soalan tambahan yang tadi. Sebagaimana yang saya sebutkan, bahawasanya agenda '*Malaysian Malaysia*' yang disebutkan, yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, daripada kerajaan terdahulu juga, ia tidak menyebut bahawa ia menyalahi

peraturan. Sehingga pada hari ini, perkara yang sama – kerajaan yang ada pada hari ini juga tidak ada menyatakan bahawa agenda ‘*Malaysian Malaysia*’ itu salah. Ini adalah jelas sebab itu saya sebutkan tadi dalam jawapan saya bahawa selagi ia tidak menyalahi peraturan-peraturan atau undang-undang yang terdapat di dalam Akta 335 dan juga menyalahi Perlembagaan Persekutuan, maknanya sesuatu pertubuhan atau NGO itu boleh bergerak secara aktif. Walau bagaimanapun Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia akan sentiasa melihat jika ada perkara-perkara yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan dan JPPM boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

■1130

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, pendaftaran Parti DAP ini telah diterima daripada tahun 60-an lagi dalam kerangka Perlembagaan yang kita ada. Adakah ini menunjukkan soalan yang datang daripada pihak Parti PAS tadi menunjukkan bahawa sekiranya PAS memerintah mereka akan menjadi lagi teruk daripada UMNO di dalam menghalang demokrasi di dalam negara kita?

[Tepuk]

Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Provokasi itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak payah jawablah. Jawapan, tidak payah jawablah.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, secara jelas negara kita ini di dalam Perlembagaan juga ada menyebut bahawa kebebasan beragama, kebebasan bersatunya itu ada. Walau bagaimanapun, sebagai mana yang kita lihat, apa yang berlaku pada hari ini yang sebagai mana disebutkan— memang benar apa yang disebutkan tadi. DAP ini telah didaftarkan sekian lama. Kalaulah Parti DAP ini gerakan mereka itu menyalahi peraturan atau undang-undang saya pasti, sewaktu kerajaan terdahulu memerintah mereka telah batalkan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita baik. Kerajaan kita baik.

[Tepuk]

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Oleh sebab tidak ada pelanggaran peraturan ataupun pelanggaran Perlembagaan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita tidak bersifat berdendam Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Baling...

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Oleh sebab itu, maka hari ini kita melihat Parti DAP masih lagi berdaftar dan bergerak mengikut Perlembagaan yang ada. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Mohon tambahan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri pun loncat dahulu.

[Soalan No. 7 – Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya (Tasek Gelugor) tidak hadir]

8. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Pendidikan menyatakan :-

- (a) jumlah permohonan yang ditawarkan, jumlah yang menerima tawaran dan melapor diri untuk kemasukan ke matrikulasi bagi tahun 2019 mengikut pecahan kaum ; dan
- (b) apakah fenomena kekurangan kemasukan pelajar bagi aliran sains berlaku lagi? Jika ya, berapa ramai dan apakah tindakan susulan kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sesi tahun 2019/2020, seramai 55,324 orang murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah ditawarkan untuk mengikuti program matrikulasi Kementerian Pendidikan. Penawaran dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019 yang bersetuju supaya dasar pengambilan pelajar ke program matrikulasi Kementerian Pendidikan dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera.

Selain itu, mulai sesi tahun 2019/2020 sebanyak 60 peratus tempat di program matrikulasi Kementerian Pendidikan diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan berpendapatan rendah iaitu golongan B40 sebagai salah satu inisiatif kepada kementerian untuk memberikan akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti program matrikulasi Kementerian Pendidikan dengan keutamaan diberikan kepada golongan B40.

Daripada jumlah tawaran tersebut, enrolmen program matrikulasi Kementerian Pendidikan bagi sesi 2019/2020 adalah seramai 22,655 orang pelajar Bumiputera seramai 1,774 pelajar kaum Cina, manakala kaum India pula seramai 1,212 dan seramai 278 orang daripada kaum-kaum lain.

Jawapan untuk bahagian kedua, bahagian (b). Program matrikulasi merupakan program yang telah diwujudkan pada tahun 1999 dengan tujuan asal adalah untuk meningkatkan penyertaan pelajar Bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional di universiti awam. Statistik enrolmen pelajar program matrikulasi Kementerian Pendidikan yang mengambil aliran sains menunjukkan peningkatan iaitu daripada 18,839 orang pada tahun 2017 kepada seramai 20,324 orang pada tahun 2018 dan juga seramai 22,678 orang pada tahun 2019. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terkilan juga, jawapan yang saya terima pada 3 Julai, di mana pengambilan telah dibuat, enrolmen telah dibuat. Dia kata, telah ditambah kepada seramai 40,000 tempat. Akan tetapi, nampaknya, kalau kita campur-campur jumlahnya sebanyak 25,000 sahaja, lebih daripada sedikit iaitu 25,000 tempat.

Inilah yang menyebabkan jawapan yang saya terima pada Julai, tengah hari berbeza. Kenapa berlaku begitu? Bukankah dijanjikan sebanyak 40,000 tempat? Saya hendak tanya kenapa keputusan Jemaah Menteri itu tidak dipatuhi? Rakyat di luar tidak tahu. Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tentang B40 itu betul. Sejak dahulu pun dasar itu adalah pada mereka yang berpendapatan rendah. Kepada jawapan kedua yang Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, saya dapat jawapan pada bulan Julai, dia kata, sebanyak 2,922 tempat untuk aliran sains tidak diisi. Akan tetapi, dengan apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tadi, tidak menggambarkan dan tidak ada sebarang penjelasan adakah ia cukup atau tidak? Ini kerana, Yang Berhormat Menteri yang kata dia kena ubah IPGM kepada kolej matrikulasi dan tambah tenaga pengajar. Apakah status terkini tentang ini, tentang aliran sains ini, dipenuhi atau tidak? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya rasa Yang Berhormat Ayer Hitam tidak faham jawapan ini. Kita telah sebutkan bahawa kita telah membuat tawaran sebanyak 55,324 orang. Maksudnya, tawaran yang kita telah buat melebihi 40,000 orang. Akan tetapi, kalau akhirnya pelajar itu membuat pilihan tidak datang ke matrikulasi, tetapi pergi ke IPGM atau pergi ke universiti, pergi ke tempat lain, apa yang kita boleh buat? Oleh sebab itu, kita ada satu tempoh masa. Program matrikulasi saya rasa Yang Berhormat Ayer Hitam

pun faham, program ini satu tahun sahaja. Kita membuat tawaran, kita membuat pengambilan tetapi kita tidak boleh buat pengambilan sepanjangnya, ia ada tempoh masa. Dalam satu tempoh masa itu, kalau tempat itu tidak diisi, kita pun tidak boleh buat apa-apa lagi.

Kita tidak boleh membuat pengambilan pada bulan Jun, pada bulan Julai sehingga bulan September walaupun mereka akan menduduki. Jadi, saya mahu tanya tawaran sebanyak 55,000 tempat telah dibuat, melebihi 40,000 tempat kerana kita pun tahu bahawa memang ada pelajar yang akan *reject offer* kita, tidak menerima *offer* kita.

Jadi, saya mahu tanya Yang Berhormat Ayer Hitam, apakah cadangan Yang Berhormat Ayer Hitam sebagai mantan Timbalan Menteri Pendidikan? Saya rasa pada masa itu pun ada masalah yang sama. Tawaran telah dibuat tetapi tidak diisi dengan sepenuhnya. Apabila kuota atau tempat yang disediakan di matrikulasi adalah sebanyak 25,000 tempat itu pun tidak semestinya diisi sepenuhnya. Betul tidak Yang Berhormat Ayer Hitam? Jadi saya rasa itu *common sense-lah*...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tetapi jawapan tidak konsisten lah berbanding dengan bulan Julai. Ini kerana telah ditambah. Itu masalah dia. Jawapan tidak betul.

Puan Teo Nie Ching: Kita telah tambah...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Ayer Hitam, sekarang bukan sesi perbahasan. Sekarang waktu soal jawab Menteri. Saya menjemput Yang Berhormat Selayang. Sila.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih. Soalan saya untuk memberikan cadangan. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata tentang masalah jumlah matrikulasi yang kita hadapi setiap tahun. Cadangan saya bolehkah kerajaan setuju untuk memberikan tawaran kepada semua pelajar yang mendapat keputusan cemerlang yang mendapat A, A+ dan A- yang mengikut laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk tahun 2018 ialah hanya sebanyak 8,436. Bolehkah tawaran diberikan kepada semua pelajar yang mendapat keputusan cemerlang tanpa mengira kaum supaya kita mengadakan premium untuk meritokrasi.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Selayang di atas cadangan tersebut. Bagi saya ialah kita akan mengikut apa-apa polisi yang telah ditetapkan oleh Jemaah Menteri. Kalau cadangan tersebut diterima oleh Jemaah Menteri, kami tidak ada masalah untuk melaksanakannya. Akan tetapi, saya rasa apabila kita melaksanakan sesuatu polisi baharu, kita perlu mendapatkan

konsensus. Saya tidak mahulah ada orang yang tidak bertanggungjawab untuk mengapi-apikan isu tersebut dan memusnahkan segala usaha murni kita. Sekian, jawapan saya.

9. Tuan Wong Chen [Subang] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan pendirian kementerian mengenai harga karbon dan pelaksanaan cukai karbon di loji kuasa mengikut polisi Kerajaan Singapura baru-baru ini, berdasarkan kelulusan resolusi AIPA terhadap harga karbon pada bulan Ogos 2019.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Paris Agreement* telah dipersetujui oleh semua negara parti kepada UNFCCC pada 12 Disember 2015. Antara kandungan *Paris Agreement* adalah mengenai pembangunan dan pelaksanaan mekanisme pendekatan kerjasama (*cooperative approaches*), mekanisme pasaran (*market mechanism*) dan mekanisme bukan pasaran (*non-market mechanism*) di bawah Artikel 6.

■1140

Walau bagaimanapun, pembangunan garis paduan bagi pelaksanaan Artikel 6 kepada *Paris Agreement* ini masih dirundingkan. Dijangkakan proses rundingan Artikel 6 ini akan dimuktamadkan semasa persidangan UNFCCC COP25 di Santiago, Chile pada hujung tahun ini.

Dalam masa yang sama, adalah penting supaya pembangunan kerangka perundangan perubahan iklim yang dicadangkan untuk selari dengan hasil rundingan Artikel 6 kepada *Paris Agreement*. Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang saya rasa tidak jawab soalan saya langsung. Jadi, saya hendak tanya terus. Sebab isu dia tentang *carbon pricing* bukannya tentang *Paris Agreement*. Jadi, saya hendak tanya secara prinsip, memandangkan *power plants* di Malaysia ini adalah sumber 80 peratus *carbon dioxide emissions* dan juga memandangkan semua *Independent Power Plants (IPP)* mempunyai kontrak yang *Power Purchase Agreements* yang cukup *lucrative*. Untung 21 tahun. Besar.

Bahawa, berdasarkan prinsip *social justice* dan kesemua IPP ini perlu dicukaikan satu *carbon tax* sama ada kerajaan setuju atau tidak untuk buat suatu *blue print*-lah kalau tidak ada cadangan sekarang bagi satu *blue print* untuk memastikan yang untung besar ini bayar sedikit untuk *carbon tax*, *carbon pricing* untuk tolong dunia ini dalam isu

climax change. Itu sahaja soalan saya. Saya minta satu prinsip jawapan prinsip. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Jawapan dasar. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Pelaksanaan cukai karbon seperti yang dilaksanakan di Singapura ini adalah merupakan suatu inisiatif kerajaan yang baik untuk kita kurangkan *carbon emissions*. Cumanya dalam konteks Malaysia kita juga perlu memikirkan tentang mekanisme terbaik mengikut acuan Malaysia kerana buat masa ini ada juga terdapat lagi beberapa mekanisme lain di mana kita kurangkan langkah-langkah pengurangan *carbon emissions* yang sedang diteliti dan sedang dibuat.

Antaranya yang MESTECC lakukan adalah kita ingin capai *20 percent renewable energy 2025* dan sekiranya cukai karbon ini di implementasi di Malaysia kita perlu mengambil semua pandangan *stakeholders* dan di peringkat awal kita juga telah pun mengadakan perbincangan dengan MOF dan juga MEA. Sebab itu kita fikir juga *Climax Change Act* ini adalah penting untuk dilakukan dan saya mengambil kira cadangan Yang Berhormat Subang. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua perkara yang berasingan tetapi ada hubung kait bersama. Saya faham Yang Berhormat Subang memang berminat soalan *carbon tax* ini. Pertama ialah, *carbon tax*. Soalan saya apa sebenarnya masalah kerajaan tidak dapat melaksanakan *carbon tax*?

Kedua, *carbon pricing*. Apa masalah kerajaan tidak dapat menetapkan *price of carbon*? Mengikut apa yang dilaksanakan di negara-negara lain untuk *carbon pricing*. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Seperti yang saya cakap tadi yang saya ulang tadi. Kita tidak mahu *impose carbon tax, carbon pricing* ini dengan terburu-buru. Ini kerana, kita juga ingin juga pelaburan di negara ini dan dalam masa yang sama bila kita melakukan *carbon tax, carbon pricing* ini kita perlu mengadakan pelbagai *engagement* dengan semua *stakeholders*.

Walau bagaimanapun, saya mengambil kira pandangan Yang Berhormat Santubong dan banyak lagi cara-cara untuk kita mengurangkan *carbon emissions* tidak semestinya melakukan daripada *carbon tax* sahaja, *carbon pricing* sahaja. Terima kasih.

10. Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah terkini daripada pihak kementerian dalam menggalakkan pertanian secara moden seperti pertanian *fertigation* di kalangan petani di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Samarahan. Kementerian ini sentiasa memberi galakkan kumpulan sasar untuk mengusahakan aktiviti pertanian secara moden dengan aplikasi teknologi dan inovasi. Usaha ke arah galakkan ini akan dipertingkatkan melalui antara lain, penyebarkan penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi dan pembangunan modal pertanian moden seperti yang telah digariskan dalam hala tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah *priority* dan strategi bagi tempoh 2019 tahun 2020.

Keprihatinan kerajaan terhadap inisiatif pertanian moden ini juga dapat dilihat semasa pembentangan Bajet 2020 apabila sebanyak RM43,000 juta telah diperuntukkan ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0. iaitu *Agriculture 4.0* bagi membangunkan baka yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi seterusnya dapat memacu ekonomi negara melalui sektor Agromakanan.

Penggunaan teknologi pertanian moden ini juga dijangka dapat menarik lebih ramai anak muda untuk menceburi bidang pertanian pada masa depan. Selain itu, kementerian juga telah mengambil pelbagai langkah dari semasa ke semasa untuk menggalakkan pertanian secara moden seperti berikut;

- (i) memperkenalkan inovasi terkini seperti teknologi benih bermutu tinggi, teknologi cantuman dewasa tanaman buah-buahan, penggunaan *drone* bagi tujuan pembajaan dan penyemburan racun serta kaedah penanam hidroponik bertingkat *vertical farming* bagi meningkatkan kepadatan tanaman pada ruang yang terhad;
- (ii) melaksanakan kajian dan prototaip kejuruteraan seperti pembangunan pakej teknologi pertanian tepat, *precision farming*, *agro robotic*, aplikasi berasaskan *Internet Of Things*, model kilang tanaman, pencahayaan penggunaan LED, sistem pengairan secara automasi, pengenalan pasti perosak dan penyakit tanaman melalui kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) serta pembangun analitis data raya pertanian (*Big Analytical Data*);
- (iii) membangunkan aplikasi mudah alih yang boleh diakses menggunakan telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain;

- (iv) memberi pelbagai bantuan berbentuk insentif amalan pakej teknologi kepada para petani seperti pembangunan infrastruktur ladang, pemberian input pertanian dan peralatan kecil pertanian mengikut keperluan;
- (v) menganjurkan program-program penemu suaian antara petani dan pihak industri dan syarikat-syarikat teknologi bagi mempercepatkan pemindahan teknologi moden;
- (vi) menyediakan kursus latihan khas dalam bidang *Internet Of Things* (IOT) seperti Program Latihan *Flagship Agroprenuer Muda* (MARDI) Agro AGORA. Program ini dilaksanakan secara bersisi di seluruh negara sejak tahun 2016; dan
- (vii) menggalakkan aktiviti pengempangan dan latihan berkaitan dengan teknologi pertanian moden dan inovasi terkini kepada petani selain memperkasa petani melalui persatuan dan koperasi bagi membolehkan akses kepada penggunaan teknologi pertanian moden secara kelompok.

Sejajar dengan Revolusi Industri 4.0, kementerian ini akan memberikan perhatian khusus dan penekanan terhadap teknologi pertanian moden dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 iaitu bermula pada tahun 2021 hingga tahun 2030 dan Rancangan Malaysia ke-12 iaitu tahun 2021 hingga tahun 2025 yang sedang dirangka dan dirancang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya jemput Yang Berhormat Pematang Pauh.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Samarahan. Selepas itu Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan daripada Kota Samarahan bukannya Yang Berhormat Santubong. Jadi, terima kasih atas jawapan yang penuh bermaklumat dan menunjukkan keseriusan kerajaan dalam memastikan pertanian menjadi satu aktiviti ataupun ekonomi yang menguntungkan kepada semua rakyat Malaysia.

■1150

Soalan tambahan saya, menurut kajian pengesanan graduan tahun 2018, seramai 3122 orang graduan yang telah mendapat ijazah dalam bidang pertanian dan veterinar yang tamat pengajian dan hanya 1201 orang sahaja yang mendapat peluang

pekerjaan. Oleh itu, memandangkan sektor pertanian moden ini amat menguntungkan, kita ingin mengetahui apakah cadangan ataupun apa mekanisme kementerian untuk memastikan graduan-graduan ini untuk menceburi dan menyertai bidang-bidang pertanian moden yang menguntungkan dan secara tidak langsung dapat membuat mereka lebih berdaya maju pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan, minta maaf tadi. Terima kasih dengan soalan yang sangat baik kerana mengenai isu graduan daripada 3000 lebih graduan hanya 1200 graduan yang mendapat peluang pekerjaan dalam sektor pertanian. Ini mungkin adalah satu *mismatch*. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, saya juga merasmikan sebuah majlis di mana kita ada *job fair* for sektor pertanian dan pekerjaan yang ditawarkan lebih daripada 4000 peluang pekerjaan.

Selalunya saya pergi ke mana-mana, pengusaha-pengusaha memberi maklum kepada saya bahawa, mereka susah mendapatkan pekerja baik dari graduan contohnya *agronomist, breeder, researcher* dan sebagainya sehinggakan kepada pekerja yang memerlukan kemahiran melalui TVET dan sebagainya.

Saya rasa ada sedikit *mismatch*. Saya tidak pasti bahawa 3000 lebih itu adakah mereka telah – mungkin mereka walaupun mendapat graduan daripada sektor pertanian tetapi mungkin mereka telah bertukar bidang kepada sektor yang lain, saya tidak pasti kerana kita perlu ada *survey* yang lebih tepat.

Akan tetapi, hakikatnya bahawa sektor pertanian penuh dengan peluang yang bagus terutamanya sektor pertanian moden dan kita mengalu-alukan, *we need more talented people, we need more graduates* to menceburi sektor pertanian. Kita ada program Agropreneur Muda, kita ada pelbagai peluang dari peringkat jabatan dan mereka bukan sahaja boleh bekerja dengan orang lain, mereka juga boleh menjadi agropreneur muda di mana kita akan *matching*, kalau mereka sudah ada perancangan, jabatan akan membantu dari segi membantu orang-orang muda memasuki sektor pertanian. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Saya merujuk apabila bercakap tentang sektor pertanian, laporan yang dikeluarkan oleh *Khazanah Research Institute* berjudul “*The Status of the Paddy and Rice Industry in Malaysia*”.

Antara sebab dan kelemahan utama yang dibawa dalam penemuan kajian ini adalah masalah struktural yang harus diperbaiki, antaranya termasuklah contoh bantuan subsidi dalam jawatan teknikal bantuan kerajaan kepada industri padi dan beras. Ini

diberikan juga kepada MARDI walaupun MARDI sepatutnya membekalkan benih-benih – maksudnya wujud *conflict of interest* yang jelas, maka untuk kita mengambil serius usaha untuk memperbaiki sektor pertanian, adakah kementerian bersedia untuk melaksanakan reformasi struktural bagi memberikan insentif kepada golongan yang selayaknya. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh kerana memberikan satu cadangan yang baik tentang isu pemodenan dan juga penstrukturan semula sektor padi dan beras. Sememangnya kerajaan sekarang sangat serius, fokus kepada sektor padi dan beras.

Apa Yang Berhormat Permatang Pauh bangkitkan tentang Khazanah Research Institute. Khazanah Research Institute telah dipanggil oleh kementerian untuk memberi *briefing* kepada semua pimpinan atasan dan saya *personally* juga meminta Khazanah *Researcher*, Dr. Suraini kan? Untuk memberikan *briefing* kepada saya.

Kita maklum tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Khazanah Research Institute. Sememangnya kita akan mengadakan pelbagai penstrukturan semula termasuk *dismantling of BERNAS monopoly* pada tahun 2021 dan sebagainya. Ada banyak perancangan telah dibuat dan sedang dilaksanakan, pelbagai kajian telah dibuat dan kita akan mengumumkan segala penstrukturan semula pada masa yang sesuai. Sekian, terima kasih.

11. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah kebanyakan mereka yang ditangkap serta dipenjarakan berkaitan penagihan dadah adalah daripada golongan miskin? Adakah masa depan mereka ini akan lebih musnah kerana kehilangan kerja, dipencilkan dan dianggap sebagai bekas banduan ?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada satu kajian yang bertajuk 'Kajian Impak Program Pemulihan Banduan' yang telah dibuat Universiti Pertanian Malaysia yang telah dilaksanakan oleh salah sebuah institusi pengajian tinggi awam di Malaysia terhadap 4723 orang responden ataupun banduan pada tahun 2016 menunjukkan majoriti banduan yang terlibat dengan kesalahan dadah tergolong dalam kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah ataupun B40 dan tinggal di kawasan bandar ataupun miskin bandar.

Kajian tersebut juga menunjukkan perubahan struktur ekonomi turut mengubah struktur sosial apabila cara hidup seseorang berubah mengikut gelombang

pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kos sara hidup di bandar menjadi salah satu faktor keterlibatan banduan dalam salah laku jenayah.

Berdasarkan dengan situasi di atas serta stigma masyarakat terhadap bekas banduan, Jabatan Penjara Malaysia telah berusaha melatih dan membina semula masa depan banduan agar mereka insaf, pulih, berkemahiran, mampu berdikari serta tidak mengulangi kesilapan setelah dibebaskan kelak. Langkah ini adalah selaras dengan prinsip pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia seperti mana ketetapan pada Peraturan 3(1)(c), Peraturan-peraturan Penjara Tahun 2000.

Di samping itu, program pembangunan insan iaitu modul pemulihan khusus yang telah dibina oleh Jabatan Penjara Malaysia turut menerapkan bidang kemahiran dalam fasa pemulihannya agar banduan yang terlibat menjadi sumber manusia yang produktif dan mampu menyumbang kembali kepada masyarakat.

Demi kepentingan pemulihan dan asimilasi semula ke dalam masyarakat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan pelbagai program latihan kemahiran dan pemulihan termasuklah akademik yang boleh dipraktikkan setelah dibebaskan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

Antara langkah-langkah tersebut, kalau saya hendak senaraikan agak panjang tetapi saya akan menyebut beberapa:-

- (i) menggalakkan pembelajaran akademik kepada banduan di peringkat persekolahan dan pengajian tinggi. Pada masa kini terdapat seramai 1256 orang penghuni penjara mengikut pembelajaran akademik dan 34 orang daripada mereka kini sedang menyambung pengajian di peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan juga doktor falsafah (PhD);
- (ii) latihan secara tidak bersijil dan bersijil di bengkel-bengkel perusahaan ataupun amanah ataupun usaha sama. Penghuni yang terlibat diberikan insentif yang boleh digunakan setelah dibebaskan. Pada ketika ini terdapat seramai 8260 orang penghuni sedang mengikuti latihan kemahiran di 486 bengkel perusahaan, akaun amanah dan usaha sama;
- (iii) semenjak latihan kemahiran dilaksanakan mulai tahun 2012 sehingga Ogos 2019, seramai 19,010 orang penghuni telah

didaftarkan untuk mengikuti Program Sistem Latihan Dual Nasional dan 14,870 orang penghuni telah berjaya menerima sijil kemahiran tersebut dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan latihan pekerjaan turut ditawarkan kepada bantuan termasuk orang diparol melalui Program Reintegrasi Penghuni Industri (PRPI) dan *Corporate Smart Internship* dengan syarikat swasta dan syarikat berkaitan dengan kerajaan. Pada ketika ini terdapat seramai 86 banduan yang sedang mengikuti Program Reintegrasi Penghuni Industri dan seramai 1,053 orang diparol mengikut Program Korporat Smart Internship. Banduan dan orang diparol tersebut boleh meneruskan pekerjaan berkenaan setelah mereka dibebaskan.

■ 1200

Sebenarnya banyak lagi kalau saya hendak teruskan. Cuma agak masa tidak mengizinkan. Cuma untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak Agensi Antidadah Kebangsaan juga melaksanakan pelbagai program pemulihan terhadap banduan yang dibebaskan setelah selesai menjalani hukuman di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya Tahun 1952 akan diperintahkan oleh mahkamah menurut peruntukan Seksyen 38B akta yang sama untuk menjalani program pengawasan pegawai pemulihan di bawah Akta Penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Program pengawasan ini Tuan Yang di-Pertua tidak menyisihkan bekas banduan tetapi membolehkan mereka mengekalkan kepulihan dan mengamalkan gaya hidup yang berkualiti. Pengawasan secara berterusan ini penting dalam menangani masalah penagihan semula ataupun *relapse prevention*. Dalam hal ini AADK telah menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di dalam komuniti yang boleh diperolehi di pejabat AADK daerah dan Pusat Integrasi Klien dengan Program Bio Psiko Sosial serta melaksanakan latihan kerjaya dan peluang penempatan pekerjaan yang bersesuaian. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu jawapan yang padat dan sarat dengan informasi.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara maju sekarang ini sudah tidak banyak guna kaedah pemenjaraan kerana kajian menunjukkan akhirnya dia tidak berkesan dan menuntut perbelanjaan yang sangat tinggi. Kaedah MAT ataupun *Medication Assisted Treatment* ini lebih, yang dilakukan oleh GP's, *Privates Practioners* dengan izin dan juga KKM lebih dikatakan, lebih berkesan dan lebih berperi kemanusiaan. Soalan saya,

kenapa bajet untuk MAT agak sangat kecil berbanding dengan bajet untuk pusat serenti dan penjara dan sebenarnya saya hendak tanya bilakah *decriminalization of drug* dengan izin akan dilaksanakan seperti yang telah diumumkan oleh menteri-menteri KDN dan juga Menteri Kesihatan pada satu sidang akhbar selepas Mesyuarat Isu-isu Kesihatan yang mengaitkan, yang terkait dengan KDN pada 24 Jun 2019. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, program MAT itu adalah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, bukan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Cuma untuk makluman ahli Yang Berhormat, sekarang ini pun pihak penjara sedang membuat kajian tentang keperluan untuk kita melaksanakan *decriminalization* penagih-penagih dadah ini dan baru-baru ini juga untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan ahli Yang Berhormat, saya ada melawat penjara yang ada di United Kingdom dan mereka juga menggunakan kaedah yang sama iaitu *decriminalization* penagih-penagih dadah dan kita ke arah itu. Kita masih lagi dalam proses kajian dan kita akan lihat sama ada keberkesanan ataupun keperluan *decriminalize* penagih-penagih dadah ini akan memberi impak yang baik kepada negara kita dan oleh kerana kajian ini masih lagi kita jalankan, saya tidak dapat memberikan secara detail apa yang akan kita laksanakan akan datang, insya-Allah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih. Saya ingin bertanya berhubung dengan soal penjara tapi sebelum itu soal isu tahanan banduan yang berisiko di lokap, risiko HIV. Sekarang ini kita tidak ada pengasingan dan kita dapati ada rungutan di kalangan banduan yang tidak ada risiko bila mereka ditahan bersama dengan banduan yang berisiko HIV. Apakah pihak kementerian tidak berhasrat membuat pengasingan di peringkat lokap ini. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sebenarnya di pihak penjara memang membuat pengasingan khususnya kepada mereka yang mengidap penyakit-penyakit yang berbahaya antaranya seperti HIV. Mereka ini memang ditempatkan di tempat yang khas, tidak dicampurkan dengan banduan-banduan yang lain kerana kita tidak mahu ianya akan menyebabkan pesakit lain, banduan yang lain itu juga terkena penyakit yang....

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Maksud saya ialah di lokap, bukan di penjara.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Okey. Di lokap kita akan tengok dari segi itu. Saya belum ada data dia, maklumat dia. Tetapi apa yang saya tahu di dalam penjara itu

setelah mereka dihukum, memang ada pengasingan. Tetapi di lokap ini saya merasakan mungkin disebabkan oleh kerana tempoh masa itu, tahanan mereka itu agak pendek, jadi setakat ini saya tidak pasti sama ada pengasingan dilakukan. Tapi saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat jika ada maklumat tambahan yang saya perolehi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu tamatlah sesi jawab lisan untuk pagi ini. Usul. Silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2019

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Kewangan 2010 dan Akta Kewangan 2018; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan (Tuan Lim Guan Eng):_dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.06 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 16 Oktober 2019.”

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[14 Oktober 2019]**

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(6). Semalam saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Batang Sadong telah menyatakan bahawa saya telah mengecam orang Sarawak sebagai dengan izin *greedy beggars* dan beliau menyatakan bahawa saya telah buat kenyataan sedemikian. Saya hanya hendak menyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah membuat kenyataan tersebut kepada rakyat Sarawak dan saya harap kerana beliau nampaknya tidak ada, beliau boleh tarik balik tuduhan yang dilemparkan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak mendengar apa yang disebut Yang Berhormat. Yang Berhormat sebut tadi *greedy beg...*

Tuan Lim Guan Eng: *Greedy beggars.*

Tuan Yang di-Pertua: *Greedy beggars.*

Tuan Lim Guan Eng: *Greedy beggars* ke atas rakyat Sarawak. Ini saya tidak pernah sebut. Saya harap boleh rujuk kepada *Hansard* kemudian untuk

memperbetulkan kenyataan ini kerana ia adalah sesuatu fitnah sama sekali. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana Yang Berhormat Batang Sadong tidak berada di dalam Dewan sekarang, ya ya. Yang Berhormat Santubong, sila.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang perlu dipertimbangkan di sini. Walaupun saya tidak ada bantahan kepada sesiapa saja yang melakukan kesalahan ataupun kesilapan dalam Dewan. Yang pertama, usul ini dibawa berlandaskan perkara yang telah berlaku, bukan di hadapan Tuan Yang di-Pertua. Yang nombor dua yang sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sudah sebut, Yang Berhormat Batang Sadong sendiri tidak ada di sini, jadi saya minta tunggu Yang Berhormat Batang Sadong ada lah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Itu yang terbaik saya ingat dan mungkin lebih terbaik sekali kalau kita tunggu *Hansard* ya, laporan *Hansard* sebab saya pun tidak dengar sendiri ya. Mungkin kita tunggu *Hansard* dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya simpati dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan ini. Tapi saya hendak tanya adakah boleh kita *backdated* 36(1) ini sebab saya ada 36(1) yang saya hendak rujuk pada tahun 1986 dulu. [*Dewan ketawa*] Boleh tak saya bawa untuk diperbincangkan?... [*Dewan ketawa*]
■1210

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak menjadi *current* lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Dak*, masa itu Yang Berhormat Menteri Kewangan bersama saya. *Pasaipa* tidak relevan? *What is different between yesterday and days ago?* [*Ketawa*] Dengan izin...

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa, Yang Berhormat Arau pun hendak cakap Orang Puteh [*Ketawa*] Ada perbezaan- jurang perbezaan [*Ketawa*] Paling ketara...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Dak*, apa beza? Ini sebab *point of order* 36(6) ialah untuk masa perbahasan. Kalau kita hendak rujuk- boleh tak saya hendak tanya saja *kot* Tuan Yang di-Pertua tahu, boleh termasuk.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut keadaan, apa yang munasabah kalau 10 tahun dahulu dan bandingkan sekarang, mana boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dulu ada seorang Ahli Parlimen mengatakan, "Menteri Pendidikan celaka..." Menteri Pendidikan ini ialah Yang Berhormat Port Dickson masa itu. Jadi, dia kata kat Menteri Pendidikan. Kali pertama perkataan itu digunakan di Parlimen. Jadi adakah...

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat Port Dickson pun kalau ditanyakan sekarang, mungkin Yang Berhormat Port Dickson pun sudah lupa. Itu tidak *current* ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tidak akan lupa sebab saya duduk situ, dia duduk di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Walau apa pun, kalau disebut ini adalah sesuatu yang agak serius.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Itu *different Parliament*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Dak, dak* bukan. Ini hendak tanya, bukan hendak berlawan ya. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Orang lain jangan jawab-Tuan Yang di-Pertua sahaja... [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mengikut keadaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ikut keadaan lah.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau semalam dia sebut, hari ini boleh dibangkitkan. Apa salahnya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya patuh Tuan Yang di-Pertua, tiada masalah. *No problem*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Jadi saya ingat itu yang terbaik sekali, kita tunggu sehingga Yang Berhormat Batang Sadong ada di sini, dan saya pun ingin melihat *Hansard*, apa yang dilaporkan dalam *Hansard*, kalau dilaporkan dalam *Hansard*.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Port Dickson untuk mulakan perbahasan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Perkara 36(12). Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Yang di-Pertua: Apa lagi Peraturan Mesyuarat? Saya sudah putuskan tadi.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak, ini topik lain, isu lain.

Tuan Yang di-Pertua: Apa?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya hendak minta petua daripada Tuan Yang di-Pertua. Semalam bila perbincangan Ketua Pembangkang, berkaitan dengan isu royalti kepada Kelantan, bila disebut tidak dibayar kepada Kelantan, Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak membantah. Dia ada pada waktu itu, tetapi dia buat *statement* di luar menyatakan bahawa bayaran sudah dibuat kepada Kelantan, dan kenyataannya adalah bohong sebab yang diterima oleh negeri Kelantan ialah...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Peraturan Mesyuarat yang mana ini?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang diterima oleh Kelantan ialah Wang Ihsan.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Itu yang saya hendak minta petua daripada Tuan Yang di-Pertua, bagaimana untuk memperbetulkan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di luar Dewan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya ingat Yang Berhormat Bagan juga mesti bawa Peraturan Mesyuarat 36(12) untuk betulkan Ketua Pembangkang semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang berlaku di luar Dewan...

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Ini Peraturan Mesyuarat JKK ini.

Tuan Yang di-Pertua: ...Bukan bidang kuasa Speaker, itu sahaja. Baik, baik kita teruskan Yang Berhormat Port Dickson.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Dak*, kenapa Menteri Kewangan tidak bawa Peraturan Mesyuarat 36(12)?

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya telah membuat *rulling*.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Dia buat kenyataan di luar.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang berlaku di luar Dewan, di luar bidang kuasa...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Dia tidak berani sebut dalam Parlimen kerana tidak ada Peraturan Mesyuarat....

12.11 tgh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ini Menteri pula tidak berani.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: ...Dan salam sejahtera.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Itu bagi Menteri Kewangan jawab nanti lah.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Saya turut mengucapkan tahniah atas pembentangan belanjawan oleh Menteri Kewangan yang nyata lebih menyeluruh dan inklusif dan lebih prihatin terhadap penderitaan rakyat... *[Tepuk]*

Sekurang-kurangnya apa yang dirasakan dan teguran yang dibuat tahun lalu tentang pengurangan subsidi banyak dikembalikan. Bagi saya ini penting, menunjukkan kesediaan Menteri dan kerajaan mengambil kira pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, dan respons dari kalangan rakyat.

Menteri membentangkan satu belanjawan dalam keadaan ekonomi dunia dan negara yang tidak menentu. Semua unjuran mengesahkan bahawa keadaan ekonomi lebih laih dan lembap. Oleh yang demikian, beberapa langkah harus dilakukan untuk menjana pertumbuhan. Dan ini cabaran yang besar dalam keadaan keyakinan terhakis. Untuk memulihkan keyakinan itu, memerlukan suatu belanjawan yang lebih berani untuk memastikan pelaburan domestik dan pelaburan asing itu meningkat.

Keduanya dalam keadaan yang sama, tidak boleh mengetepikan rintihan rakyat dalam keadaan harga barang, pendapatan dan pengangguran. Mengambil kira semua permasalahan ini, saya percaya Menteri berdepan dengan suatu permasalahan yang getir dan beliau telah cuba sedaya upaya untuk memperbaiki, termasuk dalam ikhtiar kebijakan percukaian yang telah diperkenalkan, dan juga beberapa perubahan termasuk peruntukan dan insentif baru di bidang-bidang baru termasuk *digital technology*.

Tentang itu, saya ingat sentuh sedikit sahaja iaitu mengambil kira keprihatinan kita bahawa perubahan ini walaupun didukung harus mengambil kira jaminan pertumbuhan dan manfaat semua rakyat.

Kita tidak mahu satu program yang akan hanya mendamba perubahan kepada satu golongan peniaga yang sudah berjaya, atau di bandar atau elit bandar, tetapi

mengetepikan nasib pekebun kecil, nelayan, petani kerana *digital technology* itu membolehkan kita mengadakan rangsangan yang besar, yang saya lihat disentuh, tetapi, saya ingin gesa supaya tekanan dibuat supaya kesenjangan itu tidak berterusan.

Beberapa hari yang lalu kita mendapat berita tentang Hadiah Nobel Ekonomi yang diberikan kepada pasukan *The Economist* yang memusatkan kajian mereka tentang masalah kemiskinan.

Ini yang mereka sebut *randomize control trials*. Dan untuk menjelaskan isu kemiskinan ini, saya ingin menggesa Menteri Kewangan dan EPU di bawah Kementerian Ekonomi untuk mengambil kira kajian yang dibuat secara teliti ini, kerana yang mereka lakukan ialah setiap perubahan struktural itu penting. Program kemiskinan tidak mampu diselesaikan melalui subsidi. Akan tetapi, subsidi yang boleh memperkasa petani atau nelayan. Subsidi yang menyebabkan mereka terus bergantung- mengikut teori Samir Amin, akan menyebabkan *dependency syndrome* dan ini yang dilakukan selama ini.

Selama ini, selama puluhan tahun, keprihatinan ada dan seperti mana yang saya sebut tahun lalu, saya tidak berhasrat untuk mengkritik usaha-usaha yang lampau kerana dari sudut jumlah peruntukan dalam kerajaan yang lalu pun adalah cukup tinggi. Ini disambung oleh kerajaan sekarang terutama tahun ini. Akan tetapi, pendekatan dan perubahan struktural itu belum berlaku. Maknanya, kebanyakan usaha walaupun ada beberapa perubahan masih lagi di tahap pendekatan yang lama, dan sebab itu saya minta dikaji- dalam hal yang saya sebut, pendekatan untuk membuat percubaan secara terpilih mengambil sedikit waktu, tetapi keberkesanannya terjamin. Ini disebut, *randomize control trials*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan bangun Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]: Biar saya habiskan tajuk ini, saya beri.

Jadi, saya sebut hal ini kerana masalah kemiskinan ditegaskan juga oleh Perdana Menteri mengambil kira pendekatan yang *multidimensional*, walaupun saya gunakan *Boston Consulting Group*- BCG ya, *group* itu yang menjelaskan tentang kajian menyeluruh dari segi yang disebut oleh *Sustainable Economic Development*. Menunjukkan bahawa pertumbuhan kita itu tidak meyakinkan, dan keadaan dan kadar kemiskinan itu jauh lebih tinggi. Kita tidak harus terlibat dalam kontroversi dengan Philip Aston.

Akan tetapi, *Khazanah Research Institute* telah melakukan suatu penyelidikan yang menyeluruh dan patut kita manfaatkan sepenuhnya di Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan kementerian berkaitan supaya kelemahan-kelemahan struktur yang lalu itu tidak di ulangi. Oleh sebab itu juga, kokus *reform*, dan urus tadbir yang disertai oleh pelbagai parti menekankan soal kemiskinan, kesenjangan di Malaysia, takrifan dan pelaksanaan.

■1220

Saya ucap terima kasih kepada Unit Perancang Ekonomi kerana mengambil kira ini, walaupun kita belum tahu apa dia perubahan yang ingin dilakukan. Kedua, apa angka paras garis kemiskinan baharu yang digunakan daripada 980 ke 1,200 atau 1,500 atau 1,800. Ini bagi saya penting kerana kalau kita tidak meningkatkan jumlah ini, kita berdepan dengan suatu data dan angka yang salah. Oleh yang demikian, perancangan itu tidak mungkin akan tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat PD bahawa rantai kemiskinan ini begitu menebal dan subsidi bukan jawapan yang tepat untuk merungkai masalah kemiskinan. Jadi, Yang Berhormat PD, adakah Yang Berhormat melihat bahawa kemiskinan ini perlu komitmen yang tinggi, perlu perancangan yang menebal dan juga kesungguhan daripada kerajaan dan daripada pemimpin?

Apakah Yang Berhormat PD akan memberi penekanan kepada kerajaan bahawa kemiskinan ini perlu satu perancangan yang panjang untuk memastikan kemiskinan di bandar lain dan kemiskinan luar bandar lain, kemiskinan ini dapat diatasi secara menyeluruh dan mesti ada *time framenya*? Berapa tahun boleh dikurangkan dan dalam masa apa kita meletakkan negara kita ini rakyat dia menikmati ekonomi yang seimbang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan Yang Berhormat PD, berkaitan. Boleh saya mencelah tentang kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pontian, silakan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada pendapat mengatakan bahawa pendidikan boleh menyamaratakan. Pendidikan yang baik untuk anak-anak yang miskin daripada keluarga luar bandar, Sabah dan Sarawak semua sekali di peringkat semua kaum di Malaysia, boleh menghapuskan kemiskinan dalam satu generasi. Apa pandangan Yang Berhormat PD dari segi memberi biasiswa kepada anak-

anak pandai luar bandar, Sabah dan Sarawak supaya mereka boleh belajar di luar negara misalnya. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pandangan Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Pontian. Saya percaya akan saya sentuh isu pendidikan dan kesihatan kerana ini juga menjadi soal asas dan seperti mana yang kita lakukan, kita tukar naratif dari isu semata-mata kaum, kepada isu golongan miskin walaupun kita akui majoriti besar yang miskin itu adalah Melayu bumiputera. Sama ada di kota atau di desa dan pendalaman.

Akan tetapi dalam pendekatan yang kita kenalkan mengikut pendekatan ini yang lebih *multidimensional inclusive*, itu juga akan mengambil kira kelompok miskin bandar di kalangan penduduk lain termasuk Cina dan India terutama di kawasan estet. Dalam negara yang sudah merdeka lebih 60 tahun, kita tidak boleh lihat umpamanya penderitaan yang dialami oleh penduduk estet yang majoritinya orang India. Oleh sebab itu, pendekatan melalui pendidikan dan kesihatan itu bagi saya sangat penting yang kini diberi penekanan seperti mana kita lihat belanjawan memberikan peruntukan yang besar kepada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan. Soalnya ialah soal memastikan program yang dilaksanakan itu cukup berkesan.

Saya juga menyentuh tadi Khazanah *Research Institute* (KRI) kerana ia menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Dia tidak hanya fokus kemiskinan itu secara purata atau menyeluruh. Akan tetapi, *pockets of poverty* di kawasan bandar atau kota dan juga desa. Perkiraan itu tidak boleh digeneralize, maka dia terpaksa difokuskan keadaan-keadaan yang tertentu dalam kawasan yang berbeza. Oleh yang demikian, dalam seminar yang saya sebutkan tadi, ada yang menganggap bahawa langkah-langkah baharu diperlukan.

Masa tidak mengizinkan tetapi saya percaya Yang Berhormat Menteri faham apabila kita sebut perubahan struktural yang telah dimulakan dalam beberapa bentuk pinjaman, pinjaman mudah, *collateral* yang mengambil kira tanah mereka dan keupayaan mereka dan memberikan umpamanya akaun bank kepada semua supaya mengelakkan ketirisan dari segi bentuk bantuan. Ini semua boleh mengelakkan daripada ketirisan seperti mana pernah berlaku walaupun peruntukan itu tidak besar. Walaupun ada beberapa teguran tentang kekurangan dari segi peruntukan tetapi saya masih anggap keseluruhannya, relatif kepada keupayaan negara, peruntukan bagi membasmi kemiskinan dalam belanjawan ini cukup. Akan tetapi yang menjadi cabaran kepada kita ialah bagaimana kita dapat laksanakan dengan begitu baik. Saya hendak sentuh soal pertanian.

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Port Dickson.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Subang minta laluan. Silakan.

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Port Dickson, minta laluan sedikit.

Terima kasih. Yang Berhormat Port Dickson, saya memang *support*lah apa yang Yang Berhormat Port Dickson kata tentang kemiskinan ini. Tentang isu *Nobel Prize winner* iaitu Esther Duflo dan Abhijit Banerjee, saya ingin menyambung sedikit hendak minta Yang Berhormat Port Dickson, kalau boleh *recommend* kepada MEA dan juga MOF untuk baca sedikit tentang isu buku yang terkenal ini, buku *Poor Economics* tentang cara untuk *paradigm shift to rethink how to solve the issue about poverty*. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Pada dasarnya yang dikemukakan adalah untuk menguji hipotesis laksanakan berperingkat sebelum diperkenalkan sebagai dasar negara. Apa yang kita lakukan sekarang ialah mengumpul beberapa pakar ekonomi, satu atau dua tokoh politik dan beberapa penjawat awam yang berpengalaman dan mereka memperkenalkan. Dalam banyak kes dari dahulu, zaman Almarhum Tun Haji Abdul Razak dengan Majuikan, yang maju adalah orang politik dan pegawai, ikan terbiar, nelayan merempat. Maka, ditutup, ditukar LKIM. Jadi, kita ini pakai *Parkinson's Law*. Ada *problem*, tubuh satu institusi atau lembaga.

Jadi, penyelesaiannya bukan rakyat yang miskin. Penyelesaiannya adalah lembaga dan lembaga maknanya, elaun ahli lembaga dan pengerusi meningkat dan pegawai bertambah tetapi masalah tidak dapat dibereskan. Ini yang saya sebutkan dengan struktural. Dalam kajian dan hipotesis ini yang disebut, mesti diuji sebelum *white spread implementation*. Ini jarang berlaku dalam bentuk kerajaan melainkan beberapa badan *research* seperti MARDI. Jadi, saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian.

Saya hendak sentuh soal pertanian. Ini kerana walaupun peruntukan kementerian itu dikurangkan, subsidi ditambah. Jadi, keseluruhannya masih tinggi. Cuma, saya minta hal ini diteliti oleh Yang Berhormat Menteri kerana import ini RM50 bilion. Kebergantungan kepada import pertanian ini disebut dalam tiap perbincangan perbelanjaan. Akan tetapi, dalam belanjawan, belum nampak suatu fokus yang kuat untuk menjana perubahan sama ada struktural atau program-program baharu dalam bidang pertanian.

Saya ambil *for example* umpamanya sekali lagi tentang berapa kritikal diperkenalkan program di kementerian, tidak hanya meneruskan cara yang lama tetapi ada apa yang disebut sistematik, *paradigmatic shift*. Saya agak sinis tentang penggunaan perkataan anjakan paradigma ini. Ini kerana yang menggunakan anjakan

paradigma ini ialah tukar sedikit sebanyak projek atau cara dan sekular baharu tentang peraturan baharu. Paradigma bukan begitu, bila Thomas Kuhn bicara tentang paradigma, dia bicarakan soal *systemic shift* yang memerlukan pimpinan mendepani masalah dan menyatakan perubahan yang besar.

Umpamanya kita lihat, bila saya sebut *reform* pertanian, yang paling miskin adalah sektor padi sehinggakan orang samakan penanaman padi itu *poverty crop*. Jadi, kalau kita tidak umpamanya ada suatu pendekatan yang betul-betul lebih realistik—baja diberi di Langkawi, saya setuju. Akan tetapi untuk beras pulut, baja ini pemberiannya juga seperti mana kajian yang dibuat oleh Khazanah digunakan sebahagian oleh MARDI.

■1230

Itu juga dibentuk dalam pertanian. Dimasukkan sebagai dalam kategori bantuan kepada orang miskin, termasuk bantuan dalam *research* oleh MARDI. Jadi, kita kadang-kadang angka itu nampak besar, kemudian ia juga melibatkan kontrak. Ini oligopoli, monopoli dan kontrak ini mesti juga dibetulkan. Saya akui hal ini sudah lama berlaku. Baja mana harus dipilih dan apakah kesesuaian itu lebih menyeluruh?

Ini harus diteliti kerana ia melibatkan jumlah yang besar. Saya hendak tekankan di sini ialah walaupun Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam negeri ini menyebut kadar inflasi itu rendah, saya setuju. Akan tetapi masalah kita ialah harga barang makanan itu tinggi. Keseluruhannya itu terkawal. Ini disebabkan di antara lain kerana jumlah pengeluaran barang pertanian itu sangat terbatas.

Kedua, saya hendak beri contoh umpamanya mengapa hal ini tidak dapat diterima? Saya beri umpamanya angka daripada Khazanah Research Institute tentang harga susu. Harga susu dunia termasuk Australia dan New Zealand turun mendadak. Harga susu di Malaysia masih terus meningkat. Apakah masalahnya pengeluaran kita terbatas. Jawabnya ya tetapi keduanya kerana monopoli melalui AP atau melalui beberapa peraturan yang tidak menggalakkan import oleh syarikat-syarikat yang lain supaya mereka boleh bersaing.

Mana munasabahnya penurunan tahun 2016, 2017, 2018 itu mendadak dari susu import harga di Australia dan New Zealand tetapi harga susu purata kita terus meningkat besar. Ini mengikut Khazanah Research Institute. Saya beri contoh-contoh ini untuk meyakinkan pimpinan negara kita bahawa selagi tidak melakukan perubahan yang lebih *structural*, menyeluruh, maka kita akan hadapi masalah yang sama.

Berikutnya saya sentuh soal persekitaran alam sekitar yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Menteri dengan beberapa langkah tertentu. Akan tetapi saya ingin

tekankan Tuan Yang di-Pertua, masalah ini sudah menjadi malapetaka. Negara hadapi masalah jerebu setiap tahun yang direka oleh manusia, tidak seperti mana *typhoon* di Jepun. Akan tetapi ia melibatkan syarikat-syarikat besar, tindakan kita itu lebih perlahan.

Kalaulah umpamanya ia berlaku di sudut-sudut pinggir kota, di Kerinchi kah, di Manek Urai kah dan sebagainya kesalahannya atau Segambut, tentu tindakan itu lebih keras. Apabila melibatkan syarikat-syarikat besar, keupayaan kita agak lebih terbatas. Saya ingin menggesa dan ini bukan tugas Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh bersetuju dengan saya bahawa harus ada langkah. Tidak munasabah untuk kita hadapi masalah ini dan hanya menyalahkan Indonesia. Indonesia harus bertanggungjawab di mana mereka salah tetapi syarikat-syarikat kita juga harus dibebankan.

Untung RM8 juta satu tahun. Untuk belanja RM50 juta untuk membantu kerajaan memadamkan api pun tidak ada upaya. Jadi ini bagi saya tidak munasabah kerana yang menerima penderaan itu seluruh rakyat. Ratusan sekolah ditutup, jutaan rakyat terlibat. Kena beli *mask*, kena beli *eye drops* dan kalau orang kampung dia tidak beli *eye drops*. Saya pergi kampung-kampung di Port Dickson tidak ada yang beli *eye drops* melainkan kalau sakit betul, baru pergi ke klinik. Saya tidak fikir hal ini harus dibiarkan begitu.

Kedua, masalah tanah gambut, *peat soil*. Saya pun tidak setuju tentang kita tunduk kepada kempen Eropah. Eropah itu Amerika, ada agenda mereka masing-masing. Kita harus bebas dan pertahankan kelapa sawit dan minyak kelapa sawit. Akan tetapi apabila ada fakta yang benar umpamanya *emission* dengan izin *carbon emission from peat soil is one of the highest*. Kalau emisi pengeluaran karbon daripada tanah gambut itu begitu *tight*, begitu tinggi yang menyebabkan kesesakan dan permasalahan persekitaran, mengapa tidak ada satu keputusan yang tegas melarang sama sekali kerosakan kawasan tanah gambut ini. [Tepuk]

Ini memerlukan satu tindakan kerajaan yang serius. Saya tidak nafikan keperluan Yang Berhormat Menteri kerana kita mahu menjana pertumbuhan. Maka beberapa insentif diberi juga kepada syarikat-syarikat besar. Saya ada juga menyebut hal ini secara peribadi kepada beliau. Akan tetapi kita harus imbangi ada juga insentif yang perlu diberi kepada syarikat. Ratusan dan ribuan syarikat kecil. Umpamanya dalam bidang yang disebut IT dan teknologi yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya masih pertahankan menemui puluhan bahkan ratusan *startups* yang punya potensi berkembang. Walaupun MDEC, MTEC membantu tetapi jumlahnya terlalu kecil. Kalau kita ada ratusan *startups* yang kecil, yang melibatkan bumiputera, Cina dan India ini yang kecil itu dibantu. Mereka juga berupaya untuk menjana pertumbuhan,

menambah jumlah pekerja terutama di kalangan muda. Jadi kerana masalah pengangguran masih masalah yang besar.

Belanjawan juga menekankan soal peluang pekerjaan dan pertumbuhan melalui pelancongan. Kita telah dapat catat jumlah pelancongan yang meyakinkan walaupun menyusut sedikit tahun lalu terutama dari Singapura dan Brunei.

Saya sangat percaya ada keupayaan kita untuk menjana pertumbuhan pelancongan ini dan harus ada suatu walaupun ada rencananya untuk Tahun Melawat Malaysia 2020 tetapi harus ada kerangka, galakan yang besar dalam bidang pelancongan ini yang juga terikat dengan budaya kita. Ada negara umpamanya menggalakkan pelancongan. Tidak semestinya menggalakkan maksiat. Menggalakkan pelancongan tidak semestinya dengan merosakkan persekitaran tetapi dengan syarat-syarat begini, Sabah umpamanya melakukan suatu yang agak menarik kerana menggalakkan pelancongan dengan menggunakan kekuatan alam semula jadi di negeri Sabah. Sekarang ini jumlah pelancongan di Sabah meningkat. Kebetulan Menteri dari Sabah. Saya tidak tahu Menteri hanya tumpu ke Sabah, saya minta dia pergi Port Dickson.

Soal pekerjaan teknologi. Saya sentuh secara ringkas untuk mengizinkan rakan-rakan lain berbicara. Akan tetapi, saya ingin menekankan dalam bidang pendidikan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tumpuan kita mestilah ke arah pendidikan teknologi, pendidikan IT dan TVET. Masalah TVET ini adalah saingan di antara terlalu banyak kementerian, terlalu banyak agensi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya cadangkan Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan rangsangan supaya ada satu "zar" yang boleh menekankan, merentas kepentingan Menteri-menteri dan kementerian-kementerian dan menjana perubahan dan penekanan program TVET secara lebih berkesan. Ini kerana masih ada kapasiti untuk melatih anak-anak kita di institusi yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya Yang Berhormat. Pertama sekali sebagai *champion* orang miskin ini, jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat. Melalui sepanjang proses ini, apakah Yang Berhormat nampak Yang

Berhormat telah mencadangkan bahawa satu *structural change*. Ini adalah sesuatu yang baik dan saya mencadangkan Yang Berhormat mengadakan seminar atau *talk* di Parlimen ini untuk kita mendengar lagi pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Jadi, adakah Yang Berhormat berpuas hati program yang disampaikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Kedua Yang Berhormat, sebagai bapa bajet negara sebab inilah bekas Menteri Kewangan yang memperkenalkan perkataan bajet. Dahulu kita pakai perbelanjaan tetapi dia memperkenalkan bajet. Yang Berhormat masih ingat? Jadi bajet ini ialah asalnya Yang Berhormat Port Dickson yang memperkenalkan. Kita mengikut asal usulnya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ya.

■1240

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi Yang Berhormat, bajet secara keseluruhannya, saya pun naik seronok sebab apa kelmarin *market* naik *10 point*. Jadi saya harap ini adalah satu bajet yang akan menjurus kepada pertumbuhan ekonomi. Tiba-tiba terkejut *sat* jatuh 2.9 mata. Jadi, apakah Yang Berhormat melihat ada sikit yang harus dibuat untuk membolehkan supaya ia berterusan. Kalau dia naik, semua bajet yang dulu bila dia naik 10 sen, esok 20 sen, *30 point*, *40 point*, ini jatuh, saya terkejut.

Apakah Menteri Kewangan kita hendaklah diberhentikan daripada jawatan-jawatan politik, fokus kepada Menteri Kewangan sebab dia ada benda yang dia bagus, dia boleh naik *market* tapi sebab mungkin dia keluar kenyataan fasal LTTE akhirnya jatuh balik *2.9 point*. [Ketawa]

Itu yang kedua, yang ketiga Yang Berhormat akan mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri ataupun masa depan nanti Yang Berhormat hendak cadangkan pada kerajaan negeri supaya hentikan serta-merta pembukaan hutan sebab hutanlah yang merupakan sumber malapetaka kepada masalah alam sekitar sekarang ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih. Kalau kita lihat..

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sebentar.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Strategi belanjawan ini lebih menjurus kepada *expansionary* untuk menjana pertumbuhan dan menarik pelaburan. Dari sudut ini, kita tidak boleh nafikan kejayaan Menteri Kewangan dalam membawa urusan ini [Tepuk] yang saya lakukan ialah memperingatkan beberapa hal yang boleh dibaiki dan saya lihat umpamanya Menteri Kewangan tahun lalu dan sekarang itu mengambil kira beberapa teguran kita dan cuba ubahsuai tentang soal kemiskinan dan sebagainya. [Tepuk]

Oleh sebab itu kita harus dalam hal ekonomi ini, saya lihat memang kita hadapi masalah yang getir. Maksudnya Pakatan Harapan, BN dan semua rakan-rakan di pembangkang dan bebas harus bersama. Jangan negatif sangat dalam komen-komen itu kerana ia menghakis keyakinan. *[Tepuk]* Saya juga sebut fasal Yang Berhormat Arau tentang umpamanya yang bangkitkan soal tidak ada keyakinan. Tidak ada keyakinan sebab apa? Strategi tidak jelas, strategi pimpinan tidak jelas.

Itu tidak jelas kepada beberapa kerat orang sahaja. Bagi kami jelas, bagi saya jelas, bagi DAP jelas, bagi Keadilan jelas, bagi Amanah jelas dan bagi Bersatu jelas.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bila hendak tukar?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Yang tidak jelas beberapa kerat orang *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tolong bagi tarikh. Belum bagi tarikh sebenarnya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Oleh yang demikian saya hendak jelaskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Belum bagi tarikh sebenarnya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya hendak ulangi di sini perkara yang dibangkit dan sebelum Menteri Kewangan jawab, saya menjelaskan bagi saya tidak ada masalah. Ini *fatawakkal alallah lah [Membaca sepotong Hadis]* kita tawakal kepada Allah. Permainan ini orang pembangkang kah, orang Pakatan Harapan, tidak bolehlah kita halang. Baik Yang Berhormat, saya tutup.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sikit saja.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Oleh sebab sudah *time*.

Tuan Yang di-Pertua: Ada masa dua minit.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Isu yang dibangkitkan tadi ialah apa pendirian Yang Berhormat Port Dickson bila negara kita mengambil pendekatan yang saya rasa tidak holistiklah dalam isu pencemaran merentasi sempadan ini.

Bila saling menyerang di antara satu sama lain, bukan mengambil pendekatan untuk menolong, membantu negara yang ditimpa musibah dan ini mengakibatkan timbul reaksi yang sangat negatif di antara hubungan diplomasi di antara kita dengan negara jiran. Saya fikir ini perlu kita perbetulkan pada masa depan, minta komen.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, lagi satu Yang Berhormat. Saya minta supaya Yang Berhormat bagi komen fasal *rahmatan lil alamin* yang diperkenalkan oleh Menteri Agama yang kurang sikit agama itu. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu Menteri Agama datanglah Yang Berhormat Arau.
[Ketawa]

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Port Dickson berkaitan dengan belanjawan ini Yang Berhormat Port Dickson pernah membentangkan belanjawan dan Yang Berhormat Bagan telah membuat pembentangan sebanyak dua kali.

Belanjawan yang dibentangkan ini minta pandangan Yang Berhormat Port Dickson, ia berkaitan dengan persepsi. Hendak lihat persepsi betul kata Yang Berhormat Arau, ia tengok pada *share market*. Sama ada belanjawan itu ada tidak lonjakan dalam *share market*, makna kepercayaan *public* kepada apa yang dibuat.

Jadi kalau kita lihat apa yang berlaku dalam *share market* hari semalam dan hari ini, kita tidak nampak bahawa dalam tiga hari, empat hari punya bajet ini, kita nampak bahawa *share market* tidak tentu. Bila tidak tentu pandangan di luar, ini bukan pembangkang Yang Berhormat, ini kita cakap ahli ekonomi, teknokrat, profesional, ahli perniagaan domestik, luar negara punya pandangan terhadap Malaysia.

Terhadap Malaysia ini, yang pertama jelas (*clear*) yang disebut di mana-mana media disebut *power struggle*. *Power struggle* yang sedang berlaku di negara ini. Jadi itu menjadi persepsi kepada rakyat, kepada masyarakat. Manakala yang kedua, kaitan bajet ini sendiri kepada rakyat. Kaitan bajet kepada rakyat. Majoriti Yang Berhormat Port Dickson bersetuju bahawa Melayu dan bumiputera rata-ratanya hidup di kampung dan ada lah dalam bandar.

Selama 62 tahun yang kita merdeka ini, ia sudah ada B40, M40, *middle class* dan *middle class upper* dan sampai *last* sekali, super rich dalam negara ini. Rakyat Malaysia yang ada dalam *super rich* tetapi tetap ada B40. Jadi golongan ini dalam enam kategori ini, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Port Dickson bahawa mungkin Yang Berhormat sekarang berada dalam satu kelompok. Kami berada di sini bukan maknanya kami menyerang itu kerana tidak suka, tidak. Kita pergi kepada butiran yang melibatkan rakyat. Jadi minta pandangan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat, selama 62 tahun, 60 tahun sebelah sana dan kami belum dua tahun. Jadi bagi ruanglah sedikit hendak perbaiki. Saya terima peringatan itu kerana kenyataannya, sebab itu saya beri penekanan tentang soal kemiskinan dan kesenjangan walaupun saya dalam Pakatan Harapan. Saya terpaksa akui Menteri Kewangan mengambil kira beberapa

pandangan yang dikeluarkan, dikemukakan oleh kami dalam *caucus* dan juga pandangan-pandangan lain.

Ada yang pertikai Philip Ashton tapi saya ingatkan sebelum Philip Ashton, *Khazanah Research Institute* telah menunjukkan. Bagi saya lebih telus, lebih *transparent* kerana dia menunjukkan kemiskinan bagi semua subsektor, kota, bandar, desa dan pedalaman, sektor Melayu bumiputera, Cina, India, Iban dan Kadazan. Jadi, ia menyeluruh. Jadi kita harus menggunakan pendekatan itu. Cuma ia mungkin mengambil waktu dan saya masih menggesa supaya perubahan struktur berlaku.

Sekarang ini ada *respond* yang lebih positif tetapi seperti mana Yang Berhormat Padang Terap harapkan, ini memerlukan kebijakan daripada semua kalangan. Oleh sebab itu saya menggunakan *caucus* itu menjemput rakan-rakan yang mewakili semua parti. Pendekatan kita juga menyentuh soal apa yang disebut oleh contoh Yang Berhormat Kubang Kerian, ini yang isu besarnya dalam soal kegelojohan, ketamakan syarikat-syarikat besar untuk menjana kekayaan yang kita boleh dukung tetapi jangan melanggar beberapa kaedah yang boleh merosakkan persekitaran.

Kalau kita sebut dalam konteks Islam *ummatan wasataa* itu, umat yang seimbang itu bukan saja iman, ilmu, akal dan kalbu tetapi juga *man and nature*. Seyyed Hossein Nasr pernah kupas itu sejak tahun 60-an. *Man and nature*. Kalau tidak *maintain equilibrium* di antara *man and nature*, inilah jadi, malapetaka kepada negara dan juga rantau-rantau. Jadi saya setuju Yang Berhormat Kubang Kerian, bukan masalah salah menyalahkan tetapi fakta itu harus ada. Harus ada komitmen kedua-dua Kerajaan Malaysia, Indonesia dan Singapura. Jangan melindungi syarikat-syarikat besar kerana ini juga melibatkan Singapura.

Kedua, memastikan undang-undang itu keras menghukum, mendenda dan sekurang-kurangnya meminta mereka berbelanja untuk mengurangkan dan tidak melakukan untuk tahun-tahun akan datang. Hubungan kita dengan Indonesia secara umumnya masih kekal baik walaupun ada beberapa berbeza pendapat dalam isu tenaga kerja asing (TKE) dan soal jerebu baru-baru ini tetapi ini harus dibuat secara rundingan yang lebih baik.

Yang Berhormat Arau menyentuh soal yang lebih...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Rahmatan lil alamin.*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: *Rahmatan lil alamin* ini janganlah disebutkan dekat Menteri yang ada sekarang. Itu yang digunakan dari Al-Quran.

■1250

Maknanya Islam itu harus ditegakkan sebagai *din* yang menjamin rahmat kepada sekalian alam, yang merentas kelompok, keluarga, kaum, wilayah. Itu maksudnya. Jadi itu yang hendak dikembangkan dengan tujuan yang baik, tidak apa lah. Hendak wacana itu baik-lah, tetapi jangan lah merendahkan martabatnya ataupun meremehkan. [*Tepuk*]

Oleh kerana saya tengok ada keikhlasannya hendak memperkenalkan. Saya sendiri umpamanya bulan depan, 30 November hingga 1 Disember anjur satu seminar kali kedua. Pertama, 25 tahun yang lalu dan kali kedua di Pulau Pinang dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Menterinya, seminar mengenai Islam dan Confucianism.

Itu untuk Islam, kita hendak tegaskan apa maksud '*rahmatan lil alamin*' supaya kawan-kawan kita di kalangan bukan Islam juga dengar. Akan tetapi untuk mereka dengar, kita pun kena dengarlah sedikit apa yang dia hendak ceritakan mengenai *Confucianism*. Jangan lah pula guna saya ini pula liberal yang menyamakan agama dalam Nabi dan sebagainya. Jangan lah politikkan dalam semua perkara. Yang Berhormat Arau, saya harap bagi kerjasama terlebih dahulu. [*Dewan ketawa*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, adakah...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ini sudah masa sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa Yang Berhormat Arau.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau, Arab Saudi dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ada 9 minit lagi. [*Ketawa*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, *rahmatan lil alamin* ini saya tahu. Yang Berhormat tahu saya tahu, tetapi dia cuma mempertahankan orang. Bila kami dihina dan sebagainya, dia tidak buat apa, dia diam sahaja. Dia kalau dia melihat kalau kadang-kadang dia melihat kepentingan parti, bukan kepentingan *rahmatan lil alamin* itu sendiri. Jadi, Yang Berhormat kena tegur yang itu.

Yang Berhormat, yang keduanya ini soalan sensitif lah sedikit. Apakah soal penggantian ini telah selesai? [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Bersimpang jauh daripada bajet.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: [*Ketawa*] Okey, yang pertama kalau saya minta maaf kalau tersinggung soal saya tidak maksud menghina. Kalau orang kadang-kadang dalam kempen kita ucap, saya minta maaf kalau kadang-kadang terlajak dalam beberapa kenyataan. Saya tidak ada masalah sebegitu. Akan tetapi kalau kita sebut tentang Islam, tentu kita harus pertahankan kemurniannya. Dia bukan sahaja kesalahan kelompok-kelompok yang kita anggap pelampau Islam. Kelompok yang

sesetengah yang Islam sendiri pun dan orang-orang bukan Islam, itu yang kadang-kadang yang disebut *Islamophobia*, kadang-kadang ekstrem. Bila sebut sedikit Islam, sebut sedikit ayat Al-Quran, terus Islamisasi, Islamisasi. Ada juga penyakit di kalangan mereka ini yang mewarisi fahaman dan otak penjajah yang disebut oleh Malek Bennabi sebagai '*colonosibilite*'. Walaupun ini tidak berkaitan dengan belanjawan, tetapi saya hendak sebut termasuk dalam ini Tuan Yang di-Pertua, ini masuk dalam peruntukan JAKIM.

Tuan Yang di-Pertua: Memang. *[Ketawa]* Ya, ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Masuk peruntukan JAKIM, jadi minta JAKIM jelaskan dengan lebih teliti.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau diterima.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Akan tetapi soal transisi, saya sudah ulang. Saya sudah ulang. Pertama ini, ini bukan soal Yang Berhormat Port Dickson dan Yang Amat Berhormat Langkawi. Ini soal perjanjian yang telah dimeterai pada 7 Januari 2018. *[Tepuk]* Ditandatangani oleh semua pimpinan, tetapi tidak ditandatangani oleh Presiden UMNO. *[Dewan riuh]* Belum ditandatangani, bukan tidak. *[Ketawa]*

Perjanjian bahawa andai kata Pakatan Harapan menang, maka Tun Dr. Mahathir akan ditonjolkan sebagai Perdana Menteri dan Dato' Seri Dr. Wan Azizah yang dikasihi itu, Timbalan Perdana Menteri. Anwar yang semasa itu meringkuk di penjara, setelah dibebaskan dan layak bertanding, maka peralihan akan berlaku. *[Tepuk]* Itu sudah jelas dan bila peralihan berlaku...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Berapa tahun? Berapa tahun?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Peralihan berlaku, maka Yang Amat Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Pandan akan undur. Bukanlah Yang Amat Berhormat Langkawi seperti mana di kempen, Yang Berhormat Port Dickson Perdana Menteri dan Yang Berhormat Pandan Timbalan Perdana Menteri, tidak. Jangan bimbang...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tarikhnya bila.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Soalnya sekarang, berapa lama?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tarikh? Dalam perjanjian itu ada sebut tarikh tidak bila berkuat kuasa?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Depa* tanya sebab hendak isi borang itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Perjanjian tidak sebut tarikh, tetapi perjanjian tidak menetapkan cara khusus tarikh semua dalam maksud itu disegerakan. Dalam perbincangan ada yang berbincang satu tahun, ada perbincangan maksimum 2 tahun. *[Tepuk]* Akan tetapi, ini melibatkan keputusan. Pimpinan Pakatan Harapan pun ada di sini, mereka boleh putuskan. Bukan keputusan saya satu orang atau Yang Amat Berhormat Langkawi satu orang. Jadi persepsi ini, kawan-kawan tolong lah. Bagi saya sudah selesai, tetapi saya tertakluk ini, *insya-Allah*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah sedikit?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Jadi, sudah lah Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada 5 minit lagi.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya harap kalau *sign, sign* ke arah ini. Jangan *sign* yang lain. *[Dewan ketawa]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]*

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Ini kali lah, borang baharu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ambil borang, ambil borang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ini masalahnya jangan lah ikut sangat Yang Berhormat Sembrong dan sebagainya strategi ini, semua karut. Semua itu kadang-kadang hendak *survive* diri. Kadang-kadang hendak cuba jalan, hendak tutup kes siasatan SPRM. *[Dewan riuh]* Kita tidak mahu begitu. Politik ini bukan kerana ugutan. Mesti ada prinsip sama ada didakwa di mahkamah ataupun diugut masuk penjara, prinsip jangan digadai.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam saya lah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Beritahu Yang Berhormat Sembrong. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan? Ada 4 minit lagi, ya silakan. Masih ada 4 minit lagi.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih, okey.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Boleh.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, setujukah Yang Berhormat Port Dickson bahawa ekonomi negara, pelabur tidak yakin melabur di sini disebabkan ketidaktentuan peralihan itu. Kalau ditetapkan kalau dua tahun, dua

tahun lah. Jangan lagi tunggu negara pulih ekonomi. Ini yang bikin pelabur lari, setujukah Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan. Berkaitan. *[Dewan riuh]* Yang Amat Berhormat Langkawi dia menyebut sebelum PRU-15 dia kata, selepas itu ada sekali dia menyebut di luar negara, apabila masalah-masalah besar selesai, apabila hutang negara selesai, saya kluatir Yang Berhormat Port Dickson hanya jadi PM tepi apabila perkara itu dilakukan. *[Dewan ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, soalan nombor dua. Kedua Yang Berhormat. *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang terakhir ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh kerana kita tidak mahu mempermain-mainkan masalah kepimpinan negara sebab saya *concern my market*, kalau *market* jatuh, teruk lah saya. *[Dewan ketawa]* Kalau kita silap cakap, *market* akan jatuh.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Yang Berhormat Arau banyak saham.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya minta Yang Berhormat, selesaikan masalah ini, jangan bagi orang lain duk bercakap. Yang Berhormat pergi berbincang elok-elok dengan Yang Amat Berhormat Langkawi, selesaikan. Selepas itu jabat tangan, *happy-happy. Happy hour* lah. Jadi, itu yang terbaik, Ini sebab saya bercakap macam ini, *market* akan naik sekejap lagi Tuan Yang di-Pertua. Okey, yang nombor dua Yang Berhormat, walaupun sudah tidak berkaitan, ini fasal pertanian tadi...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita kena hentikan apa yang diucapkan Yang Berhormat Arau ini, jangan momokkan Presiden parti saya. *[Dewan riuh]* Ini tidak ada kena-mengena dengan belanjawan. *He is very honorable person, please don't do this*, dengan izin. *This is not the topic they should discuss here. They have to stop it!*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kamu ini kalau saya katakan kamu bodoh, kamu marah. Saya selesaikan masalah Presiden, dia faham bahasa saya. Kami orang utara, saya minta Presiden...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tarik balik ayat '*bodoh*' itu. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya tarik balik *bodoh, bangang*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Puncak Borneo, sila duduk, sila duduk.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Port Dickson sudah bercakap...

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua orang duduk lah. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Presiden-presiden Pakatan Harapan, parti sudah ada wakil... [*Pembesar suara dimatikan*] [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada 2 minit, 2 minit tidak cukup untuk bertengkar, 2 minit sahaja. Ya, sila gulung.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Sudah jelas. Transisi dibangkitkan Yang Berhormat Puncak Borneo kerana ada persepsi kononnya tidak ada pelaburan dan pasaran saham terjejas kerana tidak jelas. Oleh sebab itu saya gunakan ruang ini dalam perbahasan belanjawan di Parlimen, di hadapan Ahli-ahli Parlimen kedua-dua pihak menyatakan bukan sahaja soal saya, Yang Berhormat Port Dickson dan Yang Amat Berhormat Langkawi, ini juga diputuskan oleh Pakatan Harapan, sehingga sekarang tidak ada perubahan dari Ahli-ahli Parlimen dan parti-parti dalam Pakatan Harapan. Itu yang pertama. [*Tepuk*]

Kedua, saya pun harap tidak ada percubaan, ganggu-gugat dari pembangkang. [*Dewan ketawa*] Kalau seperti mana Yang Berhormat Kinabatangan bagi jaminan dan Yang Berhormat Bagan Datuk pun angguk, maka selesai lah masalah kita. [*Dewan ketawa*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, Yang Berhormat tidak perlukan kami? [*Dewan ketawa*]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: [*Ketawa*] Saya kata, saya...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Ini politik ugut ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Nanti saya bagi borang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya manusia kerdil yang berhempas-pulas selama puluhan tahun, senang susah. Saya ditakdirkan *insya-Allah* mentadbir, memerlukan dukungan semua pihak supaya negara ini membangun. [*Tepuk*] Akan tetapi dengan jaminan ini saya harap, ya saya juga ditanya. Saya di New York dengan JP Morgan, *Bank of America*, semua tanya soalan yang sama. Kepada PM dalam sidang di *Bloomberg*, ditanya soalan yang sama. Menteri Kewangan ke Washington DC bincang pelabur, ditanyakan soalan yang sama. Akan tetapi kalau kita

jawab sama dan saya ada pertemuan berkala tiap minggu dengan Perdana Menteri dari Langkawi dan bagi kami, hal ini selesai.

Untuk diminta diumumkan tarikh, saya juga fikir tidak sesuai kerana sebaik kita sebut tarikh sekarang, maka keberkesanan Perdana Menteri yang ada itu akan terjejas. Jadi, kita hendak pertahankan ini. Saya hanya boleh bagi jaminan, yang lain itu *fatawaka! Alallah* iaitu bahawa masalah transisi sepatutnya selesai di kalangan rakyat. Kalau ada percubaan-percubaan kecil, bisikan-bisikan syaitan ini, kita boleh ketepikan. *[Dewan riu]* Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, Yang Berhormat Port Dickson ucap terima kasih dekat saya sebab menimbulkan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa adalah pukul 1.01 tengah hari, jadi kita tangguhkan hingga pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.35 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin. Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Saya minta izin untuk mengalu-alukan kehadiran dari Komuniti Harapan Malaysia, Kampung Pulau Gadong, DUN Klebang, Parlimen Tangga Batu, diketuai oleh Encik Rosli Husin dari Jabatan Penerangan. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Yang Berhormat, Majlis...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan rombongan daripada UMNO Kota Melaka. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Semua dialu-alukan. Ini Dewan Rakyat, milik rakyat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat disambung semula dengan perbahasan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Marang. Sebagai Ketua Parti, saya berikan masa lebih 30 minit. Sila.

2.37 ptg.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah. [Berucap dalam bahasa Arab]* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020 dengan menyentuh beberapa dasar penting seperti berikut:

- (i) keberkatan ekonomi;
- (ii) kesaksamaan ekonomi;
- (iii) pendidikan dan modal insan;
- (iv) pertanian dan jaminan makanan; dan
- (v) hubungan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hadiahkan pantun,

*“Dari Sabah pergi Segamat,
menuju ke arah Tanjong Piai,
jangan berbalah sampai kiamat,
nanti rakyat hidup teraba”. [Tepuk]*

Saya mulakan ucapan saya dengan mengajak kita semua menghayati akan Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf, ayat 96. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud, *“Dan sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, nanti akan terbuka untuk mereka keberkatan yang melimpah ruah, yang turun dari langit dan keluar dari bumi tetapi mereka membohonginya, lalu Kami timpakan mereka azab seksa disebabkan apa yang telah mereka usahakan”*.

Saya tidak perlu menyentuh jumlah angka berbilion ringgit yang diperuntukkan dalam belanjawan kali ini kerana lebih penting ialah kejayaan mengurus dan mentadbir perbendaharaan negara supaya mencapai keredaan Allah SWT bagi tujuan kesejahteraan rakyat.

■1440

Malah seperti dijangka, Belanjawan 2020 telah meneruskan aliran perbelanjaan tinggi oleh pihak kerajaan. Sebahagian besarnya adalah untuk perbelanjaan mengurus, 81 peratus. Namun dilihat banyak meneruskan agenda kerajaan terdahulu dan tiada idea baru untuk mengubah ekonomi negara ke tahap yang lebih baik.

Ini dapat dilihat kepada kadar pertumbuhan ekonomi KDNK yang sederhana, pelaburan yang perlahan, keyakinan pelabur yang rendah, hutang kerajaan yang

meningkat dan defisit yang terus melebar di samping bebanan kos sara hidup dan pengangguran graduan yang terus meningkat. Perlu diingatkan bahawa matlamat utama perbelanjaan kerajaan adalah untuk memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara seterusnya memastikan ekonomi terus berkembang untuk dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat secara saksama.

Inilah juga aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri dengan memberikan penumpuan kepada ekonomi bernilai tinggi bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang kompetitif, berintegriti dan bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, konsep ekonomi yang berkembang, subur dan dikongsi dengan adil adalah maksud perkataan berkat yang tiada dalam istilah lain daripada Islam sehingga wawasannya menjadi jambatan ke hari akhirat bukan sekadar 2030. Maka kerajaan perlu mengambil kira cara mendapatkan hasil daripada sumber yang halal, tidak membebankan dan menyusahkan rakyat, perbelanjaannya pula tidak bakhil, tidak bocor, tidak membazir menjadi saudara syaitan.

Tuhan mengingatkan [*Membaca ayat al-Quran*], surah Al-Isra, ayat 29. “*Dan janganlah engkau jadikan tangan mu terbelenggu di lehermu (bakhil), dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya (boros), kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta terkesal*”.

Saya mengalu-alukan Kerajaan Pakatan Harapan meneruskan apa yang baik dilakukan oleh kerajaan yang terdahulu yang sepatutnya bertambah baik tetapi kini dilihat di tahap yang sama dan menunjukkan tidak berkemampuan untuk melakukan reformasi yang holistik seperti mana yang menjadi slogan yang dilaungkan dalam setiap demonstrasi menjatuhkan kerajaan yang lalu.

PAS mengundurkan diri daripada awal kerana menyaksikan kapalnya sudah ada tanda-tanda yang berbeza destinasi. Kapal satu tetapi ramai yang berebut mahu menjadi nakhoda. Melihat janji *Manifesto Pakatan Harapan*, banyak perkara yang hanya terus tinggal janji. Kita tunggu sahaja wawasan baru yang dilancarkan 2021 hingga 2030, percayalah bahawa cabarannya sangat besar.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Marang, minta laluan. Pengkalan Chepa.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Ya.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Marang. Negara kita mempunyai sumber mahsul yang sangat banyak, cukup untuk menampung keperluan

rakyat dalam negara kita. Namun yang menjadi malangnya ialah agihan kekayaan negara tidak berlaku secara adil. Sebagai contoh, royalti kepada Kelantan sehingga hari ini dinafikan. Apakah ini boleh menyumbang kepada hilangnya berkat daripada ekonomi negara kita?

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Terima kasih. Walaupun kerajaan boleh bertahan sehingga berpuluh tahun mempertahankan negeri dengan kadar yang ada, berjimat cermat namun sepatutnya ditunaikan kewajipan dan janji yang mesti ditepati.

Dalam isu royalti, kita mendapati tidak ada kesaksamaan. Saya akan terangkan kemudian, tidak ada kesaksamaan. Walaupun Kelantan dibayar tetapi bukan mengikut janji royalti. Di mana dibayar dengan nama ihsan kemudian dikerat-kerat untuk membayar hutang dan seumpamanya. Ini birokrasi daripada Kementerian Kewangan, dimaklumkan begitu. Biar Kementerian Kewangan yang menjawab— birokrasi di Kementerian Kewangan.

Berlainan dengan Sabah dan Sarawak, mungkin untuk menggoda pilihan raya di Sabah dan Sarawak tetapi Kelantan diperlakukan sebegitu. Malangnya, saya teruskan ucapan saya. Bukan sahaja bagi mencapai ke tahap negara maju, dalam sistem ekonomi bebas yang ada persaingan tanpa belas kasihan sama ada dalam konsep ekonomi nasional atau global, cabaran khususnya pula adalah bagi mencapai perpaduan masyarakat majmuk dalam negara.

Faktor ekonomi hanya salah satu aspek hubungan kaum yang dikatakan adanya jurang yang perlu dirapatkan. Manusia yang mempunyai hati nurani, yang berperasaan tidak mungkin disatukan dengan ekonomi sahaja kerana manusia tidak puas dengan ekonomi dan terus bersaing. Sabda Rasulullah SAW [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud, "*sesungguhnya perangai manusia itu, dia punya satu lembah yang penuh emas nescaya dia mahu dua lembah yang penuh emasnya pula. Mulutnya tidak dapat dipenuhi melainkan disumbat tanah. Namun, Allah menerima taubat sesiapa yang bertaubat*".

Persaingan berlaku, berlakunya tidak ada timbang rasa antara satu sama lain. Ini yang membimbangkan. Maka hanya konsep keadilan yang sebenar sahaja boleh menyatukan hati sekalian manusia. Keadilan yang sebenar bukan hanya persamaan sahaja, *equality*. Tanpa ada kesaksamaan tetapi keadilan mengikut Islam iaitu meletakkan sesuatu kena pada tempatnya.

Adapun ketepatannya memerlukan kesaksamaan yang bermaksud hati-hati, ingat-ingat, jaga-jaga, teliti dan memerhatikan, mempedulikan, menghiraukan bukan

sekadar meletakkan secara pengagihan sama rata sahaja yang difahami oleh saki-baki pemikiran komunis-sosialis tetapi mestilah saksama, perlu menyelesaikan penyusunan masyarakat majmuk yang diatur oleh penjajah dahulu yang bertujuan adu-domba di antara kaum, bandar dan luar bandar, Malaysia Timur dan Barat, Pantai Timur Semenanjung dan Pantai Barat.

Sikap yang ditunjukkan terhadap Pantai Timur dalam isu royalti ada penjelasan tadi. Isu royalti Petroleum ternyata pilih kasih, *double standard*, bertujuan untuk menggoda Malaysia Timur dan menindas Pantai Timur. Ini menunjukkan tiada kesaksamaan.

Perbezaan kedudukan antara miskin bandar adalah berbeza dengan miskin luar bandar walaupun jumlah bantuannya sama tetapi keperluan dan pulangannya tidak sama. Belum lagi dikira jumlah jatuh yang jauh berbeza, jumlah yang jauh berbeza dan kebolehan yang tidak sama antara bumiputera dengan bukan bumiputera termasuk kemudahan juga berlainan di antara bandar dan luar bandar. Begitu juga kos sara hidup, tahap pendidikan, pengalaman dan hal-hal yang lain.

Dalam lapangan dunia yang berkonsepkan liberal kapitalisme, sistem ekonomi bebas yang wujudnya perlumbaan dan persaingan tanpa kawalan yang sistematik menjadikan kekayaan untuk berpusing dalam kalangan kelompok tertentu sahaja.

Al-Quran menyebut [*Membaca sepotong al-Quran*], surah Al-Hashr, ayat tujuh yang bermaksud, “*Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya dari harta penduduk negeri, bandar dan desa dengan cara damai maka adalah ia tertentu bagi Allah dan bagi RasulNya diurus dengan hukum Allah dan RasulNya dan bagi kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin serta orang-orang musafir (yang keputusan) memerlukan pertolongan, ketetapanNya demikian supaya harta itu tidak hanya beredar, berpusing-pusing di antara orang-orang kaya dari kalangan tertentu sahaja dan apa juga perintah yang dibawa oleh Rasullah SAW kepada kamu...*”

■1450

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Yang Berhormat Marang?

Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: “*...Maka, terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya dan bertakwalah kamu kepada Allah...*”

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Boleh?

Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: “*...Sesungguhnya Allah amat berat seksanya terhadap orang yang melanggar perintahNya*”. [*Membaca sepotong Hadis*]

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Minta laluan, Yang Berhormat Marang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam soal minta pertolongan yang diperlukan. Maka, kelmarin PTPTN tidak disebut langsung, yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau di dalam bajet. Persoalannya, adakah Yang Berhormat Marang bersetuju Kerajaan Pakatan Harapan hanya mementingkan siapakah pembekal utama dalam PSR yakni Program Sarapan bagi sekolah rendah ataupun dalam lain perkataan soal kebajikan pendidikan tinggi diabaikan oleh kerajaan hari ini? Minta penjelasan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: Itu adalah tanggungjawab yang perlu ditunaikan sebagai janji. Malangnya, banyak sangat janji tetapi tidak ditunaikan janji itu. Ini menyebabkan harapan tidak tercapai walaupun adanya Pakatan Harapan. Ini yang dialami oleh mahasiswa, pelajar-pelajar dan anak-anak muda kita.

Ayat ini menunjukkan— ada ayat yang saya baca tadi, menunjukkan adanya pengurusan dan kawalan konsisten oleh pihak yang berkuasa dan hak istimewa berkelompok tertentu tanpa meminggirkan golongan yang kuat terhadap yang lemah. Kawalan yang berkonsepkan iman dan budiman, ilmu akidah, akhlak dan syariat undang-undang yang adil dengan janji pahala kepada yang baik dan amaran dosa terhadap zalim yang tiada dalam prinsip dan konsep ideologi ciptaan manusia.

Peranan pelajaran dan pendidikan yang membentuk manusia berintegriti seperti penjelasan tadi, ada kaitan. Satu hal yang sangat penting tidak cukup dengan pelajaran sahaja tanpa pendidikan. Pelajaran membawa pengertian segala sesuatu yang dipelajari atau yang diedarkan. Pendidikan pula membawa pengertian merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran, kepakaran khusus dan juga sesuatu yang tidak dapat dilihat tetapi lebih mendalam kepada pemberian, pengetahuan, pertimbangan, kebijaksanaan dan kebudayaan.

Salah satu asas matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan kebudayaan, berilmu dan mencipta kelakuannya. Bukan sekadar berilmu sahaja, tetapi cerdiknya tidak boleh ditumpang, bodohnya tidak boleh diajar. Ini sangat malang. Maka, sistem pendidikan hendaklah mengikut acuan yang betul bagi memudahkannya mestilah dengan bahasa rasmi rakyat dan negara. Ini menunjukkan betapa peranan Bahasa Kebangsaan perlu diperkasakan menjadi bahasa ilmu. Kita menyaksikan Jepun dan Jerman bangkit selepas dimusnahkan oleh Perang Dunia Kedua. Bangkit berilmu dan berpendidikan dengan bahasa mereka sendiri, begitu juga negara China, yang muncul

kini. Bahasa asing hanya menyokong bagi menimba ilmu daripada pihak yang lain, adapun mendidik seramai rakyat hendaklah dengan bahasa ibunda sendiri.

Bangsa Turki di Asia Tengah dan bangsa Melayu di Nusantara yang beragama Islam pernah ke depan dengan bahasanya yang berhuruf al-Quran, membolehkan pendidikan bersepadu mengikut acuan yang sebenar. Maka, usaha pembelajaran jawi beranak bangsa perlu disokong dan diteruskan. Kita sedia maklum bahawa negeri kita bergantung kepada input bahan makanan dan hasil pertanian seperti beras, daging, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Walaupun pelbagai langkah telah diambil untuk menangani masalah ini, isu jaminan makanan, *food security* adalah isu besar yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Ini kerana, bukan sahaja boleh menggugat kekuatan negara, malah berkait rapat dengan nasib para petani dan nelayan di luar bandar yang terjejas dengan turun naik harga di pasaran dan pertukaran musim di luar kawalan.

Namun saya terkejut, dengan suatu penulisan oleh seorang pensyarah sains politik yang menyatakan peruntukan Bajet 2020 kepada agensi-agensi kerajaan yang menjaga kebajikan para petani dan nelayan telah dikurangkan pada tahun 2020 berbanding peruntukan pada tahun 2019. Sepatutnya kerajaan membela nasib golongan petani ini dengan pendekatan yang holistik, bukan sekadar memberi bantuan untuk hidup, tetapi perlu dibangunkan teknologi pertanian, industri penghiliran dan sistem pemasaran yang efektif untuk meningkatkan produktiviti dan sumbangan segmen ini kepada ekonomi negara.

Malah, saya turut mendengar keluhan para nelayan di Pantai Timur yang saban kali kami suarakan di Dewan yang mulia ini agar kerajaan menangani masalah pencerobohan nelayan asing yang menjejaskan hasil tangkapan nelayan tempatan. Di samping masalah hakisan ombak, muara cetek yang mengancam kehidupan penduduk di sepanjang pantai khususnya di Terengganu. Semuanya ini memerlukan perhatian, kerjasama dan peruntukan besar oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang isu antarabangsa. Hari ini kita menyaksikan tamadun barat yang maju sains dan teknologinya menunjukkan tanda merudum kemanusiaannya. Kepimpinan negara yang bercelaru, keruntuhan moral individu dan institusi keluarga, mencipta senjata pemusnah merosakkan alam sekitar, sehingga mengancam diri sendiri. Benarlah firman Allah SWT, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], Surah Ar-Rum, Ayat 41;

“Telah timbul pelbagai kerosakan, kemusnahan dan bala bencana di darat dan di laut, dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia. Timbulnya

yang demikian, kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat".

Sepatutnya kita membangunkan ekonomi negara dengan sumber kita sendiri, tenaga rakyat kita dan hasil bumi kita dalam masa yang sama, mengambil manfaat daripada yang positif daripada seluruh penjuru dunia.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Marang, minta laluan, Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh, sila.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Marang. Menyentuh isu antarabangsa sebagaimana yang kita semua maklum, berlakunya konflik sama ada di sebelah blok Barat mahupun di sebelah blok Timur sama ada peperangan secara *direct* berlaku ataupun peperangan ekonomi yang berlaku di antara negara China dan negara Amerika yang secara langsungnya akan memberikan kesan kepada ekonomi dan politik yang ada di dalam negara kita.

Saya ingin mendengar pandangan daripada Yang Berhormat Marang, apakah cadangan-cadangan yang patut dicadangkan kepada kerajaan yang ada pada hari ini bagi meredakan kedua-dua isu ini terutama sekali isu yang membabitkan pertelingkahan daripada satu negara dengan negara yang lain yang dikira oleh Yang Berhormat Marang, Malaysia ini sebagai sebuah negara yang sepatutnya mampu meredakan keadaan ini? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: Bagi penjelasannya, kita jangan mengulangi sejarah. Di mana tanah air kita di rantau Asia Tenggara menjadi medan peperangan antara kuasa-kuasa besar yang paling ramai korban ialah rakyat di negeri ini, bukannya orang Eropah, bukannya orang Jepun, mungkin rakyat negeri ini paling ramai termasuk pernah negara China menjadi medan perang.

■1500

Ini kerana, kita tidak pandai menangani dalam isu antarabangsa dengan kita berpihak secara tidak saksama dalam golongan politik antarabangsa. Kita perlu mengambil pendekatan pendamaian hendaklah diutamakan. Hubungan kemanusiaan hendaklah diutamakan. Utamakan pendekatan hubungan antarabangsa dengan mengutamakan negara jiran dan negara yang bertimbang rasa. Bukan dengan negara

lain yang masih mahu menjajah dan menjadikan kita buah catur dalam persaingan politik antarabangsa. Ini sangat penting.

Dalam kita hendak mencari keuntungan ekonomi semata-mata yang akan menjadi mangsa pertarungan antara dua-dua kuasa besar Timur dan Barat. Soalan itu adalah amat malang apabila kita menyaksikan penjualan aset hartanah dan syarikat berkaitan kerajaan GLC dalam sektor strategik pada pihak asing. Tindakan jalan perintah ini sebenarnya akan merugikan negara dalam jangka masa panjang kerana segala keuntungan akan menjadi milik orang dan yang lebih merugikan ialah hilangnya peluang pekerjaan untuk anak tempatan terlibat dalam bidang teknologi tinggi.

Lebih mengejutkan apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh pula mengumumkan bahawa rumah kediaman kondominium dan *apartment* di negara kita dengan mudah hendak dijual pada warga asing pada harga RM600,000 menyebabkan pemilikan hartanah yang sepatutnya dipegang oleh rakyat tempatan akan hilang selamanya. Pengumuman ini sangat mengecewakan dan kami mendesak kerajaan menarik balik cadangan ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Marang. Pontian.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Marang. Mengenai penjualan-penjualan aset, adakah Yang Berhormat Marang bersetuju agar penjualan aset itu dihentikan dan jika ingin dan terpaksa dibuat ia perlu dengan tender terbuka. Adakah Yang Berhormat Marang bersetuju supaya kerajaan membeli aset terutama untuk Khazanah sebagai mana yang berlaku dalam zaman Yang Berhormat Pekan aset Khazanah melonjak daripada RM33 bilion kepada RM117 bilion lebih kurang.

Jadi, adakah Yang Berhormat Marang setuju henti menjual aset dan sekarang kena membeli aset. Terima kasih.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai dua jenis harta-harta yang tidak boleh dialih, harta yang boleh dialih. Apa yang penting ialah kita menangani dengan cara pelaburan yang menguntungkan negara dan tidak menzalimi orang lain. Apa yang baik yang dibuat oleh kerajaan dahulu perlu diteruskan dan ditambah baik itu perlu. Bukan melakukan kerja laksana tikus membaiki labu. Mengambil jalan mudah dan senang untuk mendapat duit dengan segera jual kepada asing harta yang tidak boleh alih. Bermakna, kita memberi penempatan kepada orang

lain di negara kita ini. Ini bentuk suatu penjajahan baharu yang perlu dihentam habis-habisan. *[Tepuk]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Marang. Terima kasih. Saya mungkin terlewat sedikit tetapi berkenaan dengan isu-isu antarabangsa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Sehari, dua ini kita mendengar satu kenyataan daripada pimpinan negara yang mendesak supaya disiasat Kesatuan Ulamak Islam Sedunia sebagai pertubuhan pengganas dan nampak daripada kenyataan itu seolah-olah mengaibkan Yang Berhormat sendiri daripada Marang.

Perkara ini berbangkit setelah di mana pihak polis telah menahan beberapa pimpinan dalam negara ini yang terlibat dengan keganasan LTTE. Jadi, saya minta - oleh kerana membanteras pengganas ini juga akan melibatkan bajet kerajaan dan sebagainya saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Marang penjelasan perbezaan LTTE dengan Kesatuan Ulamak Sedunia. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, saya menanggapi yang membuat kenyataan tidak mendapat maklumat yang sepenuhnya. Tidak tahu beza antara LTTE dengan Kesatuan Ulamak Sedunia. Ulamak Sedunia ini satu pertubuhan yang sah ibu pejabatnya di Qatar. Memberi cawangan di seluruh dunia termasuk di Eropah dan di Amerika. Dianggotai oleh ilmuwan-ilmuwan Islam dalam pelbagai mazhab untuk mendekatkan kalangan umat Islam dari segi ilmu.

Bahkan, persidangan dirasmikan di beberapa negara di Turki dirasmi oleh presiden dia, di Sudan dirasmi oleh presiden dia, di Algeria Menteri Luar dia yang rasmikan. Apa yang berlaku mungkin terlepas pandang ataupun tersilap pandang dengan hubungan diplomatik antara Qatar dengan negeri-negeri jiran. Tidak ada kena-mengena dengan persatuan ulama ini.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Marang.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Mutakhir ini, negara digemparkan penangkapan beberapa individu...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Minta laluan Yang Berhormat Marang.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Menteri politik pihak kerajaan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Marang minta laluan.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Nanti sekejap. Nanti saya beri. Yang disyaki terlibat dengan aktiviti yang dikatakan menyokong pemahaman pelampau aktiviti. Lebih malang apabila ada Ahli Parlimen kerajaan yang tanpa segan silu

menyatakan perjuangan aktiviti LTTE di Sri Lanka adalah sama dengan perjuangan Palestin. Ini amat bercanggah dengan realiti dan fakta sejarah. Ya. sila. Silakan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Marang, mengenai dengan Kesatuan Ulama Islam Sedunia di mana kita dapati ada empat negara iaitu Arab Saudi, Mesir, UAE dan juga Bahrain telah mengatakan mereka merupakan penganas. Jadi, apakah penerangan daripada Yang Berhormat Marang dan juga tadi mengenai dengan *property* bangunan *apartment* ataupun kondominium yang lebih daripada RM600,000 boleh jual kepada warga asing.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menerangkan bahawa hanya *apartment* ataupun kondominium yang tidak dapat dijual barulah dikemukakan kepada warga asing untuk mereka beli. Bukankah itu satu cara untuk kita dapat jualan *property* dapat dijual dan dia dapat membantu menjana pendapatan dan juga membantu pertumbuhan ekonomi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Marang soalan saya sama dengan Yang Berhormat Kota Melaka tadi.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Banyak peminat ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Kota Melaka tadi berhubung dengan LTTE dan Kesatuan Ulama Islam Sedunia. Saya minta supaya Yang Berhormat boleh jelaskan kepada rakyat apabila Kesatuan Ulama Islam juga disebut sebagai penganas tadi diheret sebagai penganas tadi. Minta Yang Berhormat Marang cuba tunjukkan apa keganasan yang dilakukan oleh LTTE berbanding dengan keganasan yang dilakukan oleh Kesatuan Ulama Islam Sedunia. Terima kasih.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Kesatuan Ulama Islam Sedunia lebih bersifat NGO akademik ilmuwan. Bukan persenjataan dan peperangan [*Tepuk*] sepatutnya baca dia punya itu.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Marang, Kesatuan Ulama Islam Sedunia empat negara telah mengatakan mereka ialah penganas. Sedangkan LTTE sejak tahun 2009 sudah tiada. Itu perbezaan antara LTTE dengan Kesatuan Ulama Islam Sedunia.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Yang Berhormat baca surat khabar. Yang Berhormat tidak berpijak di lapangan.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Dari segi lapangan kita perlu menyaksikan bahawa wakil-wakil Persatuan Ulama ini ada daripada Arab Saudi

daripada *Emirates* negeri yang berkenaan. Ada wakil-wakil dan saya sendiri sebagai ahli dia boleh pergi umrah tidak dihalang.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat tanya Tumpatlah.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Tentang LTTE. Tidak dihalang.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Marang, jadi kenapa empat negara masih mengklasifikasikan bahawa Kesatuan Ulamak Islam Sedunia ini ialah pengganas?

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Pergi tanya dia, tanya dia.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Itu kerana hubungan diplomatik dan sekarang sudah berubah. Amerika pun sudah lari ke Syria. Mungkin ke empat negara ini akan berubah dasar dia itu yang berubah. Ini tidak berkait. Tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya masa sudah tamat. Saya minta menggulung Yang Berhormat.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya sebenarnya masa sudah tamat. Saya minta menggulung. Sila.

Dato' Seri Abdul Hadi Awang [Marang]: Ya. Bagi menggulung tentang hal ini, dalam berkait LTTE, PAS menghormati kesungguhan pihak PDRM menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. *[Tepuk]*

Serta menggesa agar pihak PDRM diberikan ruang yang bebas untuk menyiasat dan mengambil tindakan undang-undang yang perlu tanpa campur tangan dan gangguan mana-mana pihak. *[Tepuk]* Saya mohon agar segala perkara-perkara yang saya bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan supaya perpaduan negara kita terus kukuh, ekonominya terus berkembang dan kemakmuran dikongsi secara saksama. Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ada soalan lagi Yang Berhormat. Kalau ini ada soalan lagi.

■1510

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiawangsa. Sila, masa selama 20 minit.

3.10 ptg.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada Setiawangsa untuk turut serta.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cuma hendak tegur sedikit Yang Berhormat, selepas tadi PKR, PAS selepas PAS Barisan Nasional, kenapa dia pergi ke PKR balik? Itu saya hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: PH, PH... [*Dewan ketawa*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ini *floor* saya ya. Jadi Yang Berhormat Setiawangsa berterima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dan Setiawangsa juga ingin memaklumkan bahawa kita berterima kasih kepada Dewan yang memberi prioriti kepada semua anggota *Select Committee* Bajet yang rentas parti untuk turut serta dalam perbahasan. Ini sebagai pengiktirafan kepada kerja yang telah dibuat oleh Jawatankuasa ini yang diketuai oleh Yang Berhormat Jeli.

Antara kelebihan belanjawan ini berbanding dengan belanjawan tahun lepas, bagi Setiawangsa ialah penekanan terhadap isu pekerjaan dan kesenjangan yang ada di dalam masyarakat termasuk isu-isu struktural yang perlu diatasi. Antara perkara yang mungkin tidak banyak disentuh tetapi ialah tentang cukai pendapatan yang dinaikkan daripada 28 peratus kepada 30 peratus kepada mereka yang ada pendapatan boleh cukai sebanyak RM2 juta ke atas. Ini adalah langkah yang progresif yang mana ketika mana banyak negara yang sedang berlumba untuk merendahkan kadar cukai sehingga menjejaskan ekonomi negara mereka termasuk golongan yang terpinggir tetapi kita mengambil pendekatan untuk menaikkan cukai bagi golongan maha kaya.

Ketika menyentuh soal ini, Setiawangsa ingin mengimbau pertanyaan tambahan yang Setiawangsa buat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Oktober 2019 yang lepas tentang pembolotan harta elit bumiputera dan kerosakan institusi bumiputera. Jadi, kita bandingkan ketika mula Dasar Ekonomi Baru dahulu, pihak kerajaan telah melabur besar di dalam sektor pendidikan termasuk peluang biasiswa yang meluas, sama ada keluar negara ataupun dalam negara, pembinaan IPTA-IPTA yang baru, MRSM dan Sekolah Berasrama Penuh.

Kemudian pada hujung 70-antara, awal 80 kita ada pengambilalihan bukan sahaja syarikat-syarikat bukan bumiputera, tetapi juga syarikat-syarikat milik luar, yang paling terkenal tentulah insiden 'Don Reid' dan ini menjadi tunjang kepada kelahiran kelas menengah Melayu yang kita lihat pada hari ini. Akan tetapi Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang patut bertahan hanya selama 20 tahun bermakna patut berakhir pada 1990

terus bertahan dan bukan sahaja ia bertahan tetapi jurang antara golongan Melayu kaya dan Melayu miskin juga bertambah. Kita sering tumpukan terhadap jurang antara kaum, tetapi kita terlupa tentang jurang di dalam kaum- *intra-racial disparity*.

Jika dahulu dasar pro bumiputera akan manfaat kepada kelompok bumiputera yang majoriti besarnya ketinggalan dari aspek ekonomi, tetapi dasar yang hanya memberi pengiktirafan atau penilaian berdasarkan kaum semata-mata akan menguntungkan elit bumiputera. Oleh sebab orang Melayu yang tinggal di Bukit Setiawangsa misalnya, tidak sama dengan orang Melayu yang tinggal di kawasan PPR, itu hanya dalam kawasan Setiawangsa sahaja. Belum dibandingkan dengan kawasan luar bandar dan lain-lain lagi. Kita tengok kelompok...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Setiawangsa, minta laluan sedikit.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ya.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Apakah Yang Berhormat Setiawangsa setuju apabila kerajaan melaksanakan Sistem Gaji Minimum yang membezakan had bandar dan luar bandar dan ukuran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah menunjukkan kepada kita sebenarnya elemen bandar dan luar bandar sebagai asas ukuran gaji minimum ini merupakan satu ukuran yang tidak begitu praktikal untuk dilaksanakan, minta komen.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Sebenarnya Setiawangsa akan sentuh lebih mendalam. Akan tetapi sebenarnya langkah kerajaan ini tepat kerana kos sara hidup di bandar jauh lebih tinggi berbanding kos di luar bandar. Masalah kemiskinan bandar, pendapatan di bandar- ini ada banyak kajian akademik, bukan hanya kajian PBB, kajian KRI dan lain-lain lagi yang menyebut, orang di bandar misalnya yang mana mereka dapat RM3,000. Akan tetapi kerana kos kehidupan yang tinggi, tidak ada sokongan institusi kekeluargaan, tidak ada tanah untuk bercucuk tanam seperti di luar bandar, kesan dia lebih tinggi berbanding dengan orang di luar bandar yang hanya menerima RM1,500. Akan tetapi saya akan sentuh lagi isu ini di dalam ucapan saya.

Jadi, kita lihat masalah Dasar Ekonomi Baru yang ada hari ini ialah kerajaan kejayaan Dasar Ekonomi Baru itu sendiri, *it's become a victim of its own success*, dengan izin. Satu contoh yang terbaik, Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang boleh dilabur oleh golongan bumiputera. Sebanyak 76.92 peratus daripada pemegang unit, 7.4 juta mempunyai saiz unit bawah RM5,000. Sebanyak RM5,000 tidak boleh tahan lama, kalau kita lihat sebagai satu pelaburan. Ini berdasarkan Laporan Tahunan ASB 2018. Hanya 0.24 peratus, bawah separuh peratus mempunyai saiz pegangan sebanyak

RM501,000 ke atas dan 9.15 peratus melanggan 81.83 peratus daripada jumlah unit berjumlah RM127.05 bilion.

Jadi ini adalah satu angka jumlah *disparity* yang sangat besar. Antara ukuran jurang ekonomi ialah pekali gini ataupun *gini coefficient*, kosong kesaksamaan maksimum di mana semua individu mendapat pendapatan yang sama, manakala satu adalah ketidaksaksamaan maksimum.

Pada hari ini kita lihat wujud penambahbaikan jurang antara kaya dan miskin di Malaysia, secara keseluruhan. Pada tahun 1970, pekali gini kita adalah sebanyak 0.513, pada tahun 2016 ialah 0.399. Akan tetapi pekali gini bagi Amanah Saham Bumiputera adalah sebanyak 0.84. Begitu juga dengan Tabung Haji yang hanya digunakan adalah umat Islam mengerjakan haji yang digagaskan oleh Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz. Ia diiktiraf sebagai antara program pengurusan haji yang terbaik di dunia. Akan tetapi, 50 peratus daripada jumlah caruman Tabung Haji dibuat oleh 1.3 peratus orang pencarum. Ini bermakna 1.3 peratus orang pencarum Tabung Haji ini ada jumlah simpanan 50 peratus yang ada.

Ada seorang individu, saya pun tidak tahu nama dia siapa, tetapi ini adalah data yang ada dikeluarkan oleh Tabung Haji pada tahun 2017, dia mencarum sebanyak RM190 juta seorang individu. Jadi ini adalah satu jumlah besar, sedangkan tujuan utama Tabung Haji ini bukan untuk pelaburan, bukan untuk tujuan lain, melainkan untuk menunaikan haji semata-mata.

Jadi, sebab itu bagi saya, apabila kita bergerak ke hadapan, kita kena lihat pendekatan yang lebih berorientasikan, membezakan pendekatan *B40* dan juga dengan *T20* tidak kira sama ada bumiputera atau bukan bumiputera adalah lebih baik dan lebih relevan. Oleh sebab hari ini banyak faedah yang sepatutnya dinikmati oleh golongan *B40* bumiputera tetapi hanya dapat dinikmati oleh mereka *T20* bumiputera. Contohnya, mereka yang tinggal di Taman Tun, mereka yang tinggal di Bangsar dan sebagainya di kalangan bumiputera, mereka ada akses kepada tuisyen, mungkin bercakap bahasa Inggeris di rumah dan sebagainya, tidak sama dengan orang yang mungkin tinggal di kawasan pendalaman ataupun di kawasan PPR.

Jadi sebab itu...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Setiawangsa saya suka apabila Yang Berhormat Setiawangsa menyentuh fasal kesenjangan ataupun *disparity*. Akan tetapi setujukah Yang Berhormat Setiawangsa kalau dibuat oleh pihak kerajaan secara *geographical spread*. Maknanya biarlah kalau suatu angka itu tidak dipetik, ia memberi gambaran terlalu *across the board* ataupun terlalu *in blanket*. Contohnya kata defisit, katakan, *sorry, inflation* katanya *below one percent*, padahal barangkali di Kuala Lumpur ia masih lagi berlegar pada tiga *percent*. Akan tetapi kalau ada *geographical profiling economy*, bukan sahaja kerajaan, malah MP-MP sendiri dapat tahu, macam dalam Setiawangsa, berapa orang B40 umpamanya. Bukankah itu akan menjadikan pendekatan- *measure* lebih tuntas? Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Ini sememangnya saya setuju dan antara kelemahan sistem yang kita ada pada hari ini ialah daripada segi mikro data. Di mana kita lihat banyak data-data yang ada di bawah Jabatan Perangkaan, kita tidak banyak berkongsi mikro data yang dapat digunakan untuk merangka dasar dengan lebih spesifik bagi negara kita.

Jadi, antara cadangan yang ingin dibuat oleh Setiawangsa misalnya, hari ini bagi Amanah Saham Bumiputera, seseorang itu tidak boleh menambah pelaburan melebihi RM200 ribu. Walau bagaimanapun, selepas RM200 ribu apa dividen yang mereka terima akan dilabur semula di dalam ASB. Ini akan melebarkan lagi jurang dengan golongan-golongan B40 yang ada di dalam ASB.

■1520

Jadi syor Setiawangsa, memandangkan ASB ini dijamin oleh pihak kerajaan, kita hanya bila sampai tahap RM200 ribu misalnya, tidak salah sekiranya dividen itu hanya boleh dikeluarkan, di-*cash out* dan tidak boleh dilaburkan semula. Kemudian, diserahkan kepada pihak pencarum bagaimana mereka hendak melabur pendapatan tersebut.

Pada masa yang sama, untuk Lembaga Tabung Haji juga, kita hanya perlu sepatutnya limit kepada kos haji Muassasah yang sekarang ialah sebanyak RM22 ribu kos haji Muassasah dengan subsidi Lembaga Tabung Haji, RM12,920, maka orang yang tunaikan haji bayar kurang daripada RM10 ribu. Jadi sepatutnya sekitar kadar itu sahaja untuk haji muassasah, kita benarkan Lembaga Tabung Haji kerana itu tujuannya. Lembaga Tabung Haji ini bukan *investment* untuk tujuan lain, melainkan untuk menunaikan fardu haji.

Seterusnya, Setiawangsa bergerak ke #MalaysiaKerja yang...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: [Bangun]

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Bagi saya sentuh perkara ini dulu. Kemudian, saya akan berikan peluang. Tentang isu #MalaysiaKerja...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta ini yang fasal Lembaga Tabung Haji juga sebelum, sebelum...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya hendak bergerak dulu sebab saya sudah bagi laluan tadi. Jadi, saya hendak fokus dulu...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Akan tetapi, sebelum Yang Berhormat keluar daripada Lembaga Tabung Haji...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ini *floor* saya, tidak apa. Ini *floor* saya. Kalau Yang Berhormat hendak bahas...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Boleh berbahas kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Untuk #MalaysiaKerja, tiga cabaran. Kalau tanya kepada Setiawangsa apabila kita turun ke bawah, tiga cabaran utama generasi muda ialah pekerjaan, pekerjaan dan pekerjaan. Itu-lah benda yang paling mencabar untuk anak muda untuk mendapat pekerjaan berkualiti bagi warga tempatan dan mengurangkan pekerja asing. Jadi, usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam Belanjawan 2020, Setiawangsa rasakan sangat positif dengan memberi fokus kepada golongan graduan, wanita dan perantis. Juga, pengumuman untuk mengkaji semula Akta Kerja 1955 kerana Akta Kerja ini sebenarnya daripada zaman kolonial lagi. Kita perlu bergerak daripada zaman industri kepada zaman digital untuk melihat bagaimana Akta Kerja ini dapat dibuat lebih relevan.

Isu-isu seperti diskriminasi termasuk diskriminasi jantina, termasuk diskriminasi kaum. Kajian terbaik ialah kajian yang dibuat oleh Dr. Lee Hwok Aun dan Dr. Muhammed Abdul Khalid tentang diskriminasi kaum dalam pelantikan kakitangan graduan di sektor swasta. Akan tetapi pindaan undang-undang ini perlu dibuat secara menyeluruh, bukan *piecemeal* dengan izin, menerusi penglibatan MTUC, MEF dan juga kerajaan dalam satu suruhanjaya reformasi undang-undang pekerja.

Kenaikan gaji minimum ke RM1,200 adalah satu perkara yang positif bagi wilayah-wilayah bandar kerana selama ini, kita punya pendekatan untuk membangun ekonomi kita adalah dengan menekan ataupun *suppress wages*. Model ini tidak lagi boleh diguna pakai. Jadi – cuma Setiawangsa berharap pihak kerajaan dapat menjelaskan apakah *roadmap* pelaksanaan gaji minimum RM1,500 menjelang tahun 2023 yang kita janjikan?

Kedua, Setiawangsa dalam isu gaji ini, ingin sentuh tentang *living wage* ataupun terjemahannya gaji kehidupan wajar yang mula ditimbulkan oleh Bank Negara pada tahun 2016. Kekeliruan kerap berlaku. Baru-baru ini, ada satu perbincangan dalam satu radio berbahasa Inggeris tentang isu ini dan mereka *confused* istilah ini dengan gaji minima. Akan tetapi, gaji minima bersifat *statutory* ataupun dikuatkuasakan oleh undang-undang. Akan tetapi, *living wage* adalah satu aspirasi, galakan kepada majikan. Kalau mengikut Bank Negara pada tahun 2016, bukan tahun 2019 ataupun tahun 2020, tahun 2016, bagi individu, *living wage* hendak hidup di bandar seperti Kuala Lumpur adalah sebanyak RM2,700 bagi individu; RM4,500 bagi pasangan tanpa anak, gaji ataupun pendapatan isi rumah; RM6,500 bagi pasangan dengan dua anak. Di kawasan Setiawangsa sendiri, saya dapat kes pemandu lori anak enam, pendapatan RM3,000. Akan tetapi mereka tidak dapat makan sehingga pemandu lori itu pulang bekerja, baru-lah dapat beli makanan untuk anak-anak. Itu ialah rutin harian mereka.

Jadi sebab itu saya kata di bandar, angka sebesar RM3,000 *pun* kadang-kadang dilihat tidak mampu untuk keluarga. Malahan, *Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)* sebuah institusi yang dilihat pro-pasaran bebas, telah mencadangkan kredit percukaian kepada syarikat-syarikat agar mereka menaikkan gaji pekerja terendah mereka untuk menuju kepada *living wage* tersebut. Jadi ini bukan datang daripada golongan Kesatuan Sekerja sahaja tetapi, malah datang daripada sebuah institusi yang dilihat pro-pasaran.

Kerajaan boleh lakukan selain daripada insentif percukaian, kerajaan juga boleh lihat isu gaji kehidupan wajar dari segi perbekalan kerajaan. Misalnya syarikat-syarikat besar, jualan melebihi RM50 juta yang hendak terlibat dalam tender kerajaan, mesti-lah menunjukkan komitmen terhadap menaikkan gaji menuju ke tahap gaji kehidupan wajar ataupun *living wage* sebelum mereka layak untuk menerima *procurement* kerajaan.

Seterusnya, Setiawangsa ingin menyentuh soal pertahanan dan saya ucapkan terima kasih...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Minta laluan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Ya.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya ingin membetulkan Yang Berhormat punya yang menganggap Lembaga Tabung Haji hanya sebagai tabung untuk pergi haji. Itu adalah tidak betul. Asas penubuhannya adalah fardu ain dan fardu kifayah. Fardu ain menunaikan haji dan mengembangkan ekonomi itu adalah fardu kifayah. Jadi kalau inilah yang menjadi kerisauan kita bahawa pengurusan sekarang untuk mengembalikan, keluar daripada asas penubuhan Lembaga Tabung Haji ini.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Pertama sekali saya setuju, memang betul. Akan tetapi, waktu itu juga tidak banyak institusi-institusi lain yang ada. Bagus atas kesedaran itu, memandangkan pada zaman Barisan Nasional dahulu banyak pencabulan yang berlaku di Lembaga Tabung Haji, tidak ada segan silu dan sekarang kerajaan terpaksa betulkan. Cuma yang saya hendak tekankan di sini...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Itu tuduhan. Tidak boleh itu. Tidak boleh.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pencabulan apa itu?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya hendak tekankan di sini tentang bagaimana masalah kesenjangan itu adalah masalah yang *real*. Apabila 50 peratus kekayaan Lembaga Tabung Haji dibolot oleh pencarum yang sangat kecil. Ada individu yang ada akaun RM190 juta. Jadi, sebab itu kita punya fokus ialah untuk mereka yang hanya tidak ada pilihan melainkan menjalankan haji Muassasah. Jadi, itu sepatutnya menjadi fokus utama.

Oleh sebab itu, saya hendak balik kepada soal pertahanan. Saya ingin ucapkan terutama sekali terima kasih kepada Kementerian Pertahanan yang telah mengedarkan pin lencana '*Kempen Tabung Pahlawan*'. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana peruntukan MINDEF telah dinaikkan daripada RM13.9 bilion pada tahun 2019 ke RM15.6 bilion untuk tahun 2020. Bayaran *one-off* RM500 untuk 70 ribu pemegang Pingat Jasa Malaysia juga satu penghargaan yang positif serta peruntukan RM150 juta untuk baik pulih kediaman tentera.

Begitu juga, program seperti mengambil veteran tentera menjadi renjer hutan adalah juga satu inisiatif yang baik. Cuma, Setiawangsa harapkan Jabatan Hal Ehwal Veteran untuk mantapkan program kerjaya kedua untuk veteran tentera. Setiawangsa berharap Kementerian Pertahanan dan Kementerian Sumber Manusia dapat bekerjasama untuk tingkatkan pengambilan pengawal keselamatan di kalangan veteran tentera. Hari ini, kita tengok rata-rata pengawal asing ataupun pengawal keselamatan yang ada adalah pekerja asing. Kita pelik kalau apa-apa berlaku, adakah mereka mampu untuk membuat laporan polis atau terpaksa tunggu *supervisor* mereka, baru mereka dapat membuat laporan polis. Jadi, sekiranya mereka betul-betul kita hendak anggap mereka sebagai pengawal keselamatan yang efektif, maka lebih baik kita ambil

warga tempatan. Soalnya ialah gaji dan bagi saya, mahu tidak mahu, kita kena bersedia untuk membayar gaji yang lebih tinggi.

Tentang isu ekonomi digital, Setiawangsa ingin menyentuh sedikit tentang – sebab itu tadi kita sebut tentang kajian semula ataupun reformasi undang-undang pekerja. Undang-undang yang ada pada hari ini tidak melindungi pekerja *gig economy*, dengan izin. Baru-baru ini apabila timbul soal Foodpanda, ada jawapan daripada pihak syarikat bahawa kerajaan tidak perlu campur tangan dan ini adalah soalan pasaran. Akan tetapi sebenarnya kita lihat, mana-mana sektor pekerjaan, kerajaan memang campur tangan. Kalau tidak, kita akan pergi ke keadaan mundur macam revolusi industri di Eropah pada kurun ke-19, yang mana anak-anak terpaksa bekerja, tidak cukup tidur dan sebagainya. Jadi, di California sendiri, di Amerika Syarikat, mereka telah pun untuk Uber dan Lyft iaitu syarikat *ride-hailing* supaya nasib pekerja-pekerja lebih terjaga. Jadi, begitu juga Setiawangsa memuji tindakan MyCC yang telah mengambil tindakan untuk mendenda Grab atas tindakan antipersaingan.

Setiawangsa cuma ingin menyentuh akhir sekali tentang pengangkutan awam. Setiawangsa memuji beberapa inisiatif yang diambil termasuk penambahan bas dan sebagainya. Cuma, Setiawangsa berharap projek MRT3 dapat dimulakan semula supaya dapat dengan izin, *close the loop* sistem MRT.

■1530

Kita sudah ada MRT1 dan kita sudah ada MRT2, kita sudah ada sistem LRT dan sistem pengangkutan rel lain yang baik tetapi kita perlukan *circle line* itu supaya sistem pengangkutan awam kita benar-benar efektif. Setiawangsa berharap...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ucapan ini bagus, bagus.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Dapat manfaat kerana kita – Kalau ikut rancangannya, ada stesen di Jelatek dan juga di Setiawangsa. Cuma akhir sekali, Setiawangsa ingin ...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya sudah tidak ada masa. Saya sudah habis masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak beritahu ...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Jadi biarkan saya habiskan ucapan saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami menyokong ucapan *you* yang penghabisan itu. Bagus, bagus.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey, tidak apa, terima kasih. Setiawangsa cuma ingin sentuh sedikit sebab ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, tidak payah menyampuk.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Soal perumahan ini adalah soal yang sangat penting. Sebanyak RM600,000 bagi kawasan Setiawangsa bukanlah perumahan yang mewah. Jadi inilah harga yang menjadi tumpuan ...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu minta laluan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Bagi golongan-golongan...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu, Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tidak apa, saya sudah habis masa,...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Sikit.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya hendak habiskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung Yang Berhormat.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Untuk menjadi fokus golongan M40 seperti profesional muda. Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Pembeli Rumah (*National House Buyers Association*), Datuk Chang Kim Loong telah memberi pandangan bahawa langkah menurunkan harga kepada RM600,000 tidak menggalakkan pemaju membuat perumahan mampu milik. Bagi sektor perumahan, beliau syorkan diserahkan kepada pasaran dengan fokus kepada rumah mampu milik, dengan siling RM150,000 di luar bandar dan RM300,000 di bandar. Begitu juga kerajaan diharapkan untuk menggalakkan inovasi supaya mengurangkan kos dalam pembinaan bagi mengurangkan harga rumah.

Jadi, itu sahaja cadangan daripada Setiawangsa, Setiawangsa menyokong perbahasan ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Setiawangsa boleh masuk Barisan lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Yang Berhormat Arau, sila sabar menunggu giliran. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Pekan, masa 20 minit.

3.32 ptg.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya hendak menyokong syor Yang Berhormat Setiawangsa supaya MRT3 dibina sebab itu memang perancangan Kerajaan BN dulu. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyediakan sebuah bajet, andaian yang boleh diyakini oleh pasaran domestik dan antarabangsa adalah antara perkara paling penting apabila merangka sesebuah belanjawan. Untuk Malaysia, dua andaian yang paling asas ialah harga minyak dunia dan kadar pertumbuhan KDNK. Jika andaian kita jauh dari realiti, maka bajet kita akan lari, hutang negara akan naik dengan lagi tinggi dan perbelanjaan serta rancangan kerajaan akan terjejas. Kita perlu menjual aset negara secara lambak atau menjarah daripada Petronas, sehingga penarafan kredit Petronas jatuh lagi seperti apa yang berlaku pada bulan Jun tahun ini untuk menimbus defisit yang lebih tinggi akibat hasil negara terjejas kerana andaian yang salah.

Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan PH kerana akhirnya, mereka menggunakan andaian harga minyak yang betul tahun ini iaitu pada harga USD62 satu tong walaupun harga pasaran ketika ini masih di bawah USD60.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan, Jelutong minta laluan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Ini – Tidak, tidak, duduk dulu, saya banyak hendak cakap ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, ya.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Ini jauh ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Nanti bagi ya.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Duduk, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Baru mukadimah sahaja Yang Berhormat Jelutong, sabar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Ini jauh berbeza ...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong cukup lah Yang Berhormat Jelutong. Bagilah *chance* sekejap.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Duduklah, jangan ganggu saya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak ganggu, saya tanya soalan sahaja.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Awak masyhur sebagai orang yang ganggu Dewan sepanjang masa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan, bukan, bukan hendak ganggu. Hendak tanya soalan sahaja Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Ini jauh berbeza ...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Nanti tanya masa Tumpat.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Nantilah. Saya hendak bagi ucapan ini. Serius ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya pun serius.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Saya jauh berbeza ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dua-dua belah pihak pun serius, tetapi ini sekarang laluan Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Ini jauh berbeza dari andaian harga USD72 satu tong yang saya nasihat tahun lepas semasa membahaskan Bajet 2019 dalam Dewan yang mulia ini adalah terlalu tinggi. Akhirnya, kita terbukti kerana harga minyak dunia untuk tahun 2019 adalah purata USD62 satu tong sahaja. Malangnya tahun ini, Kerajaan PH telah melakukan kesilapan yang sama dengan membuat andaian pertumbuhan ekonomi untuk tahun 2020 pada kadar 4.8 peratus. Rata-rata penganalisis ekonomi, syarikat penarafan kredit antarabangsa, Bank Dunia dan IMF memberi unjuran yang lebih rendah, yakni pada purata 4.3 peratus.

Tiada mana-mana pihak lain yang menyatakan bahawa kadar pertumbuhan tahun depan lebih tinggi pada tahun ini. Hanya Kerajaan PH satu-satunya sahaja yang menyatakan sedemikian. Patutkah kerajaan menggunakan kadar 4.8 peratus? Adakah defisit negara akan menjadi lebih jauh berbanding apa yang diunjurkan untuk tahun depan iaitu 3.2 peratus? Jika andaian ini salah lagi dan hasil kerajaan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang defisit negara, Bajet 2020 pula. Tahun lepas, Kerajaan PH memberi panduan bahawa defisit tahun 2020 adalah tiga peratus tetapi sasaran awal ini telah terjejas menjadi 3.2 peratus. Perlu ingat bahawa setelah Kerajaan BN menaikkan defisit negara dan meminjam pada tahun 2009 untuk menyelamatkan ekonomi negara dari krisis ekonomi dunia dengan izin, *the great global recession*, kita telah mengaturkan rancangan untuk mengurangkan bajet defisit sehingga kita menyasarkan bajet seimbang atau *balance budget* pada tahun 2020.

Dengan melaksanakan langkah-langkah fiskal yang berdisiplin dan berhemah, defisit negara turun lapan tahun berturut-turut sehingga PH mengambil alih kerajaan pada PRU-14. Selepas itu, Kerajaan PH menaikkan pula defisit negara. Di bawah

rancangan BN, defisit untuk tahun 2018 adalah 2.8 peratus, tahun 2019 adalah dua peratus dan tahun 2020 adalah 0.6 peratus.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Akan tetapi kini menjadi 3.7 peratus, 3.4 peratus dan 3.2 peratus masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Nampak gayanya, defisit negara akan tetap tinggi ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Di bawah PH.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Saya hendak habiskan ucapan, masa ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan boleh beri – Boleh minta bagi peluang penjelasan?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Kurangkan defisit ...

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Oleh itu ...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tetapi hutang diletakkan di tempat lain.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, ya.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Nanti, nanti.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Adakah itu rasionalisasi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul itu.

[Dewan riuh]

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Saya hendak bagi ucapan ini. Ikut peraturan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Atau adakah ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh bagi peluang penjelasan?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Oleh itu ...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar minta, boleh?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Di mana rancangan PH ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ramai minta jalan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hutang SRC, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pekan tidak bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hutang SRC, boleh beri pandangan?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pekan tidak bagi.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan ku ganggu orang-orang kamu kalau kamu buat macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya ingatkan kepada ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan cabar saya di luar, Yang Berhormat Pekan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong sila duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan cabar saya di luar bukan. Saya cabar sekarang dalam Dewan.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya ingatkan kepada Peraturan Mesyuarat Perkara 37(1)(b). Siapa-siapa sahaja, saya tidak merujuk kepada sesiapa. Apabila dia berucap, kecuali beliau ingin duduk dan beralah dan memberikan laluan. Jika tidak, kita berikan hormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini berlaku kepada dua-dua belah pihak. *[Dewan riuh]* Sekarang, Yang Berhormat Pekan berucap, jika dia hendak bagi, bagi. Dia tidak hendak bagi, Yang Berhormat Pekan sila teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan isu ini. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Pekan telah ...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tidak faham bahasa Melayu kah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan telah selalu mencabar saya tentang isu-isu. Saya hendak tanya dengan dia berkenaan isu 1MDB di Dewan ini.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Di luarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *Point taken.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh, *shut up you.* Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Pekan, sila teruskan. Masa tinggal 13 minit. Sila.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Taktik kotorlah Yang Berhormat Jelutong, taktik kotor.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Oleh itu, di manakah rancangan PH untuk mengurangkan hutang negara? Pada tahun 2018, defisit kerajaan ialah RM54.2 bilion. Tahun 2019 ini di unjur pada RM52.4 bilion dan defisit 3.2 peratus, untuk tahun depan bersamaan dengan defisit RM52.5 bilion. Ini bermaksud, hutang negara akan naik menjadi RM850 bilion tahun depan dan jika defisit Kerajaan PH diteruskan untuk tiga tahun lagi iaitu pada kadar lebih RM50 bilion setiap tahun, maka hutang langsung negara akan benar-benar mencapai misi PH untuk mencecah RM1 trilion pada tahun 2023 ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Iaitu habisnya penggal pentadbiran PH.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Pekan, saya minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: *No, no,* tidak boleh.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh bagi Bandar Kuching?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tentang hutang negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Pekan tidak bagi.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Malah bukan hanya hutang negara naik ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa yang lebih hutang? BN kah atau PH?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, ...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching hendak minta penjelasan, boleh?

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pekan tidak bagi jalan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagi penjelasan. Kalau berani, bagi penjelasan. Saya cabar Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Tidak boleh, tidak boleh.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Kalau percaya sangat pada pelan Barisan Nasional, berilah jalan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Saya datang sini hendak – ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa yang menjual negara?

[Dewan riuh]

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa yang menyebabkan negara hampir-hampir muflis?

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Jelutong, saya jemput duduk. Yang Berhormat Pekan, sila teruskan.

Seorang Ahli: Halau Tuan Yang di-Pertua, halau mereka.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Halau keluar ini, bodoh! Bangang!

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Malah bukan hanya hutang negara naik tetapi nisbah hutang juga naik dari 48.7 peratus pada suku pertama tahun 2018 sebelum PRU-14 dan pada bulan Julai lalu sudah naik ke 52.7 peratus dan unjuran akan naik lagi tahun depan kerana defisit yang tinggi.

■1540

Perlu diingat bahawa kerajaan meletakkan had 55 peratus untuk nisbah hutang ini dan kerajaan tidak akan dibenarkan untuk meminjam jika had ini tercecah. Ini menunjukkan ruang untuk kerajaan melakukan pakej rangsangan ekonomi jika negara dilanda krisis ekonomi adalah sangat terhad. Itulah kebimbangan saya jika defisit negara tidak turun. Tambah lagi saya tengok...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua saya ingin bangkitkan isu peraturan, peraturan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Peraturan mana. Nanti, nanti. Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat mana yang hendak dirujuk. Sila.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan 30.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, sabar Yang Berhormat Pasir Salak, sabar. Peraturan Mesyuarat 36(12). Manamana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan.

Yang Berhormat Pekan telah sebut bahawa....

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong saja kelirunya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, kita dengar dulu. Sekarang ada Peraturan Mesyuarat. Saya akan berlaku adil kepada dua-dua belah pihak. Nyatakan manakah kenyataan yang mengelirukan Dewan? Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bahawa hutang kerajaan PH ini naik di luar negara walhal apa yang berlaku adalah semasa Barisan Nasional.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hutang 1MDB adalah hutang semasa Barisan Nasional. Jangan mengelirukan Dewan yang kita warisi dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hutang 1MDB RM32 bilion, *[Tidak Jelas]* RM40 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, ini bukan laluan Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pekan yang jawab. Okey, ini adalah pandangan Yang Berhormat dan saya rasa ini bukanlah kenyataan yang mengelirukan Dewan tapi pandangan Yang Berhormat Pekan tapi kita boleh bahas. Boleh tidak bersetuju tapi dia tidak mengelirukan Dewan. Sila Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]: Saya teruskan ucapan saya sebab saya pertahankan fakta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]: Tambahan pula saya tengok bajet ini tidak mempunyai impak yang besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tahun depan. Jumlah perbelanjaan kerajaan untuk tahun depan juga berkurangan dan ini bermaksud keupayaan kerajaan untuk mendukung ekonomi

kita akan berkurangan tahun hadapan. Ia ketika eksport dan perdagangan antarabangsa kita semakin menurun.

Umpamanya prestasi barangan perantaraan (*intermediate goods*) yang merupakan barangan input bagi eksport bulan-bulan mendatang telah menurun iaitu pada bulan Jun menurun 2.5 peratus, bulan Julai menurun 3.4 peratus dan bulan Ogos menjunam sebanyak 13.9 peratus. Prestasi import barangan modal ataupun *capital goods* yang menggambarkan pelaburan semasa juga telah jatuh pada bulan Jun menurun 23.6 peratus, bulan Julai jatuh 13.9 peratus dan bulan Ogos menjunam sebanyak 31 peratus.

Prestasi import barangan penggunaan yang merupakan penunjuk kepada daya beli dan keyakinan pengguna juga jatuh. Pada bulan Jun menurun 5.4 peratus, bulan Julai jatuh lima peratus dan bulan Ogos menjunam sebanyak 31 peratus. Tambahan pula, bajet ini tidak ada pemotongan cukai dan bantuan pada rakyat juga tidak naik. Sekiranya kita ada GST, *corporate tax* dan *personal income tax* akan dikurangkan seperti tahun 2015.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]: Saya hendak beritahu, sudah tidak ada masa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab kerajaan terpaksa bayar hutang 1MDB, sebab itu tidak ada insentif Yang Berhormat.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Bahaslah, bahas. *Sat* lagi bahaslah, bahas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kerajaan terpaksa bayar hutang 1MDB.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]: Ini, ini, ini, saya tidak izinkan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Aset 1MDB pun banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Jelutong sukacita saya ingatkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita keluarkan dia daripada Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kita terus ya. Baik. Jangan lagi ulangi. Yang Berhormat Pekan, sila teruskan. Yang lain semua dengar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Arah Yang Berhormat Jelutong keluar.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Hutang RM31 bilion, aset RM43 bilion 1MDB.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Memang sebab kita bayar hutang, tidak boleh beri insentif.

Seorang Ahli: Halau dia masuk hutan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sabar, sabar. Sila, sila Yang Berhormat Pekan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, halau Yang Berhormat Jelutong Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]: Rancangan kerajaan Barisan Nasional Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan memutar belitkan fakta Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]: Ini, ini, ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, peringatan terakhir. Sila Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]: Rancangan kerajaan Barisan Nasional adalah untuk mengurangkan kadar *corporate tax* yang kini berada pada 24 peratus. Ini ialah kerana negara sekitar sudah mengurangkan *corporate tax*. Singapura kadar 17 peratus sudah lama. Vietnam 20 peratus dan Indonesia dijangka akan mengimbangi cukai korporat sama dengan Singapura dalam masa beberapa tahun akan datang. Malah, Amerika Syarikat juga telah menurunkan *corporate tax* mereka kepada 21 peratus pada tahun lepas daripada 35 peratus. Ini akan menjadi Malaysia tidak kompetitif pada pelabur.

Seperkara lagi bajet ini tiada langsung pengurangan cukai peribadi untuk golongan M40. Golongan ini seperti tidak dihiraukan, tidak ada apa-apa untuk mereka dalam bajet ini dan bajet tahun lepas. BR1M ataupun BSH, sekarang tetap sama pada tahun lepas malah BR1M orang bujang sekarang hanya untuk mereka yang berumur 40 tahun ke atas dengan pendapatan kurang dari RM2000 sebulan. Barisan Nasional hendak bagi RM600 dan 21 tahun ke atas. Pakatan Harapan hendak bagi hanya RM300. Itu pun kena jadi bujang terlajak baru dapat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]: Maknanya Tuan Yang di-Pertua, wang tidak sampai ke poket rakyat. Malah kenaikan harga petrol tahun depan, harga air, cukai pintu, cukai digital tahun depan akan menjejaskan daya pembeli rakyat.

Pasaran saham kita sudah jatuh 350 mata dari hampir 1,900 mata sebelum PRU-14. Akibat ini nilai sebanyak RM300 bilion telah lesap dari Malaysia. Kita paling corot dalam dunia, jauh di belakang negara-negara jiran. Malah pasaran saham negara-negara seperti Zimbabwe dan Venezuela pun lebih baik dari Malaysia pada tahun 2019. Dividen yang paling rendah dalam sejarah seperti hibah 1.25 peratus, LTAT dua peratus, ASB bakal kita dengar dan sebagainya akibat pasaran saham paling corot dalam dunia juga memberi impak kepada pendapatan rakyat untuk tahun hadapan. Jika rakyat tidak ada wang dalam poket, mereka tidak akan belanja.

Pada ketika kerajaan kurang belanja, bantuan tidak naik, dividen rendah akibat pasaran saham paling corot, kos yang naik serta perdagangan antarabangsa yang terus menurun, adakah andaian kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 4.8 peratus boleh dicapai? Dan jika 4.8 peratus tidak tercapai dan menyebabkan hasil kerajaan terjejas, adakah kerajaan akan jual lebih banyak aset negara secara lambak untuk menampung defisit?

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang RM40 bilion aset telah dijual. Apakah logik kita Tuan Yang di-Pertua untuk menjual aset Khazanah yang katanya hendak memberi pulangan 15 peratus, kenaikan nilai setiap tahun sejak 2008 untuk membayar hutang kepada kadar 3.5 peratus?

Analoginya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada sebuah rumah katalah, kita sewa rumah itu. Rumah itu beri pulangan 15 peratus setahun tapi kita jual rumah itu untuk bayar hutang pada kadar 3.5 peratus. Apa logiknya? Harta sudah lepas pada tangan kita tapi soalnya apakah anak-anak, cucu-cucu kita akan makan pada hari mendatang nanti. Bila aset negara yang memberi pulangan yang baik ini tidak lagi pada masa depan di manakah kerajaan akan dapat hasil tanpa meminjam dengan lebih banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jika masalah ialah cukai SST tidak cekap dan menyebabkan ekonomi gelap atau *black economy* terlepas dari di cukai. Carilah cara untuk menambah baik SST tetapi yang lebih tepat, bertukar balik kepada GST.

Saya juga nampak Tuan Yang di-Pertua, belanjawan di bawah PH ini telah menjadi seperti pentas ceramah politik bila Yang Berhormat Bagan mengeluarkan angka RM2.7 bilion untuk membayar hutang 1MDB dan SRC untuk tahun ini. Akan tetapi dalam ucapan bajet yang sama pula, dia mengesahkan bahawa Projek Bandar Malaysia milik

1MDB diteruskan tetapi perolehan dari projek ini hanya di umum kelak. Kenapa tidak sebut kerajaan Pakatan Harapan telah jual sebahagian daripada projek ini untuk harga RM7.41 bilion pada bulan April pula? Kos hutang Yang Berhormat Bagan hendak umum tetapi hasil perolehan dari hasil pembangunan dari 1MDB tidak mahu disebut pula.

Fakta bahawa nilai pembangunan Projek Bandar Malaysia sebanyak RM140 bilion dan TRX RM40 bilion yang Yang Berhormat Bagan sendiri pernah sebut adalah antara aset paling baik dalam negara, dia malu hendak sebut pula.

■1550

Selepas itu, dia pula mengeluarkan angka RM150 bilion yang kononnya BN telah curi. Apakah yang ada dalam angka RM150 bilion? Kenapa hutang 1MDB RM32 bilion dengan aset-aset amat berharga ini tiba-tiba menjadi RM150 bilion pula. Walaupun Yang Berhormat Bagan pernah terbukti telah mengelirukan Dewan dengan ucapan bahawa dengan wang GST sebanyak RM19.2 bilion telah dirompak oleh BN. Saya ingin memberi dia *benefit of doubt*, jika benar-benar RM150 bilion telah dicuri BN, Kerajaan PH perlu melaksanakan PAC untuk menyiasat kebenaran tuduhan Yang Berhormat Bagan ini.

Oleh itu, saya mencadangkan PAC diarahkan untuk menyiasat rompakan kononnya rompakan RM150 bilion ini serta-merta dan jika tidak, maka Yang Berhormat Bagan perlu diambil tindakan dan berhenti menjadikan ucapan belanjawan tahunan seperti pentas politik.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya janganlah melihat bajet ini sebagai peluang untuk memulihkan sokongan rakyat yang telah menjunam untuk Kerajaan PH ini. Setiap bajet perlu menyelesaikan masalah ketika ini, tetapi jangan sehingga mengorbankan masa depan rakyat dan negara.

Janganlah jual semua aset yang memberi pulangan jangka masa panjang sampai bersih licin. Janganlah tinggalkan hutang negara dengan begitu pantas sekali berbanding masa BN. Janganlah tinggalkan beban yang tidak boleh diselesaikan oleh kerajaan masa hadapan. Janganlah mengamalkan dasar-dasar populis yang tidak menguntungkan rakyat dan negara. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pekan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pekan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pekan, boleh saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh tanya soalan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Penjelasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian ingin penjelasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Jelutong dua-dua pun sila duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan, lari ya Yang Berhormat Pekan, lari.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jika hendak tanya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Lari ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bas sudah lepas stesen. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bandar Kuching.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jelutong boleh mencelah saya kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa 20 minit, sila.

3.52 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian. *Low standard* lah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Ketawa]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberikan peluang. Duduk, duduk, duduk, ini *floor* saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberikan peluang untuk berbahas...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Bandar Kuching?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: ...untuk Belanjawan 2020.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Jelutong, kalau berani jumpa luar.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Nanti duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain semua duduk.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jangan bazirkan masa saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong, kalau berani jom keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Arau. Saya memang tertarik dan bagi saya memang menarik bahawa Yang Berhormat Pekan datang ke sini untuk cuba memberikan nasihat. Padahal, disebabkan kerakusan beliau, disebabkan kerakusan kerajaan tahun lalu, kita menghadapi pelbagai masalah dalam kerajaan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh saya mencelah Yang Berhormat Bandar Kuching?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sekarang— Belum lagi, belum lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Apa benda yang rakus itu?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang cuba...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Rakus apa dia? Apa contoh rakus? Boleh bagi contoh rakus?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ini *floor* saya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh saya mencelah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, boleh mencelah.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ya, Yang Berhormat Kangar silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Tadi saya mendengar Yang Berhormat Pekan bercakap tentang...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh saya mencelah Yang Berhormat Kangar? Boleh saya mencelah Yang Berhormat Kangar?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: ...hutang negara. *Floor* saya, Yang Berhormat Kuching bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order, point of order.*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tadi saya mendengar Yang Berhormat Pekan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bercakap tentang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order 36(6).*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Mana satu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sangkaan jahat kepada Yang Berhormat Pekan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hendak tahu mana rakus, tanya Jho Low.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong, kita jumpa kat luar. Kalau beranilah, jom.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Tadi saya mendengar Yang Berhormat Pekan bercakap tentang kenaikan hutang negara yang sebenarnya kalau kita bagikan kepada nisbah KDNK sebenarnya menurun. Akan tetapi, Yang Berhormat Pekan gagal untuk menjelaskan kepada Dewan bahawa sejak kenaikan beliau sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini, daripada tahun 2009 hingga sebelum pilihan raya, hutang negara meningkat daripada kira-kira lebih kurang dalam RM300 bilion yang ditinggalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum Yang Berhormat Pekan kepada RM725 bilion ketika Jun 2018. Ini yang Yang Berhormat Pekan gagal sebut tadi dan jumlahnya mencecah daripada 20 peratus KDNK.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh, Yang Berhormat Kangar. Diamlah. Kamu pun tukar bodoh macam orang...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jumlah, jumlah KDNK menaik RM1.3 trilion.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat,.

Seorang Ahli: Jangan tunjuk bodoh sangat. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Apabila Yang Berhormat Jelutong hendak kacau Yang Berhormat Pekan, sebelah sini bising. Sekarang bila Yang Berhormat Pontian hendak kacau Yang Berhormat Bandar Kuching, sebelah sana bising. Sekarang ini saya duduk di tengah-tengah saya hendak dengar siapa? Yang Berhormat Arau, sila sabar. Yang Berhormat Bandar Kuching teruskan 18 minit.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dan kenaikan itu adalah sebanyak 20 peratus KDNK.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Memang saya bersetuju dan sila masukkan ke dalam ucapan saya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kangar, *check* betul-betul Yang Berhormat Kangar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saiz ekonomi berkembang kepada RM1.3 trilion.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Duduk, duduk.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kangar, *check the data* Yang Berhormat Kangar. *Check your data.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya kesuntukan masa, saya tidak banyak.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, di depan saya ada seorang ahli membangkitkan Peraturan Mesyuarat. Ya, sila baca Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pada 36(12) sebab Yang Berhormat Kangar berucap...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dia tidak mengelirukan Dewan. Saya dengar dengan teliti. Dia pandangan dia, seperti tadi Yang Berhormat Pekan. Yang Berhormat Pekan adalah *entitled to his opinion*. Sila Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Menteri Kewangan telah umum hutang RM686 bilion.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *Speaker* sudah buat *ruling*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tadi Yang Berhormat Kangar sebut RM722 bilion, membohong Yang Berhormat Kangar. Kamu budak lagi lah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bukan, dokumen dibekalkan kepada kita. Rujuk Jun 2018.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *[Tidak jelas]* PAC untuk bajet.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Yang Berhormat Menteri sebut RM686 bilion.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ini satu komuniti *by partisan* di mana Ahli Pembangkang ada di dalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Awak sebut RM722 bilion, awak bohong.

[Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Hutang kepada KDNK RM48.7 bilion, turun— meningkat kepada RM52.7 bilion.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Kangar tidak bohong. Sila duduk, jangan bohong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Meningkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain semua duduk.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jangan berbohong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Hutang kepada KDNK meningkat.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian, duduk. Yang Berhormat Pontian ada giliran dia, akan di bagi masa, sabar. Sila Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, saya sebenarnya banyak hendak saya hendak bahas. Jadi, saya terus kepada apa yang saya hendak bahaskan. Tuan Yang di-Pertua, satu belanjawan yang baik bukan sahaja bergantung kepada jumlah peruntukan yang ada, tetapi bagaimana dan di mana ia diagihkan dan implementasi belanjawan tersebut. Disebabkan masa yang singkat, saya cuma fokuskan perbahasan saya kepada beberapa perkara terutamanya dalam bidang kesihatan. Saya menyambut baik peruntukan yang terbesar dalam sejarah kepada Kementerian Kesihatan sebanyak RM30.6 bilion. Ini adalah peningkatan RM1.9 bilion atau 6.4 peratus daripada jumlah pada tahun lepas.

Antaranya peruntukan untuk *mental health* dengan izin, telah dipertingkatkan sebanyak RM9 juta. Jadi, saya memang menyambut baik peningkatan ini kerana ini satu isu yang sangat serius. Statistik menunjukkan satu daripada tiga orang Malaysia mengalami masalah *mental health*. Baru-baru ini rakyat Malaysia yang menonton dan menikmati filem *The Joker* yang telah memberikan gambaran tentang penyakit mental dan juga *downward spiral* dengan izin atau kesannya jika tidak ditangani dan dirawat dengan betul.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimana peruntukan ini akan digunakan untuk *reform mental health services* di Malaysia dan adakah kementerian akan memberikan satu pendekatan yang lebih komprehensif untuk *mental health* dalam MOH *strategic plan 2021 ke 2025*. Ini memang satu isu yang sangat penting kerana ia semakin banyak melibatkan golongan orang muda generasi masa hadapan kita semua. Contohnya kes di Kuching, di mana seorang perempuan 16 tahun telah membunuh diri dan memaparkan keputusan beliau di sosial media.

Bulan Ogos tahun ini, seorang pelajar 12 tahun telah membunuh diri disebabkan tekanan peperiksaan UPSR. Pada tahun 2017, kerajaan telah membuat satu tinjauan kesihatan awam di antara sekolah-sekolah menengah di seluruh negara dan hasil daripada tinjauan tersebut menunjukkan bahawa dua daripada lima remaja di Malaysia yang berumur lingkungan 13 ke 17 tahun mengalami masalah keresahan manakala satu daripada lima remaja mengalami kemurungan.

Sekurang-kurangnya satu perlima daripada respons yang kerap mengalami pelbagai masalah emosi seperti ingin berputus asa, kehilangan nilai hidup, penghinaan diri dan keresahan terhadap situasi itu. Jika kita lihat di sekeliling kita, rasa kesepian di kalangan generasi muda bukan sesuatu yang mengejutkan. Memandangkan jumlah masa yang lama di mana mereka menggunakan gajet-gajet seperti *handphone*, *iPad* untuk melayari media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan berkomunikasi sesama sendiri. Pada masa kini, golongan belia lebih... [Disampuk]

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Bandar Kuching, minta sedikit saja.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ya, saya tiada.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Seminit saja.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, seminit tiada. 30 second.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya hendak respons pada pandangan tadi. Saya fikir bahawa isu ini sangat serius dan kerajaan perlu menanganinya. Apakah Yang Berhormat Bandar Kuching bersetuju bahawa kita

sebenarnya gagal untuk membina jati diri ataupun kekuatan spiritual untuk mengatasi cabaran-cabaran yang sedia ada dan minta respons.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Memang saya bersetuju, tetapi isu ini tidak haruslah dilihat dari suatu sudut sahaja. Akan tetapi, haruslah dilihat secara komprehensif pelbagai *sphere* atau sudut. Jadi, dengan perubahan persekitaran dan tekanan yang dilalui oleh anak-anak muda kita, haruslah kita ada satu plan terperinci untuk menangani masalah ini. Setahu saya di bawah KKM, kita dahulunya ada *National Adolescent Health Plan Of Action (NAHPOA) 2006 hingga 2020* sebuah *blueprint* yang merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan, pemakanan, kesihatan seksual, reproduktif, tingkah laku berisiko tinggi, kesihatan jasmani dan juga kesihatan mental. NAHPOA pada dasarnya menghasilkan sebuah rangka kerja yang pada waktu tersebut di wawasan sebagai *National Adolescent Health Program*. Jadi, pada tahun 2013 dokumen ini telah di semak semula dan versi baru telah diusulkan pada tahun 2015.

■1600

Walau bagaimanapun, sejak itu tiada lagi usaha yang ditunjukkan untuk merealisasikan rancangan tersebut. Oleh itu, saya meminta agar kerajaan dapat *review* semula atau semak semula plan tersebut dan memperbaharui jika perlu satu plan yang lebih terperinci untuk menangani isu yang sangat penting ini.

Selain itu, saya juga meminta KKM untuk *update* semula National Suicide Registry yang dikatakan telah *defang* sejak tahun 2009. Saya rasa untuk benar-benar menangani masalah ini, kita haruslah ada data yang secukupnya. Dengan kekurangan data tentang isu ini, banyak lagi plan yang harus dilakukan tidak dapat dijalankan. Contohnya...

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Banda Kuching boleh saya mencelah sedikit.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya tidak ada masa.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: *Just very small.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey. Okey. *Go ahead.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Kangsar silakan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *You are my best friend.*

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bandar Kuching, saya rasa sebaik mana peruntukan yang diberi oleh kerajaan tetapi soal stigma terhadap pesakit mental dan penyakit mental harus diuruskan dahulu. Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Itu saya memang bersetuju. Jadi, saya teruskan. Liputan isu persendirian untuk *mental health*. Negara-negara yang mempunyai liputan insurans persendirian yang merangkumi rawatan kesihatan mental seperti Amerika Syarikat lebih cenderung untuk mendapatkan sokongan atau bantuan dalam penyelidikan data kesihatan mental tempatan.

Jadi, kekurangan data berkenaan dengan kesihatan mental di negara ini menjelaskan mengapa kebanyakan syarikat insurans mempunyai keraguan dalam memperkenalkan dasar yang meliputi kesihatan mental. Tanpa data yang disokong dengan bukti-bukti yang kukuh tentang kesihatan mental di negara kita, ini memang sukar untuk menjalankan tersebut. Oleh itu, saya berharap data-data yang berkaitan dapat di kumpul secara lebih telus, *consolidated* dalam suatu pangkalan data dan jika boleh peruntukan yang telah diberikan tersebut digunakan untuk membuat lebih penyelidikan saintifik berkaitan kesihatan mental di negara ini.

Malah, saya juga menggesa agar kerajaan untuk memperuntukkan untuk program-program *support system* untuk *health gives* kita. Doktor pakar, MOH, jururawat, *clinical psychologist*, *counsellors* dan mana-mana agar mereka juga mendapat sokongan fizikal dan mental terutamanya dalam persekitaran yang semakin mencabar ini. Jika kita menjaga kepentingan pekerja dan *health gives* kita, mereka akan menjaga pesakit dan juga rakyat Malaysia dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik usaha kerajaan untuk memperuntukkan RM30 juta untuk menangani masalah *transboundary haze* yang kronik dan mempunyai kesan kesihatan dan juga kesejahteraan kepada rakyat kita. Saya juga menyambut baik hasrat kementerian untuk menggubal satu Akta *Transboundary* untuk menguatkuasakan dan mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat tempatan yang terlibat dalam pembakaran terbuka atau pencemaran yang ada.

Namun begitu, akta seperti Akta *Transboundary* yang ada di *Singapore* mempunyai banyak batasan. Mengikut data yang diberikan melalui pantauan satelit 73,508 *hotspot* kebakaran terbuka dikesan di Indonesia dan Malaysia tetapi hanya 0.38 peratus adalah daripada syarikat yang telah RSPO *certified*. Jadi, *big guys* yang kita cakap tadi yang mereka semuanya RSPO *certified*. Hanya mengakibatkan 0.38 peratus daripada jumlah *hotspot* yang dikenal pasti. Jadi, dengan adanya akta memang bagus tetapi tidak cukup untuk menyelesaikan akar atau *the root of the problem*. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini secara lebih komprehensif dan efektif? Bagi saya peruntukan tersebut haruslah diperuntukkan untuk menjalankan R&D untuk

cara-cara memadamkan api secara lebih efektif ataupun langkah-langkah jangka panjang yang lagi baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik keputusan kerajaan untuk menyalurkan RM60 juta untuk menyediakan vaksinasi *pneumococcal* untuk semua kanak-kanak. Bagi saya ini satu *game changer* kerana kerajaan telah memperkenalkan satu *life saving* dan *life changing policy* dengan izin untuk anak-anak kita. Namun begitu, saya juga ingin mendapatkan lebih penjelasan mengenai *target* yang ingin dicapai jumlah kanak-kanak yang akan diberikan vaksinasi ini untuk tahun hadapan.

Kita tahu kos vaksinasi ini adalah RM300 satu *jab, full course* perlukan empat *jab*. Pada dua, empat, enam dan 14 bulan selepas lahir. Kos sepenuhnya hampir RM1,200 seorang. Ini belum lagi mengambil kira kos vaksinasi yang lain. Jadi, bajet 2020 ini telah dikatakan, bukan oleh saya tetapi banyak doktor-doktor dengan izin, *it's the end of struggle for many years by pediatricians, victims, parents and activist to have this vaccine made universal to children regardless of their financial backgrounds*. Jadi, tahniah Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa setahun, dua ini Kerajaan Pakatan Harapan telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengiktiraf kedudukan istimewa Sabah dan Sarawak dan Badan Persekutuan Malaysia. Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan telah meningkatkan peruntukan kepada Sabah dan Sarawak sama ada dalam bentuk belanja pembangunan mahupun *financial grant*. Mengikut belanjawan yang ada, Sarawak telah menerima peruntukan belanja pembangunan sebanyak RM4.4 bilion, kedua terbesar selepas Sabah dan *financial grant* RM1.3 bilion. Dalam Kerajaan Pakatan Harapan, kita telah mengambil langkah pertama untuk menyemak semula dan menggandakan geran khas dalam Artikel 112 kepada RM32 *million* pada tahun 2020 dan digandakan lagi kepada RM64 juta dalam masa lima tahun.

Saya memang mengalu-alukan semakan Artikel 11D ini kerana inilah satu *safeguards* yang telah dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan untuk menjaga hak kami untuk mendapatkan peruntukan istimewa ke Sarawak. Saya difahamkan sebenarnya formula belum lagi dipersetujui dan ditentukan tetapi Kerajaan Persekutuan telah menunjukkan keikhlasan walaupun belum disetujui tetapi mereka mengambil langkah pertama untuk menggandakan peruntukan khas tersebut.

Namun begitu, walaupun dengan peningkatan potongan khas tersebut peruntukan terbesar terutamanya kepada Sabah dan Sarawak, saya berpendapat memang ada jurang untuk penambahbaikan. *There still room for improvement* dengan izin terutamanya jika kita hendak betul-betul merapatkan jurang pendapatan dan

pembangunan antara wilayah terutamanya di Sabah dan Sarawak. Oleh itu saya memohon agar peningkatan juga dapat dipertimbangkan lagi.

Kita tahu sejak dahulu, pembangunan Sabah dan Sarawak memang jauh ketinggalan. Dalam masa 50 lebih tahun, tujuh daripada 10 pekan termiskin di seluruh Malaysia adalah di Sarawak. Oleh itu, saya faham yang masalah kronik ini tidak dapat diselesaikan dalam setahun, dua. Oleh itu, saya menyambut baik niat Kerajaan Pakatan Harapan sekarang untuk mengambil langkah positif untuk menaikkan peruntukan ke Sabah dan Sarawak. Namun banyak lagi masih diperlukan.

Salah satu antaranya, saya ingin cadangkan apabila formula telah dipersetujui antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan agar formula perkiraan untuk peruntukan khas Artikel 11D dapat didedahkan secara telus terutamanya untuk mengambil kira keperluan dan juga luas demografi di Sabah dan Sarawak. Sebenarnya mengikut klausa 7, Artikel 11D ia juga memberikan kebenaran kepada seorang *independent assessor* untuk membuat rekomendasi jumlah peruntukan khas yang munasabah jika tiada sebarang persetujuan antara kerajaan negeri dan persekutuan.

Selain itu, saya juga menyeru agar rundingan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri berkenaan hak-hak lain seperti hak sumber asli kita dan juga laporan *MA63 Special Cabinet Committee* dapat dipercepatkan dan jika boleh *make public*. Saya berharap *Parliamentary Select Committee* untuk memantau...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Bandar Kuching boleh tambah sedikit?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tidak ada masa. *I got a lot.*

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tentang 5 percent. Adakah Yang Berhormat Bandar Kuching setuju untuk Sarawak mendapatkan 5 percent halnya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ini adalah rundingan antara Perdana Menteri dengan...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Bandar Kuching sokong tak untuk kita Sarawak dapat peruntukan tersebut?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Apa yang baik untuk Sarawak memang saya akan sokong.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Bandar Kuching sokong lah.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih. Saya akan sambung ini *floor* saya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Okey. Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya berharap *Parliamentary Select Committee* akan untuk memantau implementasi laporan MA63 tersebut dapat ditubuhkan secepat mungkin agar apa yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan dengan efektif dan telus supaya ianya tidak hanya cantik sebagai cadangan di atas kertas sahaja.

Saya juga ingin menyeru Kerajaan Persekutuan agar lebih memberikan keutamaan kepada rakyat Sarawak untuk dipertimbangkan untuk jawatan tinggi dalam jabatan-jabatan persekutuan di Sarawak. Kalau boleh *promote from within* dan ini selari dengan Perkara 18 dan Perjanjian MA63 yang dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan ini RM50 juta telah disediakan untuk memupuk dan membina satu ekosistem 5G di seluruh negara. Memang ini langkah yang baik dan kita haruslah mengambil langkah ini kerana kita menuju ke Industri 4.0 dan *digitalization* dan kita tidak haruslah ketinggalan dalam era pembaharuan ini. Oleh itu dalam belanjawan ini RM250 juta telah diperuntukkan untuk menyediakan perkhidmatan Internet melalui satelit di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Akan tetapi saya ingin menyeru agar satu kajian yang terperinci dilakukan untuk memahami berapakah sebenarnya yang diperlukan terutamanya untuk membina infrastruktur yang diperlukan untuk menyediakan *connectivity*, talian dan semua yang diperlukan dan jika lebih diperlukan saya menyeru agar lebih diperuntukkan.

■1610

Saya difahamkan ada satu *National 5G Task Force*, ada *National Fiberisation and Connectivity Plan* (NFCP). Semua itu baik tetapi jika kita tidak menangani masalah infrastruktur di luar bandar dengan era *digitalization*, mereka yang mendapat manfaat kebanyakannya adalah di kawasan bandar. Ini akan *will increase* jurang pendapatan antara mereka yang tinggal di bandar dan juga luar bandar.

Wawasan dan Misi Kemakmuran Bersama 2030 memang secara prinsipnya bagus, harus disokong tetapi banyak lagi perlu kita lakukan untuk benar-benar mencapai *target* tersebut. Saya gembira Kerajaan Pakatan Harapan telah menunjukkan keikhlasan dan mengambil banyak langkah-langkah yang positif. Akan tetapi ini sangat penting kerana ini bukan sahaja soal pembangunan atau isu sosioekonomi antara wilayah tetapi ini soal integrasi nasional. Ini kerana semakin hari semakin banyak rakyat Malaysia di Sabah Sarawak, semakin tidak berpuas hati dengan layanan yang diterima sehingga ada yang menyoal kesetiaan mereka terhadap negara kita.

Memang secara peribadi saya tidak menyokong, banyak yang mereka lakukan tetapi ketidakpuasan hati itu tidak harus *sweep under the carpet* tetapi kita haruslah menanganinya dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berakhir, izinkan saya membawa beberapa kehendak untuk kawasan saya. Saya berharap peruntukan yang dapat dipertingkatkan untuk Kementerian Kerja Raya dapat disalurkan untuk mengatasi kesesakan jalan raya Persekutuan di kawasan saya seperti di Jalan Tun Razak.

Mengikut data yang diperoleh oleh *Highway Planning Unit (HPU)*, *Road Traffic Volume 2018*, purata trafik harian atau ADT adalah sebanyak 78,506 dan hampir lima peratus terdiri daripada kenderaan berat di atas jalan tersebut. Jadi saya ingin mencadangkan agar kerajaan dapat mempertimbangkan untuk membina sebuah *flyover* dua lorong, dua hala dan piawai JKR U5 termasuk pelebaran jalan sepanjang dua kilometer dan projek tersebut dimasukkan dalam Pelan RMKe-12.

Anggaran kos mengikut *engagement* yang kami telah lakukan adalah sebanyak RM90 juta sehingga RM120 juta. Saya faham ini adalah kos yang tinggi. Namun begitu, impak dan *outcome* projek tersebut memang adalah tinggi. Pengurangan tahap kesesakan dijangka hampir tujuh peratus, peningkatan keselamatan hampir lima peratus, penjimatan masa 15 peratus, peningkatan keselesaan tujuh peratus dan juga peningkatan ekonomi adalah 50 peratus.

Kedua, saya juga berharap kerajaan akan mempertimbangkan meneruskan pelaksanaan *Stage Bus Services Transformation (SBST)* di Kuching untuk meningkatkan *connectivity* dan kualiti pengangkutan awam di Kuching untuk menangani masalah kesesakan. Saya berharap satu persetujuan atau kerjasama dapat dilakukan oleh pelbagai pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan inisiatif ini untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam di Sarawak.

Nombor tiga, saya juga ingin mendapatkan penjelasan dengan ini terakhir. Keputusan pihak kementerian untuk memberikan pertimbangan rebat kepada pembeli-pembeli awal PR1MA di seluruh negara. Bukan sahaja kawasan Bandar Kuching. Pada awal tahun ini Perbadanan PR1MA Malaysia dan HOC telah memberikan rebat sehingga 30 peratus yang ditawarkan pada unit PR1MA yang belum dijual.

Dalam diskaun 30 peratus tersebut boleh mencecah RM90 ribu atau RM100 ribu. Saya memang menyambut baik inisiatif yang untuk memberikan peluang rakyat mendapatkan rumah tetapi saya juga menyeru agar insentif diberikan kepada pembeli-pembeli awal PR1MA di seluruh negara, bukan sahaja di Sarawak.

Walaupun saya memahami batasan dan kekangan yang ada dan masalah ini satu *inherited issue*, namun saya menyeru dan berharap kementerian dapat mempertimbangkan dan memberikan insentif rebat ataupun diskaun yang sewajarnya untuk mereka yang telah melakukan *booking* atau bayaran awal untuk berlaku lebih adil kepada mereka.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk berbahas dan membawa suara Bandar Kuching ke Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Santubong. Silakan, 20 minit.

4.14 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang awal khususnya kepada rakan-rakan JPS yang memberi peluang awal untuk saya berucap. Sepatutnya saya jauh lewat petang ini dan Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan cadangan yang kedua itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua tiga perkara. Pertama ingin saya sentuh ialah berhubung dengan *Pan Borneo Highway* yang sepanjang 786 kilometer daripada Telok Melano hingga ke Miri. Jadi, projek ini bernilai RM16 bilion dan pada orang negeri Sarawak Tuan Yang di-Pertua, inilah satu-satunya semenjak Sarawak menjadi sebahagian daripada negara Malaysia, mendapat projek mega yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Kita tidak pernah melihat projek sebesar ini dibuat di Sarawak.

Semua orang Sarawak menyokong projek ini. Ini kerana pada dahulukala apabila kita berbincang soal projek, semenjak tahun 1963 lagi kita bincang. Bincang, bincang pada orang Sarawak sudah lama 50 tahun. Kita memohon bermacam-macam untuk pembangunan luar bandar, untuk macam-macam tetapi inilah kali pertama kita dapat yang besar. Itu zaman semasa Yang Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri. Dahulu tidak pernah.

Perdana Menteri daripada 1981 hingga 2003, menangis Ahli-ahli Parlimen daripada Sarawak meminta projek yang besar-besar untuk luar bandar, tidak pernah diluluskan. Jadi, kita berterima kasih dengan kerajaan pada masa itu kerana meluluskan projek sebenarnya pada tahun 2014 diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2015.

Projek ini juga *going to be a game changer*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada seluruh negeri Sarawak untuk membangunkan prasarana negeri dan

membangkitkan kemudahan-kemudahan asas kepada orang di luar bandar, untuk menggerakkan ekonomi di luar bandar dan memberi peluang kepada orang-orang luar bandar terlibat dengan ekonomi selain daripada pengangkutan, sosial dan sebagainya.

Jadi itulah kenapa projek ini menjadi satu projek yang amat ditunggu-tunggukan oleh orang negeri Sarawak untuk penyiapannya yang dijangka pada tahun 2021, bulan Jun. Projek ini dilaksanakan menggunakan satu sistem, di panggil projek *delivery partner* dengan kerajaan. Projek ini apabila telah dibuat satu *estimate* yang tertentu, RM16 bilion untuk dilaksanakan dan projek *delivery partner* ini tidak mendapat keuntungan. Sebenarnya dia dapat pembayaran sahaja, macam *fees* dan ia dikehendaki untuk *engage*, membawa banyak kontraktor, konsultan di seluruh negeri Sarawak dan kebanyakannya hampir 100 peratus kontraktor, konsultan, sub kontraktor daripada orang-orang di negeri Sarawak.

Ini termasuk semu, Bumiputera dan Bumiputera itu diberi dua tiga kelompok lagi. Ada yang Iban, ada yang Orang Ulu, orang Bidayah, ada kawasan Cina, berbagai-bagai. Semua mendapat peluang dan ruang untuk terlibat sama untuk membina ini. Jadi pada orang negeri Sarawak, projek ini adalah projek Sarawak walaupun sumber kewangannya daripada Semenanjung, daripada *Federal*, sebagai projek peribadi mereka. Maka setiap yang terlibat memikirkan bahawa sebagai tugas dan tanggungjawab untuk melaksanakan projek ini sebaik mungkin dengan kos yang berpatutan.

Dalam masa yang boleh diterima daripada sekarang hingga tahun 2021, hanya dua tahun lebih sahaja lagi untuk dilaksanakan. Akan tetapi malang apabila Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih, notis telah diberi kepada mereka ini untuk menamatkan PDP ini ataupun *Project Management Committee* untuk diserahkan balik dengan kerajaan dan sistem pelaksanaan itu belum jelas.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua ialah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam ucapannya, mengikut laporan dalam akhbar mengatakan kenapa *termination* ini berlaku? Padahal kementerian, kerajaan, *overseeing authority* macam JKR, tidak pernah pun memberi notis ataupun apa-apa kesalahan yang telah dilaksanakan ataupun dilakukan oleh syarikat ini semasa melaksanakan projek ini.

■1620

Apabila mendengar bahawa projek ini akan ditamatkan, maka pihak syarikat ini membuat *proposal* macam mana hendak *saving*, mengurangkan kos dan sebagainya. Dalam masa yang sama, masa yang masih tetap ditetapkan. Jadi di dalam keadaan sedemikian, kerajaan nampaknya tidak pernah melihat pun *proposal* ini. Tidak sebagai

mana apabila MRT, LRT punya kontrak, *negotiation* berlaku di antara kerajaan dengan syarikat-syarikat yang terlibat. Jadi, ada nampak berlainan *treatment* di antara syarikat. Kalau syarikat ini negeri Sarawak, ini-lah *treatment* yang diberi kepada syarikat-syarikat tersebut tetapi kalau syarikat itu dari Semenanjung macam LRT dan MRT, *negotiation is caring on*. Macamnya orang Sarawak itu tidak tahu hendak berbincang dengan kerajaan. Jadi, *proposal* itu terbiar macam situ saja. Apa yang diterima ialah penamatan kontrak pada hal projek ini berjalan dengan lancar dan tiada *complication*.

Kita tahu bahawa syarikat PDP ini boleh *save* satu *plus million* dan *forecast* pula boleh apabila sudah siap nanti pada tahun 2021, akan *another saving more than half a billion* walaupun belum dilaporkan kepada kerajaan. Ini *forecast saving* bakal berlaku pada ketika itu. Akan tetapi apabila kontrak ini ditamatkan, syarikat ini pun tidak tahu apa akan bakal berlaku. Pembayaran kepada sub kontraktor yang sejumlah hampir – Berapa banyak sub kontraktor untuk bermacam-macam *drainage* yang sepanjang unit 3,000 *drainages*, *bridges* 115, *lay-by and shelters* 600 lebih, *minor junction* 3,700 lebih dan *pedestrian bridge*, *rest area*, *lay-by*, *P-turns*, bermacam-macam lagi, semua mempunyai kontraktor Bumiputera dan *non-Bumiputera* terlibat dengan kontrak.

Akan tetapi dengan tidak disangka, kontrak PDP ini hendak ditamatkan dan penamatannya akan *take effect*...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching minta laluan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Pada bulan Februari tahun akan datang. Kalau ini berlaku...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh minta pencelahan?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kita hendak bertanya, saya hendak bertanya dengan Menteri, apakah sistem pelaksanaan bakal dilaksanakan oleh kerajaan? Apakah jaminan bahawa projek ini boleh dilaksanakan dan ditamatkan atau disiapkan pada tarikh-tarikh yang disebut di dalam kontrak yang asal?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya, Bandar Kuching.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching minta laluan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sebenarnya Menteri telah memberi penjelasan bahawa sub kontraktor- sub kontraktor itu tidak akan terjejas. Apa yang telah dilakukan akan diteruskan, malah dengan program rasionalisasi tersebut, kita dapat menjimatkan banyak lagi duit dan duit itu dapat dipam masuk balik untuk membina jalan-jalan yang di Sarawak. Bukankah ini satu pelan yang bagus? Saya hendak tanya, siapa pemilik syarikat PDP tersebut yang ditamatkan?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat ini macam saya Menteri pula tanya saya. *[Ketawa]* Kalau tidak tahu macam mana syarat dalam Parlimen, tidak payah cakap-lah. Itu saja. Kalau hendak bertanya maklumat syarikat itu, bukan saya punya, tanya-lah dengan Menteri. Itu-lah saya berdiri dekat sini, tanya dengan Menteri. Fasal *saving*, saya hendak tanya *saving* Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat, minta maaf-lah. *I* tahu *you* punya fasal Yang Berhormat. Kita hendak beli kapal terbang, *you* lapor dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). SPRM selidik, terbengkalai dua tahun tidak dapat beli kapal terbang. Kementerian saya hendak beli. Orang Sarawak kata *study based on the study*, kita *can save RM180 million* dengan *deployment of this particular plane*. Oleh kerana laporan dibuat oleh Yang Berhormat dari Sarawak, Ahli Pakatan Harapan, *delay happened*, kita rugi *RM180 million*.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Akan tetapi...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya bercakap Yang Berhormat, bukan Yang Berhormat bercakap ini.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Data ini datang dari mana?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Tunggu bercakap...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *The plane only cost USD600,000, you bought at RM35 million, crazy.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan dengan bajet balik.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Masalah Yang Berhormat, kapal terbang itu memang harga ia tidak-lah sampai RM35 juta, tetapi *equipment* itu *highly sophisticated equipment* yang *can detect*. Kalau umpamanya kayu gaharu, boleh mengenal pasti sama ada kayu itu *content* gaharu ataupun tidak. *That's how sophisticated the instruments inside the plane is*. Jadi, Yang Berhormat tidak tahu. Kita bukan *negotiator*, yang *negotiator* pegawai dari *Forest Department Sarawak*. Jadi Yang Berhormat, sudah-lah cerita Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat Santubong teruskan dengan perbahasan bajet.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *You* sudah buat kesalahan dan kesilapan. Lain kali sebelum buat laporan, fikir dulu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jadi, *you say we don't know?* Kalau kita tidak tahu, kita buat laporan untuk siasatan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua: Helikopter dan sebagainya di luar bajet.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya balik kepada jalan ini. Dengan penamatan PDP punya kontrak ini, dengan sendirinya 500 pegawai dan pekerja dalam syarikat PDP ini akan kehilangan kerja. Bayangkan apabila syarikat ini diberi kontrak oleh pihak kerajaan dahulu, banyak pegawai, jurutera, *experts* dalam pelbagai bidang, *valuers*, *accountant* dan sebagainya masuk ke syarikat ini, mereka ada kerja-kerja yang tetap. Oleh kerana ingin berkhidmat di Sarawak, orang Sarawak membawa teknologi baharu daripada Semenanjung ataupun negeri-negeri lain, berhenti kerja masuk dalam syarikat ini. Sekarang dengan tidak ada sebab-sebab yang tertentu, hendak ditamatkan. Notis diberi dan penamatannya *will take effect* pada bulan Februari 2020. Jadi, syarikat ini *instead of celebrating 2020 advance nation*, dia *celebrate* hilang kerja. Bukan mereka saja, banyak pegawai lain lagi. Jaminan Menteri, *all the contractors, all the sub-contractors will be maintain*, itu pada keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan dibuat baru tiga hari lepas. Saya berdiri dua kali tidak dapat soal, tetapi tidak apa-lah bukan salah Tuan Yang di-Pertua ataupun mana-mana *preside* atas sana. Oleh kerana ramai yang hendak bertanya, jadi saya tidak dapat-lah. Cukup tidak pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR) yang *become the owner of the project* apabila ditamatkan PDP ini pada bulan Februari nanti, untuk melaksanakan *to oversee* pelaksanaan projek yang mega ini di sepanjang jalan itu? Kita lihat-lah di Sabah, syarikat ditamat, suruh JKR mengambil alih, hingga sekarang masih tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kementerian belajar daripada apa yang kita buat di tempat lain, yang di sini lebih kompleks lagi di Sarawak ini, lebih panjang lagi jalan dia. Jadi kenapa buat penamatan ini dengan tidak ada sebab yang *reasonable basis* ditamatkan perkhidmatan. Adakah ini persoalannya? Adakah ini oleh kerana seorang itu politik? Adakah penamatan *professional job* ini berlandaskan politik Tuan Yang di-Pertua? Adakah kerana oleh dia dalam pembangkang, oleh kerana dia mungkin

penyokong GPS, kita tamatkan kontrak dia? Inikah *ground* dia? Inikah negara yang *based on what...*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Santubong, Tumpat minta laluan sikit.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kata *meritocracy*. Jadi, mana yang tanya?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat minta laluan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Santubong, daripada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi bahawa tindakan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bandar Kuching itu merugikan kerajaan - Bila rugi kerajaan ini, maknanya rugi duit rakyat-lah dengan jumlah yang cukup besar, ratusan juta. Apakah tidak mungkin tindakan surcaj dan sebagainya diambil terhadap Yang Berhormat Bandar Kuching demi untuk memberi - tetapi ini duit rakyat yang cukup besar. Makna rakyat Sarawak patut kena tahulah ini, maknanya apakah tidak boleh tindakan surcaj dan sebagainya supaya pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan lebih berhati-hati pada masa akan datang sebelum mengambil sebarang tindakan yang sangat-sangat merugikan rakyat dengan jumlah yang cukup besar.

■1630

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya tidak akan sebut Pakatan Harapan ataupun sesiapa tetapi sepatutnya dikenakan kepada sesiapa sahaja. Contohnya, apabila perundangan *Anti-Corruption* dibawa ke Parlimen dahulu, yang barang siapa membuat laporan yang tidak betul ataupun salah, maka dia juga akan boleh diselidiki dan dihakimi dan dibawa ke mahkamah. Sepatutnya perkara macam itu kita buat juga.

Apabila seseorang melakukan, melaksanakan satu ataupun kerajaan melaksanakan sesuatu dan seseorang itu buat laporan kepada polis dan kalau ada *delay* oleh kerana laporan ini, selidikan polis kah, selidikan SPRM kah, sepatutnya ada undang-undang yang tertentu, untuk menyelidik orang itu yang buat laporan supaya dikenakan apa kerugian yang kerajaan telah hadapi, negeri telah hadapi, negara telah hadapi.

Saya bersetuju, tetapi bukan parti, sama ada dia daripada GPS kah, daripada PAS kah, UMNO kah, MCA, MIC kah siapa sahaja yang melakukan kesalahan, termasuk komponen Pakatan Harapan. Kalau buat laporan semberono sahaja, berlakunya

kerugian kepada kerajaan, sepatutnya tindakan boleh diambil tetapi sekarang kita tidak ada undang-undang itu Yang Berhormat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bayangkan syarikat-syarikat yang terlibat dengan ini. Dalam lebuhraya *Bumiputera Participation Programme* ini, ada 253 syarikat bumiputera dan di bawah itu lagi, bermacam-macam syarikat bumiputera, *non-bumiputera*, bermacam-macam *specialist*, bermacam-macam lagi. Kalau berlaku tergendala pada bulan Februari nanti, daripada JKR *take over*, oleh kerana *complexity* jalan ini dan tertunggak hingga ke akhir tahun, bukan sahaja jalan ini akan menjadi kelambatan *deliverynya*, *completion* tetapi juga syarikat ini siapa hendak tanggung.

Kalau syarikat yang banyak sumber kewangan boleh dia bertahan, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kalau syarikat-syarikat kecil, kelas 'F', kelas 'B', kelas 'C', saya bimbang banyak syarikat ini akan menghadapi tidak ada pembayaran, *delay* dalam pembayaran dan sebagainya, akan terkena hutang daripada bank dan bank akan menuntut daripada mereka semua ini, *the chain of action* daripada tindakan yang kita tidak fikir dengan sepanjangnya, sebelum kita mengambil tindakan.

Jadi saya ingin bertanya, apakah jaminan supaya syarikat JKR Sarawak dan JKR Semenanjung yang menjadi tuan punya kontrak ini nanti, memberi jaminan pengambilalihan itu pada ketika itu juga dan syarikat-syarikat ini tidak akan menghadapi masalah? Beribu kerja Tuan Yang di-Pertua, kita terperanjat mendengar 400,000 *direct or indirect employment* berlaku dalam pelaksanaan projek ini. Bayangkan orang yang akan terjejas? Masyarakat Sarawak hanya ada 3 juta. Hampir berapa peratus terlibat dengan projek kita panggil projek mega ini.

Jadi saya berharap persoalan *delivery time*, persoalan kos, selepas itu saya dimaklumkan juga bahawa kontrak bakal diberi tadi tidak lagi mengguna sistem yang dibuat oleh syarikat sekarang iaitu *project delivery partner* ini. Dia akan gunakan *lump sum contract*. *Lump sum contract* ini Tuan Yang di-Pertua, saya pernah kerja JKR, saya menjaga NRE, tengok banyak projek dibuat. Saya mengetahui *lump sum contract subject to variation* dan berapa *variation* dia. Jadi kalau kita tidak boleh, tidak mampu melaksanakan dalam masa yang tertentu, saya cukup yakin, *the project will be exploding* dengan kos. Saya sudah lihat, saya sudah buat kajian banyak dalam NRE dahulu. Saya tengok, kalau ada terlambat *project delivery*, mesti ada kos berlaku. Penamatan mana-mana kontrak, *will involve time, development delay* dan kos. Tidak pernah pun mengurangkan kos.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Menteri boleh jawab persoalan itu. *What is the meaning of* apa dikatakan *national interest*, kata dia penamatan kontrak ini?

Adakah politik itu *national interest*? Adakah *associate and friendship*, kronisme itu *national interest*? Saya tak nak tanya. Minta dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah tamat pun.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Tinggal 2 minit.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya hendak pendidikan Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kita sepatutnya cerita hal pendidikan ini ialah bercerita berhubung dengan perkara umpamanya *artificial intelligence, mixed reality, robotic technology, big data, cloud technology, cloud computing, machine learning, censor and healthy democratized, the new thing in our school, university and* masyarakat umum dan macam mana kita membawa perkara ini bukan sahaja di universiti tetapi di sekolah-sekolah.

Saya masih ada masa kah, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sudah habis sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila menggulung, Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi minta maaf. Minta maaf hal *education* ini, Menteri tidak payah sentuhlah soal kasut kah atau seluar dan sebagainya itu. Sentuhlah benda-benda yang *advance* ini. *Our people, the future. What is the job of the future? Job the future must be taught now in the school and the university.* Baru kita *prepare* apa *our new generation* untuk masa hadapan, bukan untuk memikirkan kasut putih, kasut hitam, *looking grey* ataupun *black*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi mesti *forward thinking, must be smart, must be clever, must be wise.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Santubong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Langat. Silakan.

4.37 ptg.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan firman Allah SWT daripada Surah al-Mumtahanah, ayat 8 [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama kamu dan tidak mengeluarkan kamu daripada kampung halaman kamu,*

sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil iaitu berbuat baik dan berlaku adil".

Kalau mengikut Imam Ibnu Jarir Ath-Thabari menyebutkan golongan itu, *[Membaca sepotong ayat al-Quran], "Iaitu terdiri daripada pelbagai kepercayaan dan anutan agama. Golongan ini, kamu sepatutnya dan boleh melakukan kebaikan kepada mereka, mengadakan hubungan kepada mereka dan berlaku adil kepada mereka"*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Pakatan Harapan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Menteri Kewangan dan juga seluruh warga kerja Perbendaharaan Malaysia yang telah bersusah-payah menyiapkan Belanjawan 2020 ini. Belanjawan ini benar-benar menggambarkan suatu yang saksama, suatu yang adil, suatu yang menyeluruh dan ia lebih manis lagi apabila kita kaitkan dengan pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama, yang berpaksikan kepada penyusunan semula sebagai keutamaan pembangunan Malaysia.

Kalau kita perhatikan peruntukan-peruntukan kepada pembangunan dan pengurusan Islam di negara ini, satu jumlah yang cukup besar iaitu sebanyak RM1.3 bilion peruntukan untuk itu. Kalau kita lihat lagi, seramai 33,200 guru KAFA diberikan kenaikan elaun RM100 setiap bulan, naik lagi. Sekolah agama diperuntukkan sebanyak RM25 juta, sekolah pondok diperuntukkan sebanyak RM25 juta, maahad tahfiz diperuntukkan sebanyak RM50 juta, RM10 juta untuk program *rahmatan lil alamin*. Guru-guru takmir, bilal, imam, tok siak akan mendapat pemberian khas *one-off* sebanyak RM500 yang ia adalah merupakan suatu yang dinanti-nantikan oleh sahabat-sahabat saya di seluruh masjid di Hulu Langat, di negeri Selangor, malah seluruh negara. Ia menggambarkan bagaimana suara dan rintihan mereka didengari di Putrajaya.

■1640

Saya ingin memulakan perbahasan ini melihat dari sudut perancangan perpaduan negara yang sedang berjalan begitu baik. Bagi menjimatkan masa saya akan terus ke Teras Kedua Strategi 5 Belanjawan 2020 iaitu satu pelaburan yang besar sebanyak RM30 juta untuk taska dan tadika.

Ini menggambarkan bahawa kita akan memastikan generasi anak-anak kita akan dididik dan dibesarkan dalam suasana yang teratur dan terancang. Saya lebih fokuskan kalau menyebut fasal tadika ini kepada tadika di bawah kelolaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional kerana mereka inilah yang berhadapan dengan anak-anak yang berada di luar sana yang barangkali tidak pergi ke tadika swasta yang barangkali mahal yurannya. Melalui tadika-tadika KEMAS dan juga Jabatan Perpaduan

ini, kita dapati mereka ditanamkan satu semangat untuk hidup bersama dengan rakyat Malaysia kerana Jabatan Perpaduan saya percaya mempunyai kemampuan untuk itu.

Saya mengharapkan guru-guru tabika ini yang ramai di kalangan mereka sudah memiliki ijazah dan patut dipertimbangkan dengan gaji gred 41, selain menghantar mereka ke kursus-kursus lanjutan berkaitan Pendidikan Awal Kanak-kanak. Ini kerana kita tidak mahu membiarkan guru-guru tadika tidak diberi latihan, tidak ada pengalaman untuk berinteraksi dengan kanak-kanak. Akhirnya motif dan juga misi besar negara yang ingin kita tanamkan kepada anak-anak kita, tidak akan mampu sampai kepada mereka kerana guru-guru itu tidak diberikan latihan sebagaimana yang sepatutnya.

Saya juga sangat gembira apabila kita perhatikan RELA dan Bomba telah diberikan satu penghormatan untuk dinaikkan elaun mereka yang sebelum ini RM6 telah dinaikkan kepada RM2 iaitu RM8 dan ini akan membantu sukarelawan khususnya RELA yang memang memberikan tenaga mereka yang begitu baik dalam perkhidmatan mereka kepada masyarakat.

Akan tetapi, saya mengingatkan kerajaan bahawa jangan lupa bahawa Angkatan Pertahanan Awam (APM) yang sangat juga memainkan peranan seperti RELA iaitu ketika banjir, ketika pokok tumbang, ketika tanah runtuh dan ambulans mereka sedia berkhidmat 24 jam. Mereka juga wajar dipertingkatkan elaun mereka.

Kalau kita pergi kepada JKM, peruntukan RM80 juta bagi selenggara dan naik taraf institusi itu adalah satu perkara yang cukup baik. Mereka ini mengendalikan teman-teman kita daripada OKU yang sangat memerlukan belaian daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Soalan saya, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang ada di seluruh negara ini adakah akan diperkuatkan, diperkukuhkan lagi dengan peruntukan yang ada ini?

Kalau saya perhatikan penyelia dan petugas PDK masing-masing mendapat elaun antara RM800 sehingga RM1,200 sahaja. Kalau dipotong KWSP, SOCSO, berapakah yang baki kepada mereka? Kita mengharapkan agar bantuan dan peruntukan yang diberikan melalui JKM ini akan sampai kepada golongan-golongan yang tersasar.

Menyebut tentang OKU, saya ingin mengulangi apa yang pernah disebut oleh kerajaan satu ketika dahulu iaitu cadangan untuk menjadikan Jalan Brickfields sebagai bandar orang buta. Saya percaya benda itu pernah disebutkan akan tetapi tidak disusuli dengan tindakan. Saya mengharapkan kerajaan pada hari ini kerana Jalan Brickfields ini ada nostalgia bagi teman-teman OKU penglihatan. Alangkah baiknya sekiranya

bandar itu diisytiharkan, jalan itu dan diisytiharkan sebagai bandar OKU supaya mereka dapat merasakan keselesaan yang terbaik ketika kita melayan mereka.

Saya juga ingin mengambil kesempatan tentang PDRM. Selaras dengan pertanyaan jawab lisan saya pada 3 Julai 2019 lalu di Dewan yang Mulia ini, saya berharap agar skuadron kereta perisai Pasukan Gerakan Am (PGA) akan dapat menggantikan kereta perisai mereka dengan yang baharu bukan sahaja untuk kegunaan di Semenanjung Malaysia akan tetapi khusus untuk di Sabah dan Sarawak yang terdedah kepada ancaman daripada anasir-anasir luar.

Land Rover PDRM di balai-balai kecil yang dekat sana sudah sampai masanya untuk ditukar dan juga kalau kita perhatikan beberapa OC di balai-balai kecil masih menggunakan kereta kancil untuk mengadakan rondaan dan ini adalah merupakan satu perkara yang saya rasakan perlu dipertingkatkan, dibantu dan diangkat.

Saya ingin pergi kepada satu isu yang...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat, ada bercakap tentang bomba Yang Berhormat .

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Beluran. Sila.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Selain daripada balai bomba, ada juga Persatuan Pasukan Bomba Sukarela dan banyak daripada kemudahan asas pam air umpamanya yang sepatutnya ada pada pasukan bomba sukarela ini sekarang ini kebanyakan daripada pasukan ini tidak memiliki kemudahan asas pam air memadam api dan saya rasa ini juga merupakan perkara yang perlu diambil perhatian oleh kementerian untuk membekalkan peralatan asas bagi pasukan bomba selain daripada pasukan bomba sukarela. Selain daripada balai bomba yang sepatutnya mempunyai kelengkapan yang sempurna termasuk yang dikatakan tadi, termasuk kenderaan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat, tambahan sedikit. Ini fasal infra di Balai Bomba Kepong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Surau dia kena dinaiktarafkan. Jadi saya minta—

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih dan saya mohon dimasukkan ke dalam ucapan perbahasan saya supaya sampai kepada Yang Berhormat Menteri.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Hulu Langat, sedikit lagi mengenai bomba.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Last, last* sebab 10 minit.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Langat. Kita tahu bahawa elaun kritikal untuk anggota bomba tidak dibayar daripada *regime* yang lepas ini. Saya berharap Yang Berhormat Hulu Langat sokong permintaan kami semua untuk kementerian mempertimbangkan pembayaran elaun kritikal untuk anggota bomba sebab tak ada kerja yang mereka tidak akan kata tidak.

Semua daripada orang yang lemas, hendak potong kenderaan dalam kemalangan jalan raya dan pelbagai, selain daripada tugas khas mereka, khusus mereka ialah memadam api. Apa pandangan Yang Berhormat Hulu Langat? terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Ya, saya sangat menyokong Yang Berhormat Batu Kawan. Memang elaun kritikal bomba wajar untuk dilangsaikan secepat mungkin.

Baik, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh mengenai peruntukan sebab saya bercakap fasal kita ingin semua pelbagai masyarakat dan bangsa di negara ini dilayan dengan begitu baik.

Izinkan saya untuk menyentuh mengenai peruntukan kepada masyarakat India yang disebut khusus dalam pembentangan Bajet 2020 Jumaat lalu di mana sejumlah RM100 juta diperuntukkan kepada Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA), sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Ketika menghuraikan peruntukan ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan jelas menyatakan bahawa 80 peratus daripada peruntukan itu dikhususkan kepada program yang dilaksanakan dan bukan kepada organisasi atau syarikat-syarikat yang telah memiliki kekayaan. Kita bertujuan untuk mengangkat masyarakat kaum India di sudut sosioekonomi, kesihatan, pendidikan dan pemerksaan wanita serta pembangunan kemahiran masyarakat India itu sendiri.

Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan RM20 juta daripada tabung TEKUN bagi golongan B40 masyarakat India. Semua peruntukan ini membuktikan betapa kerajaan Pakatan Harapan tidak meminggirkan mana-mana kaum.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tapah bangun.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Sila, sila.

Datuk Seri M. Saravanan, [Tapah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Hulu Langat sedar kerajaan sebelum ini memberi peruntukan sebanyak

RM50 juta untuk pembangunan masyarakat India melalui TEKUN dan kini, peruntukan ini sudah dikurangkan, apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya sebenarnya ingin menyambung lagi poin yang di situ. Bagaimanapun kita terus mendengar keluhan-keluh daripada masyarakat India khususnya golongan B40 yang mendakwa masih kurang menerima bantuan atau peruntukan daripada kerajaan.

Saya ingin memetik Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tahun 2018 Siri 1 mengenai pengauditan terhadap unit khas bagi program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) ini yang ditubuhkan 7 Mei 2014 dan kini ditukar nama kepada MITRA ketika itu di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Dalam pengauditan bagi tempoh 2014-2018 sejumlah RM203 juta disalurkan kepada unit ini. Namun yang menyedihkan semua program yang diadakan tidak mencapai matlamatnya. Ini audit yang menyebut.

Jadi, lebih menyedihkan ada dakwaan bahawa peruntukan ini sangat mencurigakan dan saya difahamkan SPRM sedang menyiasat beberapa kes yang dilaporkan dan tidak kira jumlahnya RM25 juta atau RM5 juta, yang penting Audit Negara telah membuktikan bahawa kerajaan yang lepas telah gagal untuk menggunakan peruntukan itu untuk membangunkan masyarakat India yang hari ini kita sama-sama ingin mengagihkan kekayaan itu.

■1650

Kita mahu masyarakat Melayu yang miskin keluar daripada kemiskinan, kita mahu masyarakat Cina yang ada orang miskin, kita juga mahu mereka keluar daripada zon kemiskinan dan saya sedang bercakap daripada tentang masyarakat kaum India yang saya sangat simpati. Walaupun ada peruntukan tetapi gagal untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah dibina. Justeru, saya mahu jaminan daripada Menteri yang bertanggungjawab terhadap MITRA hari ini supaya program yang dilaksanakan benar-benar mencapai matlamat yang ditetapkan untuk masyarakat kaum India.

Saya mengakui bahawa sebelum ini di SEDIC, satu sistem diwujudkan untuk NGO-NGO membuat permohonan secara *online* bagi membolehkan mereka mendapat peruntukan daripada kerajaan duit yang kita luluskan ini. Akan tetapi malangnya apa yang kita dapati, mereka tidak menggunakan sistem itu dan tidak dimanfaatkan. Beberapa kelompok yang tertentu sahaja yang dilayan dan akhirnya, sekali lagi ia tidak capai kepada sasaran yang kita harapkan.

Saya ingin juga mengambil kesempatan kepada apa yang kita katakan bahawa kita berusaha untuk memastikan Wawasan Kemakmuran Bersama yang berpaksikan kepada penyusunan semula sebagai keutamaan pembangunan Malaysia ini benar-

benar dapat kita capai. Oleh sebab itu kita berusaha untuk memastikan apa yang kita lakukan, apa yang kita aturkan, apa yang kita rancang akan dapat dilaksanakan dan dipantau dengan baik supaya apa yang kita janjikan itu tidak akan tersia-sia.

Jadi, saya rasa sekadar itu sahaja dulu yang ingin saya sebutkan. Moga-moga kita dapat menyaksikan sebuah Malaysia yang baharu, sebuah Malaysia yang indah, sebuah Malaysia yang kekal meletakkan Islam sebagai Agama Persekutuan dan pada waktu yang sama semua bangsa dan rakyat Malaysia merasa gembira dan berbangga sebagai rakyat Malaysia. Saya menyokong bajet ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sekarang giliran Yang Berhormat Tapah, silakan. Cuma 20 minit ya.

4.52 ptg.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan bagi tahun 2020 pada petang yang berbahagia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi pembentangan Belanjawan 2020 minggu lepas, kita dapat melihat reaksi dan respons dari pelbagai pihak berkenaan belanjawan ini. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2020 yang di bentang ini memang sedap didengar dengan janji-janji manis Kerajaan Pakatan Harapan walaupun tidak banyak rancangan khas untuk kaum India seperti mana ditawarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini.

Namun, adakah semua ini berjaya dilaksanakan dengan jayanya? Ini kerana seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan Pakatan Harapan ini hanya tinggal dengan harapan sahaja. Walaupun dahulu terdapat 10 janji dalam 100 hari, janji manifesto yang terbengkalai seperti masih belum diselesaikan. Namun, kini kita dihadang dengan Belanjawan 2020 yang dilihat menjadi belanjawan dirangka untuk lima tahun akan datang, bukannya khusus untuk 2020.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan masyarakat India. Belanjawan 2020 telah memperuntukkan sejumlah RM170 juta kepada masyarakat India dengan pembahagiannya iaitu:

- (i) RM20 juta di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) melalui TEKUN Nasional yang hanya memberi manfaat kepada 1,300 usahawan sahaja;
- (ii) RM50 juta untuk pembangunan sekolah Tamil; dan

- (iii) geran RM100 juta kepada Unit Transformasi India Nasional ataupun dikenali sebagai MITRA.

Peruntukan yang diberikan ini semakin berkurang kepada masyarakat India sedangkan Kerajaan Barisan Nasional dalam Belanjawan 2018 dahulu telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta khusus untuk masyarakat India dalam bidang keusahawanan, dengan RM50 juta kepada SPUMI dan RM50 juta untuk Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India, RM1.5 bilion agihan khas unit tambahan Amanah Saham 1Malaysia untuk masyarakat India dan RM50 juta bagi pembangunan sekolah Tamil.

Dalam pada masa yang sama, pengambilan kaum India di IPTA dan penjawat awam baru ditingkatkan kepada tujuh peratus. Walaupun masyarakat India adalah kaum minoriti dengan anggaran 7.4 peratus ataupun kaum ketiga terbesar di negara ini daripada jumlah rakyat Malaysia. Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini tidak pernah menganaktirikan kaum India. Kerajaan BN telah mewujudkan *Malaysian Indian Blueprint* (MIB), fokus kepada hala tuju masyarakat India supaya lebih jelas dan menyumbang kepada peningkatan masyarakat India. Ini jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan terdahulu dalam membantu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat India secara teratur dan boleh diukur. Namun, Kerajaan PH pada hari ini dilihat hanya memberikan peruntukan kepada masyarakat India sekadar untuk "*melepaskan batok di tangga*".

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dibentangkan juga masih kabur dan tidak dilihat sebagai usaha untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India dalam memastikan jurang sosioekonomi antara kaum dikecilkan agar sesuatu kaum itu tidak tercacir dan akhirnya terpinggir.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu-isu yang membabitkan sekolah-sekolah Tamil di negara ini. Bajet kali ini menjanjikan sekolah jenis kebangsaan Tamil akan menerima peruntukan sebanyak RM50 juta untuk digunakan bagi penyelenggaraan dan menaik taraf 525 buah sekolah Tamil di seluruh negara. Kos yang dianggarkan untuk sesebuah SJK(T) adalah sebanyak RM95,000 padahal sekolah menengah persendirian Cina yang menerima peruntukan sebanyak RM15 juta hanya digunakan untuk 60 buah sekolah sahaja. Ini menunjukkan setiap sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) ini menerima peruntukan sebanyak RM250,000. Situasi ini adalah amat tidak adil kerana SJK(T) terutamanya di luar bandar sangat memerlukan peruntukan yang lebih untuk pembangunannya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tapah, Pontian. Adakah Yang Berhormat Tapah bersetuju dengan saya bahawa peruntukan

untuk SJK(T) patut dinaikkan kepada RM250,000 sebuah dan juga peruntukan untuk sekolah menengah dan sekolah rendah di seluruh Malaysia juga dinaikkan RM250,000 sebuah. Barulah adil jika sekolah menengah persendirian Cina dapat RM250,000.

Selain daripada itu, jika sekolah menengah persendirian Cina diberikan peruntukan, saya juga ingin mencadangkan agar sekolah menengah persendirian Melayu, sekolah menengah persendirian India juga diberikan peruntukan. Adakah Yang Berhormat Tapah bersetuju?

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Pontian dan saya minta ucapan beliau dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Kawan minta laluan.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Tapah, sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tapah. Amaun RM50 juta ini yang diperuntukkan daripada kementerian untuk sekolah-sekolah Tamil. Mengikut kiraan Yang Berhormat ini, saya rasa sedikit luar daripada apa yang logik. Kita perlu tahu dan faham sekolah-sekolah Tamil ini ada yang bilangan murid dalam sekolah-sekolah Tamil ini berbeza-beza. Akan tetapi, saya ingin maklumkan di sini bukan seperti pada zaman Barisan Nasional, tetapi sekarang ini peruntukan untuk sekolah-sekolah Tamil tidak melalui orang kedua, orang ketiga dan orang tengah. Mengapa saya katakan begitu?

Peruntukan tahun lepas disalurkan kepada sekolah-sekolah Tamil. Di kawasan saya juga saya boleh sahkan lima buah sekolah Tamil, salah satu sekolah tersebut telah menerima RM250,000. Sekolah kedua RM200,000, RM100,000, RM80,000 dan RM40,000 mengikut keperluan sekolah-sekolah tersebut. Ini di bawah tabung khas penyelenggaraan untuk sekolah Tamil. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga memberi peruntukan untuk sekolah-sekolah Tamil. Dahulu di bawah Barisan Nasional, saya ingin tahu negeri-negeri mana di bawah peruntukan Exco pendidikan memberikan peruntukan sebegitu besar kepada sekolah-sekolah Tamil.

Hari ini Yang Berhormat Tapah bertanya di Dewan ini, kenapa peruntukan untuk sekolah persendirian Cina berbeza dengan SJK(T)? Akan tetapi, mungkin dulu walaupun amaun yang diumumkan Kerajaan Barisan Nasional lebih tinggi RM100 juta, saya percaya beberapa tahun tetapi wang itu tidak disalurkan dengan baik. Wujud 1,001 orang-orang tengah, sampai sekolah-sekolah Tamil terus kekal daif sehinggalah kami menyalurkan peruntukan tersebut *direct* terus kepada LPS ataupun kepada pihak sekolah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Celahan.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Jadi, saya ingin membetulkan kenyataan Yang Berhormat Tapah di sini. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, boleh mencelah?

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Bagi Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beritahu, siapa yang berucap tadi baru ini?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Oh! Yang Berhormat Batu Kawan, ingat batu apa, Yang Berhormat Batu Kawan.

■1700

Dahulu Barisan Nasional, bukan sahaja jabatan atau kementerian beri peruntukan, kita wakil rakyat dia, bagi tahu? Tambah lagi, kerajaan bagi sebanyak RM50,000 atau RM100,000, kita tambah lagi sebanyak RM20,000 atau RM30,000. Bukan macam PH sekarang, mana ada wakil rakyat bagi sendiri, ada?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ada.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana? Tolong beritahu.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ada.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lagi satu.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat, saya bagi, *you* boleh *check*.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Duduklah, duduklah!

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sebanyak sembilan buah sekolah saya punya kawasan termasuk sekolah sebelah, tak apa semua saya bagi.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bezanya kami tidak dapat projeklah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ada.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, lagi satu Yang Berhormat, sedikit sahaja. Ini masalah bagi langsung dan tidak bagi langsung, *direct or indirect* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, yang diberi kepada sekolah Tamil itu sekarang oleh Pakatan Harapan, untuk apa? Tentu untuk buat macam-macam untuk sekolah itu, mereka buat akan lantik kontraktor, mereka akan lantik kontraktor, bukan

mereka sendiri buat. So, apa bezanya kalau Barisan Nasional bagi kepada kontraktor, buat apa yang diperlukan di sekolah tersebut. *It's no different*, dengan izin.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Masalahnya, kerja tidak jalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana tidak jalan. Selama hari ini...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Jikalau ada jalan, tidak perlulah kami mempertikaikan wang tersebut.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak jalan. Kalau tidak jalan, tidak ada sekolahlah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat projek sebanyak 10,000 hanya buat 2,000. Sebanyak 8,000 lagi tidak masuk.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperbetulkan keadaan di bawah Kerajaan Barisan Nasional untuk makluman Yang Berhormat Batu Kawan. Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah bagi peruntukan melalui orang ketiga atau keempat. Segala peruntukan untuk pembangunan sekolah, disalurkan kepada agensi-agensi kerajaan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kerja Raya.

Kedua, peruntukan khas daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk sekolah-sekolah Tamil disalurkan kepada lembaga sekolah, tidak pernah beri kepada orang ketiga Yang Berhormat.

Kedua, semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah, tidak pernah kita bagi peruntukan untuk sekolah-sekolah persendirian. Pada hari ini ada kaedah baru sebab Menteri Kewangan daripada kumpulan tertentu, maka sekolah-sekolah persendirian dapat peruntukan. Kita tidak menghalang bagi peruntukan kepada sekolah persendirian, tetapi peruntukan ini harus secara adil. Kita boleh banding sebanyak 525 buah sekolah Tamil dapat sebanyak RM50 juta hanya berapa sekolah sahaja sekolah persendirian dapat sebanyak RM15 juta. Ini yang tidak adil Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, dana khas bagi Pembangunan Sosial dan Ekonomi Masyarakat India. Pada 20 Ogos 2018, Yang Berhormat Menteri Perpaduan di Jabatan Perdana Menteri menyatakan dana khas bagi pembangunan sosial ekonomi masyarakat India akan diwujudkan dengan peruntukan awal sebanyak RM4 bilion bagi tempoh 10 tahun. Dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Perpaduan tentang butiran penggunaan dana ini yang dikatakan untuk membangunkan kaum India daripada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah

ataupun B40. Adakah benar dana ini wujud atau sekadar untuk memberikan janji kosong kepada masyarakat India serta meraih sokongan politik.

Adakah Yang Berhormat Batu Kawan sedar pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri, menyatakan sebanyak RM4 bilion untuk masyarakat India? Tidak pernah dengar. Gambaran jelas berkenaan dana khas ini perlulah dimaklumkan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Tapah, saya tidak jawab pun. Tidak perlu hendak pusing-pusing dekat sini, bukan kata saya tidak dengar, saya tidak jawab dan saya tidak balas. Lagipun soalan Yang Berhormat kepada kementerian, kami pun boleh dengar, kami pun boleh tengok penyelewengan itu tahap di mana. Dahulu di bawah Kerajaan Barisan Nasional, jangan cepat menuding jari kepada Pakatan Harapan.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tidak mengapa Yang Berhormat. Gambaran jelas berkenaan dana khas ini perlulah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini. Seperti mana makluman kepada umum berhubung tujuan asal diwujudkan dana ini bagi golongan B40. Belanjawan 2020 juga tidak dimaklumkan berkenaan dan khas ini dan dasar kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat India. Yang Berhormat Menteri Perpaduan perlu jujur kepada rakyat dan saya tuntutan penjelasan.

Kerajaan Pakatan Harapan sehingga kini dilihat gagal memperincikan program yang akan dilaksanakan secara spesifik untuk memberikan perhatian khusus kepada masyarakat India yang dalam kategori miskin tegar. Hal ini adalah serius kerana ia bersangkutan paut dengan soal kemiskinan dan ketiadaan peluang pekerjaan yang mampu untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India. Program-program pembangunan sosial ekonomi masyarakat India haruslah diberikan perhatian serius oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya diskaun yang telah diumumkan iaitu diskaun tol dan caj kesesakan yang diumumkan di dalam bajet baru-baru ini. Di dalam *Buku Harapan* semasa PRU14 yang lalu, antara janji retorik Pakatan Harapan adalah untuk menghapuskan kutipan tol. Namun apa yang berlaku adalah tol yang ada dikekalkan malah semakin bertambah tol dibina di lebuhraya baru. Kini dalam Belanjawan 2020, apa yang mampu dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan adalah dengan hanya memberikan diskaun sebanyak 18 peratus secara purata di semua lebuhraya milik PLUS. Namun bagaimanakah kaedah yang diguna pakai dalam menikmati diskaun sebanyak 18 peratus ini dan bilakah ianya akan dilaksanakan masih jadi tanda tanya.

Sebanyak empat buah lebuhraya telah diluluskan untuk diambil alih oleh kerajaan, namun rakyat bakal dikenakan caj kesesakan pada waktu sekitar puncak dan waktu biasa kadar tol diturunkan sehingga 30 peratus serta percuma semasa waktu

bukan puncak. Persoalannya, adakah caj kesesakan ini terguna pakai untuk semua tol di seluruh negara dan bagaimanakah kaedah yang dilakukan bagi mengetahui waktu yang rakyat akan mendapat manfaat. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri, adakah rakyat akan menerima berita gembira dengan penghapusan tol akan diberikan dalam masa terdekat ataupun berita kecewa yang mana perlu terus membayar tol sehingga konsesi tol tamat. Perkara ini tidak dijelaskan dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan penyelenggaraan jalan raya negeri juga haruslah diambil berat oleh kementerian. Berikutan banyak kes-kes kemalangan yang berlaku adalah kerana faktor jalan yang tidak diselenggara dengan baik. Diharapkan peruntukan sebanyak RM4.854 bilion ini mampu menyelesaikan masalah jalan raya negeri yang dilihat amat diperlukan buat pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan saya, ingin saya menyatakan jika dilihat pada keseluruhan Bajet 2020, memang nampak peruntukan yang diberikan adalah saksama buat semua kaum yang ada di dalam Malaysia. Namun adakah ia memberi maksud setiap kaum menerima hak yang sewajarnya demi kemakmuran kehidupan di masa akan datang. Belanjawan 2020 yang bertemakan memacu pertumbuhan dan keberhasilan saksama ke arah kemakmuran bersama jelas tidak menepati kehendak rakyat. Cuma yang jelas belanjawan ini memberi kesaksamaan yang tiada kemakmuran, *equality not prosperity* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tapah, boleh mohon sebelum Yang Berhormat Tapah duduk?

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Masa era BN hari itu ada *blueprint* untuk masyarakat India, apa sudah jadi pada *blueprint* itu? Setakat mana ia dilaksanakan? Adakah *blueprint* itu diteruskan oleh kerajaan sekarang.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kedudukan masyarakat India di negara ini. Jikalau kita lihat dari segi kedudukan, masyarakat India adalah merupakan sebagai tenaga buruh di negara ini hampir selama empat dekad. Setelah ladang-ladang telah dibangunkan dan tenaga buruh ini diganti oleh pekerja asing, maka ramai masyarakat India telah tercicir daripada arus pembangunan. Maka, apabila Yang Berhormat Pekan mengambil alih pucuk pimpinan negara, beliau telah memperkenalkan satu sistem baru ataupun satu rancangan khas dikenali sebagai *Malaysian Indian Blueprint* untuk memastikan masyarakat India tidak tercicir daripada arus pembangunan.

Pada hari ini kita lihat setelah— walaupun itu satu usaha yang penting untuk masyarakat India, tetapi apabila Pakatan Harapan telah mengambil alih kuasa kepimpinan negara, hari ini peluang ini telah dihapuskan. Maka tiada jaminan untuk masyarakat India akan berjaya dalam masa terdekat. Saya harap kerajaan hari ini akan membuat sesuatu yang terbaik untuk memastikan masyarakat India tidak tercicir.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya, walaupun saya tidak begitu yakin dengan bajet ini, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat, tambah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Hendak tanya sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ada masa lagi, ya.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Oleh sebab, saya rasa apa Yang Berhormat terangkan itu memang boleh dengar sahajalah. Akan tetapi, apa yang saya rasa sedih itu, sudah 60 tahun kaum India bersama dengan Barisan Nasional masih lagi sebagai orang miskin lagi. Tidak ada perubahan, tetapi kerajaan hari ini telah mengadakan satu rancangan dan juga ada satu cara untuk naikkan kaum India setaraf dengan semua bangsa dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membetulkan keadaan ini. Ini satu sandiwara politik Pakatan Harapan. Kalau kita lihat, adakah semua masyarakat India miskin di negara ini?

■1710

Hari ini kita lihat profesor dan para profesor daripada masyarakat India? Jangan bagi gambaran masyarakat India miskin di negara ini. Orang India yang terkaya Ananda Krishnan...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Boleh keluar sekarang, boleh pergi tengok dekat luar macam mana. Di kawasan saya masih lagi ramai yang miskin.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Yang Berhormat...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Yang ada satu dua yang menjadi guru...

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: ...Bukan semua India...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Dan ada yang *medical*.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Bukan semua India miskin di negara ini.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Masih lagi...

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: ...Ada yang berjaya.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Boleh dikatakan 80 peratus...

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: ...Beritahu saya macam mana ...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Masih miskin dalam negara ini.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: *You* rasa orang Melayu tidak ada miskin?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita tidak...

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: ...Orang Cina tidak ada yang miskin?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita tidak menafikan orang Melayu...

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: ... Tidak ada miskin...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Orang Melayu pun miskin.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Ini satu...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Akan tetapi sekarang kita hendak betulkan semua sekali.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: ...Tidak mengira apa kaum.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita hendak naikkan semua. Semua bangsa bagi sama. Sama bangsa mesti hidup istimewa...

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Dalam negara ini.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Ini drama politik....

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Adil, adil, adil.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: ...Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Peluang diberikan kepada kedua-dua belah pihak. Sandiwara ataupun tidak. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beluran.

5.11 ptg.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Padang Serai miskin kah?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Arau, duduk Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang giliran Yang Berhormat Beluran. Silakan Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, *point...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau sudah terlambat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *Point* 118 dalam ucapan bajet yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan merupakan sebahagian daripada Geran Persekutuan. Semenjak tahun 1969, kadar pembayaran khas tahunan iaitu sebanyak RM26.7 juta untuk Sabah dan RM16 juta untuk Sarawak belum pernah disemak semula. Oleh itu, buat pertama kalinya bermula tahun 2020, Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk mengandakan kadar kepada RM53.4 juta bagi Sabah dan RM32 juta bagi Sarawak.

Itu merupakan kenyataan dalam bajet dan dikaitkan dengan Perkara 112D dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai wakil rakyat dari Sabah, walaupun berada di sini, walaupun berada di sebelah sana, saya ingin mengatakan bahawa Perkara 112D tidak berhenti sekadar mengandakan peruntukan daripada RM26.7 juta kepada RM53.4 juta bagi Sabah sebagai satu pemberian khas di bawah peruntukan Perkara 112D dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana kalau kita lihat lanjutan daripada Perkara 112D di bawah *Schedule 10*, Perkara 2(1). Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*In the case of Sabah, a grant of an amount equal in each year to two-fifths of the amount by which the net revenue derived by the Federation of Malaysia*".

Maknanya ada satu kuantum yang membawa kepada 40 peratus *of the revenue collected from Sabah to be returned to Sabah*. Maknanya apabila kita bercakap tentang *I have double the allocation a special allocation for Sabah*, di bawah Perkara 112D, *by giving you RM53.4 million, as a Sabahan, I myself that is not the words, not the end of* Perkara 112D tetapi harus melihat kepada Perkara 112D di bawah *Schedule 10*, Perkara 2(1) yang meletakkan satu kuantum 40 peratus yang harus Kerajaan Persekutuan bagi, *return*, kembalikan kepada Sabah *of whatever revenue collected from the state*.

Ini merupakan asas kepada penyertaan Sabah di bawah Perjanjian 1963 yang dirunding melalui ICJ dan sebagainya yang meletakkan kedudukan Sabah itu sebagai sesuatu yang spesial, yang ada kuantum yang harus dikembalikan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya ingin tahu sejauh mana perkara ini akan dilihat oleh Berhormat Menteri Kewangan dalam belanjawan, bajet-bajet yang akan datang.

Jadi itu merupakan perkara asas. Walau bagaimanapun, sebagai Wakil Rakyat daripada Sabah, apatah lagi berada dalam Kerusi di sebelah sini, saya ingin mengatakan bahawa kita menghargai, *concern* dan juga perhatian yang telah diberikan oleh Menteri Kewangan yang pertama kalinya mengkaji kuantum yang diberikan ini dan

menggandakan kuantum yang sekian lama, RM26.7 *million* dan digandakan kepada RM53.4 *million* bagi negeri Sabah. Itu merupakan satu penghargaan bagi kita walaupun tidak memadai dan tidak mencerminkan kehendak perkara *Schedule 10*, Perkara 2(1) Perlembagaan Persekutuan. Jadi... ya sahabat saya.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Mungkin Yang Berhormat Beluran agak ghairah, mungkin ghairah itu terlalu sangat apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun membentangkan perkara berkaitan iaitu 112D. Saya cuma satu kekhuatiran Yang Berhormat, bahawa apa yang tersenarai dalam kertas, apa yang diucapkan dalam Dewan yang mulia ini sama ada Menteri Kewangan itu akan melaksanakannya.

Oleh sebab kita Tuan Yang di-Pertua, sudah 56 tahun dijanjikan tetapi janji tinggal janji. Kalau kita tengok sebelum pilihan raya yang lalu itu, Menteri Kewangan berucap dia kata, dia akan melaksanakan dan sekarang cuma RM53 juta. Jadi persoalan saya, adakah Yang Berhormat menaruh keyakinan bahawa apa yang tertera dalam kertas yang dibentangkan dalam Parlimen itu, janji itu akan dikotakan? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih. Oleh sebab itu saya katakan isu Perkara 112, *Schedule 10*, Perkara 2(1). Dalam *Schedule 10* merupakan isu bersama bagi semua Ahli Parlimen sama ada di sebelah sana, sama ada yang tiada parti yang duduk Bebas dan apatah lagi yang di sini, *it is a common issue* yang sama-sama difikirkan kepentingannya oleh rakyat Sabah.

Saya sebagai Wakil Rakyat kerajaan, saya menghargai bahawa adanya komitmen kerajaan untuk menggandakan lebih daripada puluhan tahun yang tidak pernah dikaji sejak tahun 1963 dan sekarang ini kita mendapat satu gandaan kuantum tetapi seperti yang saya katakan *is not the end of it* bagi Perkara 112 tetapi harus terus dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan agar menimbangannya, satu peruntukan mengikut kuantum yang diletakkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, tiga hari yang lalu pada hari Isnin saya mengemukakan soalan tentang subsidi minyak petrol dan juga tentang harga petrol yang diletakkan RM2.08 di bawah kementerian KPDNKK. Jawapan yang diberikan oleh kementerian, Sabah tidak menikmati subsidi minyak tetapi harga akan dikekalkan pada RM2.08 sen satu liter. Walaupun naik tetapi ia akan dikekalkan RM2.08. Sementara rakyat Malaysia yang berada di Semenanjung akan diberikan subsidi tetapi pada masa yang sama, harga akan diapungkan mengikut harga pasaran. *That is RON95.*

Lanjutan daripada jawapan Menteri, saya melihat bahawa kalau hasrat kementerian untuk membantu rakyat Sabah terutamanya yang berada di B40, saya rasa bahawa dasar ini perlu dikaji secara mendalam kerana kalau kita lihat sebahagian besar daripada kampung dan daerah di negeri Sabah, tidak memiliki stesen-stesen petrol. Kalau harga dikekalkan pada RM2.08 satu liter, hanya mereka yang duduk di kawasan yang mempunyai stesen petrol akan menikmati kebaikan daripada dasar ini. Sebahagian daripada rakyat Malaysia yang berada di Sabah yang berada di luar daerah yang tidak memiliki stesen petrol, stesen-stesen minyak tidak akan menikmati dasar yang dibuat oleh kementerian ini.

Walaupun saya melihat terdapat peruntukan RM150 juta tahun hadapan di bawah Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *community drumming* yang akan membantu masyarakat luar bandar menikmati harga kerana melalui program ini harga pengangkutan, minyak akan ditanggung oleh kerajaan dan penduduk luar bandar akan menikmati harga minyak yang disubsidikan, RM2.08 satu liter.

■1720

Akan tetapi masalah program ini, tidak semua kampung di luar bandar akan dapat menikmati kerana adanya kekangan peruntukan sebanyak RM150 juta setahun bagi seluruh negeri di Malaysia ini.

So bila pergi Beluran, kawasan luar bandar Beluran, terlalu sedikit program ini akan dinikmati oleh masyarakat luar bandar terutama mereka yang berada di bawah B40. Jadi, saya mohon agar kementerian melihat ini, olah dan perbaiki sarannya agar RM150 juta yang diperuntukkan bagi program ini tahun hadapan akan dapat dinikmati oleh ramai masyarakat luar bandar bagi menikmati harga minyak yang disubsidikan.

Ini kerana harus ingat, di luar bandar di Sabah tidak memiliki, tidak dibagi subsidi minyak seperti penduduk luar bandar yang berada di Semenanjung ini. Jadi, *you must think of RM150 million* ini dibagi sebaik-baiknya agar masyarakat luar bandar yang berada di luar bandar yang kawasan kampung, mereka tidak memiliki stesen minyak untuk menikmati program bantuan subsidi yang diberikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bajet untuk Parlimen digandakan sedikit, sedikit dinaikkan untuk tahun hadapan. Walau bagaimanapun, untuk bercakap tentang Parlimen ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah membawa transformasi dan perubahan-perubahan yang sendiri kita dapat lihat terhadap Parlimen Malaysia ini. Saya melihat banyak program *outreach* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua telah mendekatkan Parlimen ini kepada rakyat umum Malaysia. Saya harap agar program begini akan terus dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua

untuk kebaikan Malaysia dan mendekatkan Parlimen Malaysia kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita melihat banyak Jawatankuasa Pilihan yang telah dibentuk oleh Parlimen. Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam, Jawatankuasa Pilihan Menimbang Rang Undang-undang, Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet. Ini merupakan jawatankuasa-jawatankuasa yang besar yang dibentuk oleh Parlimen. Saya ingin tahu, sejauh mana keberkesanan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dibentuk ini?

Sedikit masa dahulu, ada kekecohan masyarakat umum. Bayangkan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam yang dibentuk oleh Parlimen merupakan suatu jawatankuasa yang tinggi untuk melihat pelantikan-pelantikan. Akan tetapi, kita tahu bahawa banyak pelantikan yang dibuat oleh kerajaan tidak melalui jawatankuasa ini. Jadi, kalau fungsi jawatankuasa ini bukan untuk melihat pelantikan disebabkan adanya suruhanjaya-suruhanjaya yang tertentu, Suruhanjaya Polis, Suruhanjaya Kehakiman dan sebagainya yang bercanggah dengan fungsi jawatankuasa ini, maka perlu Parlimen perlihatkan tajuk jawatankuasa ini supaya tidak disalah harap oleh masyarakat umum.

Jawatankuasa Khas Bagi Menimbang Rang Undang-undang umpamanya, Jawatankuasa Khas Bajet, tentu kita ingin tahu sejauh mana jawatankuasa ini telah dapat menyumbang terhadap bajet yang dibenteng tiga hari yang lalu. Ini sama ada jawatankuasa ini terlibat dan memberi input untuk bajet ataupun ia cuma tinggal satu jawatankuasa yang dibentuk di Parlimen dan sebagainya. Jadi walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan bahawa kita dapat melihat transformasi yang berlaku di Parlimen.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin— kerajaan melihat cadangan saya yang lalu, prosiding PAC itu dibuat secara *live*, tentunya melibatkan Peraturan Mesyuarat 85. Saya masih katakan bahawa ia boleh dibuat *live* kerana kalau kita tengok prosiding mahkamah pun boleh dihadiri oleh pemberita dan boleh membuat liputan-liputan mahkamah...

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Beluran, boleh saya...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Jadi, saya kira bahawa tiba masanya Tuan Yang di-Pertua, untuk melihat Perkara 85 ini agar prosiding PAC itu dapat dibuat secara *live*.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Beluran, saya mohon pencilahan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya lihat di sini di bawah tinjauan ekonomi 2020, ada empat kuasa global iaitu demografi, sumber asli, globalisasi dan perubahan iklim. Daripada Jawatankuasa *Select Committee*, adakah kita mahu mengambil kira empat perkara penting yang menguasai kuasa global untuk dimasukkan atau ditambahkan *Select Committees* yang berpatutan untuk membantu kita? Juga Yang Berhormat Beluran, ketika berlaku satu pertembungan di antara eksekutif dan juga *legislature* mengenai pelantikan-pelantikan penting di negara ini, keutamaannya di mana? Saya mohon jawapan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ini cadangan yang baik yang boleh difikirkan, ditimbang oleh Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker yang mengurus atur penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa ini. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat bahawa laporan PAC ini dibahas di Parlimen. Saya melihat satu kenyataan Menteri yang mengatakan bahawa laporan SUHAKAM bakal dibahas di Parlimen. Jadi, laporan SUHAKAM bakal akan dibahas di Parlimen sebab itu saya katakan bahawa laporan PAC harus juga dibahas di Parlimen. Jadi, dua perkara PAC. Satu, *live*. Satu, dibahas.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat— Kita melawat, saya ikut rombongan Tuan Yang di-Pertua melawat Parlimen Australia baru-baru ini dan di sana kita dimaklumkan bahawa PAC dibayar *special allowance* untuk PAC *Chairman* dan *Deputy Chairman*. Antara semua jawatankuasa di Parlimen Australia itu, cuma jawatankuasa PAC ini yang dibayar elaun oleh Parlimen, menunjukkan bagaimana pentingnya PAC dalam satu-satu Parlimen. Ini juga Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker harus pertimbangkan dan yakinkan kerajaan. Empat minit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin katakan bahawa saya menyambut baik bajet ini. Bajet yang terbaik. Banyak perkara yang dikhususkan bagi Sabah, peruntukan untuk elektrik, pengangkutan, bekalan air, jalan raya kampung dan sebagainya. *Dimention specifically* untuk Sabah dalam bajet kali ini. Ini merupakan perubahan-perubahannya yang kita lihat akan membantu Sabah dalam tempoh masa tahun hadapan ini.

Saya juga melihat suatu peruntukan yang besar dibagi kepada pendidikan di Sabah untuk baik pulih sekolah-sekolah di Sabah. Akan tetapi, saya ingin maklumkan kepada kementerian bahawa peruntukan sebanyak lebih kurang RM700 *million* yang

diperuntukkan khusus untuk Sabah, pembaikan baik pulih sekolah di Sabah adalah jauh lebih daripada mencukupi terhadap keperluan sekolah-sekolah daif di Sabah.

Saya ingin nyatakan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk dilihat bersama, jumlah sekolah daif di Sabah, 587 buah sekolah. Jumlah sekolah daif yang tidak selamat diduduki oleh *students*, oleh murid-murid, 91 buah sekolah. Sebanyak 91 *schools* yang telah dikategorikan sebagai sekolah daif yang tidak selamat untuk murid-murid masih ada di Sabah, di kawasan saya masih ada. Jadi, saya katakan bahawa peruntukan RM700 *million* ini jauh daripada mencukupi untuk Sabah sahaja. Jauh dari mencukupi.

Saya dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan Sabah, kalau semua 587 buah sekolah, jumlah keseluruhan sekolah daif sebanyak 750 buah sekolah ini, memerlukan lebih daripada RM3 bilion untuk peruntukan. *So, you're giving us RM700 over million, it is far from enough*, tetapi baik untuk memulihkan beberapa buah sekolah. Saya harapkan agar sekolah-sekolah yang terlalu daif ini, yang tidak selamat ini, yang daifnya terlalu akan diberi keutamaan oleh kementerian untuk dibaik pulih dan menggunakan peruntukan RM700 ribu yang diperuntukkan itu.

Jadi ini merupakan perkara-perkara yang *maybe unique* bagi kita di Sabah, tetapi harus dilihat oleh kementerian. Saya minta agar Menteri lebih kerap turun ke Sabah, Ketua Pengarah yang berasal dari Sabah juga turun ke Sabah, Pengarah Negeri turun ke Sabah untuk melihat keadaan sekolah-sekolah daif yang ada di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu kerajaan menarik balik peruntukan perkhidmatan doktor udara bagi luar bandar Sabah. Saya tahu, saya insaf, akui bahawa program itu merupakan *short-term majors* yang dilakukan oleh kerajaan untuk perkhidmatan doktor udara di luar bandar. Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, selepas program dihentikan kerajaan, saya tidak melihat bertambahnya pembinaan klinik desa bagi luar bandar.

Kawasan saya ada lima enam buah kampung yang dilawati oleh perkhidmatan-perkhidmatan doktor udara ini sebelum ini. Apabila ditamatkan, *this five kampung plus the surrounding* kampung, tidak menikmati perkhidmatan kesihatan yang diperlukan. Jadi kerana saya tidak melihat penambahan klinik desa yang dibuat oleh kerajaan. Oleh sebab itu saya minta Kementerian Kesihatan tumpukan pembinaan klinik desa di luar bandar, *come down*, pergi bawah dan melihat keadaan yang sebenarnya di negeri Sabah.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu bajet yang baik. Saya ingin katakan bahawa saya melihat ada perubahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri

Kewangan. Kalau dulu kita mengeluh kerana masyarakat luar bandar tidak disentuh, masyarakat bumiputera di Sabah tidak disentuh, nelayan ditarik balik peruntukan, tetapi kali ini kita melihat adanya peruntukan dikembalikan bagi kumpulan-kumpulan masyarakat ini.

Apa pun bajetnya Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang penting. *We have the money* dan juga *implementation* yang sempurna. Kalau kita tidak ada duit, soalnya, dari mana kita dapat duit? Adakah kita akan berhutang? Adakah itu akan menambahkan defisit, menambahkan hutang dan sebagainya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Selain itu juga, dari segi pelaksanaan— sekejap. Dari segi pelaksanaannya, saya harap agar pelaksanaan program-program yang dinyatakan di dalam bajet ini akan dibuat sebaik-baiknya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tiada pilih kasih, jangan bagi kawasan Menteri sahaja, jangan bagi kawasan Ketua Menteri dan Menteri Besar, Exco dan Menteri-menteri negeri...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sikit.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tetapi bagi kawasan-kawasan yang memerlukan. Ramai kami di sini yang *backbenchers* ini, yang bukan Menteri, bukan Ketua Menteri, yang perlu sentuhan daripada bajet yang baik ini. Jadi, itu memerlukan penjelasan. Ya!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, penjelasan sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, kawan lama. Saya tertarik hati dengan pandangan Yang Berhormat Beluran mengenai usaha Tuan Yang di-Pertua untuk hendak buat pembaharuan iaitu *reform Parliament* dengan menubuhkan beberapa jawatankuasa, empat jawatankuasa...

Tuan Yang di-Pertua: Enam.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dan jawatankuasa ini memerlukan kerjasama— Berapa Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Enam.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Enam? Oh! *Sorry*.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti tambah empat lagi, jadi sepuluh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dua lagi saya *termis* masa saya sakit dulu ya. Jadi, enam jawatankuasa. Saya, kalau boleh buat lagi sepuluh lagi okey. Masukkanlah saya sebagai salah seorang yang rajin jugalah. Jadi Yang Berhormat, dia memerlukan kerjasama dari kami dan juga kerjasama dari pihak sana. Akan tetapi, apakah Yang Berhormat sedar, kerjasama kami diperlukan?

Semasa Yang Berhormat duduk dengan kami, Yang Berhormat pun tidak dapat peruntukan Ahli Parlimen. Jadi hanya bagi kepada pihak pembangkang, selepas itu minta kita kerjasama. Apakah Yang Berhormat nampak sesuatu harus dibuat untuk memastikan supaya keadilan itu diberikan kepada semua Ahli Parlimen? Kalau kami memerintah semula, kami akan pastikan semua Ahli Parlimen mendapat peruntukan yang sama.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Dia Menteri pun tidak ada...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Biarlah Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Perdana Menteri serta mereka yang duduk sebelah sana itu menjawab soalan Yang Berhormat Arau. Jadi, kerana masa sudah habis, saya ingin mengatakan bahawa saya menyokong bajet ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya mahu tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat setuju dengan saya atau tidak?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya sudah minta Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat baru sekejap sahaja pergi, sudah berubah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pasir Puteh. Silakan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat]***

5.33 ptg.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertamanya, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk berkongsi di dalam perbahasan Belanjawan Negara 2020.

Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut Bajet 2020 yang dibentangkan beberapa hari yang lepas, saya merasakan bajet negara ini adalah satu cabaran yang

besar. Ini kerana Malaysia, apabila berhadapan dengan ekonomi dunia yang tidak menentu, saya menjangkakan bajet negara kali ini ada jalan penyelesaian yang konkrit, yang jelas. Adanya pelan pemulihan ekonomi, adanya rangsangan ekonomi yang lebih global, yang lebih kukuh bagi menghadapi ancaman ekonomi dunia yang tidak menentu, yang tentunya akan memberikan kesan yang negatif kepada negara kita.

Akan tetapi sayang, apabila saya meneliti ucapan belanjawan itu, saya rumuskan bukan di atas perasaan sebagai duduk di blok pembangkang. Akan tetapi saya merasakan pembentangan bajet kali ini adalah pembentangan yang biasa, yang seolah-olah negara kita tidak berhadapan dengan apa-apa masalah ekonomi. Sedangkan, kalau kita lihat kepada ekonomi fiskal, di sudut kemiskinan yang kian parah yang berlaku di dalam negara kita, sehingga kita mula kedengaran masyarakat yang berada di luar bandar berhadapan dengan kesukaran untuk membayar yuran pengajian anak-anak mereka.

Begitu juga dengan harga barangan yang kian meningkat, yang menekan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar. Ini ditambah pula dengan mata wang negara kita yang sangat buruk, yang diketawakan oleh negara-negara lain dalam dunia dan begitu juga dengan hutang negara yang bertambah begitu mendadak. Di sudut aliran import, eksport yang ada dalam negara kita yang tidak memberikan petunjuk untuk menambahkan kekuatan ekonomi negara dan begitulah seterusnya kadar inflasi yang tidak menentu, yang berlaku.

Semua ini adalah suatu yang sangat menakutkan masyarakat dalam negara kita, walaupun kita dengar ucapan-ucapan daripada *backbenchers* sebelah kerajaan, seolah-olah mereka berseronok dengan belanjawan ini. Akan tetapi, saya yakin di dalam hati mereka juga, mereka pun ada perasaan ragu-ragu dengan belanjawan yang ada. Saya ucapkan syabas kepada sahabat-sahabat yang menegur kerajaan.

Saya berdiri pada petang ini bukan untuk mengkritik secara membabi buta, tetapi apa yang akan saya sebut ini mudah-mudahan ada sumbangan saya untuk negara kita. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat saya rasa bimbang, apabila pihak kerajaan saya nampak tidak mampu memberikan fokus kepada pembangunan negara dengan sebaik-baiknya. Namun yang berlaku, mereka sering bergaduh. Hari ini, saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Arau kerana berjaya memukul gendang sehingga menarilah seorang pemimpin walaupun dia orang yang lama, sepatutnya dia tidak menari apabila dipukul gendang. Akan tetapi, dia menari sehingga mendakwa perjanjian dua tahun dan seumpamanya. Saya juga terdengar suara di sebelah pihak

sebelah sana yang mengatakan macam mana seorang banduan hendak jadi Perdana Menteri.

Maknanya, ini adalah sesuatu yang sangat membimbangkan negara kerana isu kepimpinan negara yang tertinggi ini adalah isu yang besar, yang boleh mencorakkan ekonomi dalam negara kita, perdagangan dalam negara kita dan boleh menentukan hala tuju para pelabur daripada luar negara untuk masuk ke dalam negara.

Kalau itu yang banyak dibincangkan, bahkan, saya sangat dukacita kalau ada pihak-pihak dalam negara yang mentadbir negara sehingga mereka meninggalkan sasaran untuk membangunkan negara, mereka fokus kepada pertelingkahan, perkelahian di dalam parti masing-masing, yang ini tuduh ini, tuduh itu sehingga lahirah ucapan-ucapan yang tidak bermoral dalam Parlimen. Ini perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya kita sebut di dalam Parlimen yang mulia ini.

Namun, saya mewakili rakan-rakan di sebelah blok ini, saya ingin menjawab apa yang disebutkan melalui serangkap pantun,

*“Ada pemimpin dalam ketamakan,
ada penyokong sanggup merapu,
kalau benar negara diutamakan,
bubarkan Parlimen ini,
pilih pemimpin baharu”.*
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pakej rangsangan ekonomi yang sepatutnya dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini, bukan perkara-perkara yang remeh-temeh yang sepatutnya kita bercakap. Kalau kita lihat kepada pakej ekonomi yang saya rasa agak terkilan, apabila lebih daripada 30 sektor yang membabitkan masyarakat petani, nelayan, masyarakat yang berada di luar bandar.

■1740

Sebagai contoh, untuk Lembaga Getah Malaysia, daripada peruntukan pada tahun 2019 sebanyak RM10 juta, tahun ini adalah kosong. Usahawan Desa daripada RM2 juta dikurangkan kepada RM1.6 juta. Perikanan daripada RM178.5 juta dikurangkan kepada RM177 juta dan banyak lagi yang tidak perlu saya sebut senarai ini satu per satu yang memberikan gambaran bahawa seolah-olah kita tidak rasa peka kepada import kita daripada negara luar yang mencecah RM50 bilion dalam masa satu tahun.

Sepatutnya sekiranya industri-industri ini yang dipotong belanjawan ini, kalau diberikan fokus oleh pihak kerajaan, tentunya negara kita akan memperoleh hasil yang sangat baik. Beberapa kali saya sebut Allah SWT anugerahkan kepada bumi Malaysia ini, bumi yang subur dengan pertanian. Namun, kita lihat kerajaan yang ada pada hari ini, tidak memberi fokus yang betul-betul bagus kepada isu pertanian di dalam negara kita.

Sedangkan kita memiliki pakar-pakar yang tidak kurang berbanding dengan negara Thailand, Kemboja, Vietnam yang mampu melonjakkan negara mereka. Mereka mempunyai kekuatan tersendiri. Kita, Malaysia ini, kita membina ekonomi kita banyak kebergantungan dengan negara-negara lain. Kita ada sawit tetapi kita bergantung kepada Eropah, kita bergantung kepada Amerika Syarikat dan kita bergantung kepada negara China.

Apa yang menyedihkan kita apabila sawit kita dipulaukan oleh Kesatuan Eropah dan dipulaukan di Amerika Syarikat. Hari ini yang terbaru di India. Ini memberi satu igauan yang sangat ngeri kepada peneroka-peneroka di FELDA. Namun, di dalam bajet Belanjawan 2020 kali ini kita tidak melihat satu inisiatif yang dibawa oleh kerajaan yang benar-benar berkesan untuk memartabatkan semula ladang-ladang sawit sama ada yang dimiliki oleh FELDA ataupun yang dimiliki oleh individu-individu.

Di dalam dunia ini, kita ada manusia yang menggunakan sawit bukan saja di Amerika Syarikat dan bukan saja di Eropah. Kita ada banyak lagi negara-negara lain. Apa yang saya hendak sebut iaitulah pihak kerajaan, saya tidak nampak satu usaha yang serius untuk menawarkan sawit kita di sebelah Afrika dan di sebelah blok negara-negara Arab di mana mereka lebih banyak menggunakan minyak berbanding daripada negara kita.

Oleh sebab itu, saya mengatakan bahawa program secara serius untuk membina negara kita ini, tidak dilakukan melalui bajet yang ada kecuali beberapa program yang mendarat yang membabitkan subsidi dan seumpamanya. Saya menyokong penuh ucapan rakan-rakan yang lain yang menyebut subsidi secara kewangan ini, ia tidak menyelesaikan masalah. Kita hendak menuju ke arah negara baharu, kita kena fikir teknikal bentuk subsidi ini supaya subsidi yang kita buat ini benar-benar. Bukan jadi isu politik semata-mata tetapi ia boleh mengurangkan jumlah kumpulan sasaran yang ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ia bukan hanya sawit Yang Berhormat Pasir Puteh tetapi komoditi-komoditi lain juga harganya jatuh. Jika sawit contohnya, harganya jatuh lebih RM100 setan untuk gred 'A' tetapi kalau untuk gred-gred yang lain, lebih daripada RM100 jatuh harganya melibatkan lebih 500 ribu pekebun kecil. Cuba kalau kita kalikan 500 ribu pekebun kecil itu, berjuta rakyat yang terlibat akibat kejatuhan harga sawit.

Apabila di Sarawak misalnya, semalam saya menyebut bagaimana lada hitam daripada RM11 ribu lebih harga setan turun kepada RM7 ribu lebih harga setan. Turun lebih kurang RM4 ribu lebih setan. Apakah perkara-perkara yang —usaha-usaha konkrit yang dilaksanakan oleh kementerian tidak mencapai apa yang mereka hajatkan? Walaupun ada sedikit usaha tetapi kelihatannya semakin menekan. Sebagai contoh, jika dulu diberikan bantuan geran wang percuma untuk tanam semula tetapi sekarang ini semuanya dipinjam pula.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya minta supaya masuk di dalam ucapan saya dan minta pihak kementerian memberikan respons perkara ini di sudut jalan penyelesaian. Apabila harga komoditi kita menurun, apa jalan penyelesaian dan pendekatan yang patut diambil oleh pihak kerajaan? Sejauh manakah pihak kerajaan, saya sudah sebut dalam ucapan sebelum daripada ini, menggunakan kepakaran daripada blok pembangkang? Dalam isu ini kita jangan berpolitik.

Rakan-rakan daripada UMNO yang pernah menjadi Menteri-menteri, mereka mempunyai hubungan yang banyak dengan negara-negara lain yang sepatutnya dalam isu ini, kita jangan politikkan. Untuk kepentingan negara. Apa yang saya sangat dukacita, kita ketepikan orang berpengalaman.

Walaupun kami pembangkang, kita ada kekuatan tersendiri. Macam saya sebut sawit, mengapa tidak diperkenalkan di negara-negara Arab? Mereka mempunyai rakyat ratusan juta yang boleh menyelesaikan sawit kita dan tentunya di sebelah blok Arab, kita mempunyai kekuatan di sebelah pihak pembangkang. Saya tidak hendak mendabik dada sendiri tetapi kami *insya-Allah*, kita boleh bantu negara dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin pergi kepada projek mega untuk menentukan negara kita lebih stabil di sudut keselamatan di peringkat Asia dan di peringkat antarabangsa. Walaupun, respons telah diberi oleh Menteri Pertahanan tetapi suka saya sebut bahawa kita bergerak ke arah kita menjadi sebuah negara industri untuk senjata-senjata berat. Kita akan ketinggalan kalau kita tidak fokuskan aspek ini.

Mengapa kita tidak bergerak ke arah itu? Bukan kita hendak bina lagi kilang kereta kebal atau kilang jet, itu lebih jauh. Akan tetapi, jangan biarkan.

Kalau kita lihat projek ini adalah projek besar dan harganya mahal, kita akan gagal. Kita menganggap itu sebagai cabaran untuk negara dan kita kena bergerak ke arah itu supaya kita dapat menyaingi negara-negara lain. Kalau negara Singapura, sebuah negara yang sangat kecil tetapi ia mempunyai kekuatan yang jauh lebih daripada kita. Saya difahamkan sampai tahap sebelum daripada ini, pernah Singapura ini, ia bersedia untuk bagi pinjaman kewangan kepada Malaysia. Akan tetapi, kita tidak terima —tapi memalukan kita.

Ini semua benda ini adalah suatu yang perlu kita bergerak ke hadapan dan sepatutnya isu pertahanan negara ini, kita bincangkan secara serius di dalam Parlimen ini dan sepatutnya ada bajet yang khusus untuk kita bergerak ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyebut sedikit berkenaan Program *Rahmatan Lil Alamin* yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Program ini berlandaskan kepada firman Allah SWT [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] ‘*Kami tidak utuskan kamu wahai Muhammad SAW kecuali untuk membawa rahmat kepada sekalian alam*’. Apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW, memang menjadi realiti. Sejak dari zaman Makkah, zaman Madinah kemudian kembali ke Makkah sehingga Islam ini tersebar. Satu-satunya agama dalam dunia ini yang tersebar dengan syiar adalah agama Islam.

Agama yang lain mereka sebar melalui senjata. Ideologi-ideologi yang lain, komunis, kapitalis, mereka kembangkan dengan senjata. Akan tetapi, Islam, *Alhamdulillah*, Islam ini berkembang dengan syiar, berkembang dengan ilmu dan tidak ada sejarah satu peperangan yang dimulakan oleh Islam. Ini mesti difahami. Tidak ada sejarah peperangan Badar, Islam mempertahankan diri. Orang lain mengkhianati Rasulullah SAW. Peperangan Ahzab, peperangan Uhud dan peperangan Zaturriqa`. Semua sekali peperangan ini, Islam mempertahankan diri.

■1750

Sampai hari ini kalau kita lihat, negara-negara Islam, masyarakat bukan Islam boleh hidup aman damai. Akan tetapi, kalau negara lain daripada Islam macam di Arakan, rakyat Rohingya kerana perbezaan agama mereka bunuh dengan kejam. Di Afrika, agama Kristian membunuh agama lain dengan kejam. Akan tetapi, masyarakat bukan Islam yang hidup di Qatar, yang hidup di Yaman dan yang hidup di merata-rata termasuk dalam negara kita dijamin keamanan dan jaminan keamanan ini adalah jaminan kerana agama Islam yang dianuti oleh masyarakat setempat.

Rahmatan lil alamin adalah ajaran Islam apabila dilaksanakan syariat ini, masyarakat boleh lihat keadilan tanpa mengira kaum, tanpa mengira agama dan tanpa mengira apa-apa. Cuma saya ingin tegur pihak kerajaan, kadang-kadang bila dia bercakap masalah *rahmatan lil alamin*, akhir sekali dia jadi senget sebelah. Dia jadi berat sebelah. Untuk umat Islam sebagai contoh, kalau hendak mengajar, hendak berkuliah kena ada tauliah kena ada apa. Tidak padan kah dengan pengiktirafan universiti. Ada orang yang dapat *title* PhD, dapat doktor diiktiraf oleh universiti, diiktiraf oleh dunia tetapi minta tauliah, sayang.

Tiba-tiba apabila paderi Kristian datang daripada negara macam-macam menyampaikan ucapan dalam negara kita, Yang Berhormat Menteri Agama tidak pernah tanya tauliah. Agama-agama lain yang ada mereka bercakap dalam rumah ibadat mereka, tidak pernah Yang Berhormat Menteri Agama ini tanya tauliah. Saya pun tidak faham, apa benda sikap sedangkan dalam Islam ini jelas siapa-siapa sahaja yang menyampaikan ucapan, yang boleh memfitnah kepada agama mereka sendiri tidak payah Yang Berhormat Menteri Agama yang bercakap, rakyat akan tolak dia.

Apa yang berlaku pada hari ini saya lihat jelas Yang Berhormat Menteri Agama ini menggunakan kedudukan dia untuk kepentingan politik. Untuk kepentingan politik. Jadi, ini adalah satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku dalam negara kita. Kemudian yang terakhir yang saya hendak sebut iaitu ialah berkenaan dengan royalti untuk negeri Kelantan, Terengganu dan rakan-rakan daripada Sabah dan Sarawak. Royalti ini adalah hak rakyat, untuk pembangunan negara secara bersama. Cukai dipungut daripada negeri-negeri ini, dipungut. Hatta, kalau lihat di negeri Kelantan kita lihat wanita di Kelantan adalah usahawan yang terbaik dalam negara.

Ke mana sahaja dia pergi, dia *business*, *alhamdulillah* dia berjaya. Hatta dia boleh bersaing dengan mana-mana rakyat yang ada dalam negara kita. Ini orang Kelantan. Di Kelantan, negeri yang sangat potensi, pelancongan, seni budaya dia yang sangat hebat dan kawasan-kawasan bersejarah. Kalau kita lihat di sungai daripada Pulau Melaka sampai ke Sabah, di sanalah sejarah Kesultanan Melayu yang telah ranap tetapi kalau dilihat negeri Kelantan, negeri yang potensi untuk dihidupkan pelancongan sepatutnya Kementerian Pelancongan memberi perhatian di tempat yang seumpama ini. Sekiranya pelancongan ini dihidupkan, bukan sahaja negeri Kelantan dapat menikmatinya, Kerajaan Persekutuan juga dapat menikmati hasil daripada benda ini.

Royalti ini saya desak, saya sangat dukacita apabila pihak kami bercakap dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut dia akan bayar tetapi yang menyekat royalti ini adalah Yang Berhormat Bagan,

Yang Berhormat daripada Bagan. Saya tidak tahu jenis manusia apa benda ini. *[Disampuk]* Saya tidak tahu. Pada zaman moden sebegini, pada zaman yang pihak PH hendak bercakap, dia bercakap dengan, “*Kita mahu kerajaan yang telus, kerajaan yang jujur*”, *refund* GST belum lagi dibayar. Sebelum daripada ini, tuduh UMNO ini merompak menyamun sedangkan kepala perompak, kepala penyamun adalah Yang Berhormat Bagan. *[Tepuk]* Saya hairan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh minta rumuskan. Masa sudah...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Insya-Allah* saya rumuskan supaya *insya-Allah* mudah-mudahan kita baliklah kepada pangkalan kepada keadilan. Royalti bayar, bayar. Sebanyak lima peratus sahaja perjanjian bukan banyak dan ini untuk rakyat, untuk rakyat. Negeri Kelantan *alhamdulillah*, kerajaan yang mengurus, mentadbir diiktiraf oleh SPRM, oleh siapa sahaja pemerintahan yang bersih sampai hari ini. Ini kerana kami berteraskan kepada dosa dan pahala.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Rahmatan lil alamin.*

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Itu dia *rahmatan lil alamin*. Ini tidak bayar royalti, *rahmatan lil alamin*. Saya sangat-sangat pelik dan ganjil.

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, saya baca *statement* oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dia kata sudah bayar royalti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Sudah bayar sudah.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Saya, wallahu alam.*

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Macam mana itu? Boleh respons.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya tidak tahu kalau dia sebut dia bayar. Royalti ini ada kaedah pembayaran mengikut perjanjian. Wang ihsan, dia ada benda-benda di bawah tanggungjawab Persekutuan yang saya lihat hari ini apa benda yang dia buat. Jalan Persekutuan sebagai contoh. Kelantan dianaktirikan. Kalau dalam Parlimen saya, dalam jarak kurang daripada empat kilometer ada lapan jambatan menjadi perangkap maut. Kalau kita pergi daripada Gaal sampai kepada Pasir Puteh empat kilometer sahaja ada lapan jambatan, jauh lebih sempit daripada jalan raya yang mengorbankan ratusan nyawa sebelum daripada ini. Kerajaan negeri angkat, zaman Kerajaan PH kita angkat tidak buat, PH lah salah.

Tidak diberi keutamaan, sedangkan ada kawasan-kawasan lain, jalan luas, jambatan besar tetapi ditambah lagi baru, sedangkan keretanya tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh masa sudah tamat ya. Lebih lima minit.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Insyah-Allah* saya kadang-kadang, ya lah bila acap kali saya sebut menyebabkan suara tinggi, saya pohon maaf. Cuma, kita baliklah kepada ke arah kita membangunkan negara secara bersama supaya tidak ada sebarang diskriminasi, tidak ada sebarang tindakan yang kita buat dalam bentuk yang tidak profesional, *insyah-Allah*. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya kira belanjawan ini perlu diperbaiki dan diubahsuai supaya dia lebih sesuai untuk semua. Sekian, *wabillahi taufik, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Anggaph ucapan ini sebahagian daripada ucapan kami. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kangar, 20 minit.

5.57 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keizinan berbahas pada hari ini. Sebelum berucap, saya ingin meminta perhatian daripada Tuan Yang di-Pertua tentang jawapan-jawapan kepada pelbagai isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan semasa perbahasan. Oleh sebab mustahil bagi mana-mana Menteri atau Timbalan Menteri menjawab semua persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan, janganlah semua isu dan persoalan yang kami bawa ini dipandang sepi tanpa jawapan bertulis. Itu yang pertama.

Kedua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2020 yang begitu menyeluruh sehinggakan hampir tidak kedengaran kritikan umum kecuali beberapa persoalan dalam sesetengah perkara. Saya fikir kandungan-kandungan dokumen yang dibekalkan kepada semua Ahli Parlimen cukup untuk menjelaskan komitmen kerajaan kepada ketelusan bagi membolehkan kita berbahas berasaskan fakta.

Berlatar belakangkan situasi ekonomi global yang tidak menentu, warisan masalah yang ditinggalkan oleh pentadbiran lalu dan keterikatan kita kepada sejumlah

keputusan besar yang lama misalnya projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, saya fikir Belanjawan 2020 secara umumnya adalah baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut di sini bawah tahun 2020 pastilah dekat dengan imaginasi ramai, khususnya golongan generasi saya. Kita tahu Wawasan 2020 dengan sembilan cabaran dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu yang pada hari adalah orang yang sama untuk Malaysia menjadi negara maju dalam segenap bidang pada tahun 2020. Hari ini umumnya diakui bahawa impian menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020 telah tersasar. Ironinya ia ditandai oleh kejatuhan Barisan Nasional semasa PRU-14.

Mesej rakyat dalam PRU-14 ini perlu diperhalusi. Mengapakah rakyat membuat pilihan menolak Barisan Nasional ketika mereka riuh mendendangkan pencapaian hebat pelbagai perkara dalam kawalan ketat media dan tindakan undang-undang yang diambil secara tidak demokratik. Saya percaya rakyat tidak menolak kemajuan dan pembangunan tetapi mereka mahukan kekayaan daripada pembangunan dan kemajuan ini dapat dinikmati bukan hanya dilihat dan dirasai. Justeru itu, tumpuan harus diberikan kepada kesan sebenar dasar-dasar yang ingin diambil, bukan hanya kesan permukaan ataupun dengan izin, *superficial*.

■1800

Hari ini di bawah pentadbiran Pakatan Harapan juga ada banyak berita positif setakat tahun 2019 kalau kita merujuk kepada dokumen yang dibekalkan kepada kita. Indeks harga pengguna turun, imbalan akaun semasa meningkat, rizab antarabangsa kasar meningkat, eksport dan import kasar meningkat. Manakala pertumbuhan ekonomi penting, aspek penyampaian perlulah diperbaiki. Inilah yang perlu diberi perhatian agar kemakmuran bersama dapat dirasai.

Sebagai contoh, saya ingin mengambil peruntukan pembangunan bagi negeri Perlis untuk tahun 2019 mengikut kementerian. Setakat ini yang saya dimaklumkan corak perbelanjaan yang dibuat baru saja mencecah 41.22 peratus. Saya boleh menyebut beberapa nama kementerian yang membuat perbelanjaan di bawah tahap ini untuk negeri Perlis.

Antaranya Kementerian Kewangan. Dalam 3 projek setakat ini, baru hanya berbelanja 7.28 peratus. Kementerian Kesihatan dalam 6 projek. Setakat ini hanya baru berbelanja 36.99 peratus. Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam 13 projek. Setakat ini baru berbelanja hanya 24.69 peratus. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam 6 projek, setakat ini baru berbelanja 28.84 peratus. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan setakat ini dalam 5 projek baru berbelanja 13.71 peratus.

Kementerian Belia dan Sukan, dalam 3 projek setakat ini baru berbelanja 34.94 peratus. Kementerian Pertanian dalam 2 projek, baru berbelanja 1.87 peratus. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, dalam 2 projek baru berbelanja 16.81 peratus. Soalan saya ialah apakah punca kelewatan perbelanjaan ini dan apakah jaminan oleh setiap kementerian bahawa peruntukan ini akan dibelanjakan dalam tahun kewangan 2019.

Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kecekapan ini. Kelewatan berbelanja ini pasti memberi kesan kepada aktiviti ekonomi dan kelancaran penyampaian kerajaan di negeri yang berpendapatan rendah seperti Perlis. Memandangkan tahun depan adalah tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 ataupun *Rolling Plan* Keempat, saya ingin tahu berapakah jumlah perbelanjaan sebenar kerajaan bagi melaksanakan semua projek yang telah di rancangan di negeri Perlis untuk Rancangan Malaysia Ke-11.

Berapakah peratus rancangan ini telah berjalan dan bila pula tempoh sebenar semua projek ini akan dapat disiapkan. Ini belum termasuk projek besar yang diumumkan misalnya pembinaan *Asia Sustainable Transportation Institute* (ASTI) oleh Universiti Kuala Lumpur di bawah MARA di Perlis.

Kebimbangan saya ialah nanti semua projek ini terpaksa dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 sedangkan jika ia disiapkan pada waktunya Perlis boleh menikmati projek-projek baru bagi menjana pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Selain ini saya juga ingin menyentuh tentang pelbagai projek sakit yang banyak berlaku di seluruh negara. Ini bukan saja menyebabkan kemudahan yang dirancang tidak dapat digunakan pada waktunya tetapi ia juga meningkatkan kos kepada kerajaan.

Sebagai contoh projek Rumah Angkatan Tentera di Kem Oran, itu di bawah Parlimen Arau di negeri Perlis di mana kos sebenar kontrak telah meningkat daripada RM15.89 kepada RM18.6 juta memandangkan ia tidak dapat disiapkan pada waktunya. Bayangkan peningkatan hampir RM3 juta bagi satu projek. Ada banyak lagi projek-projek di negeri Perlis, bahkan di seluruh negara yang mengalami masalah yang sama. Kalau di negeri Perlis...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pembedulan Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kemudahan klinik kesihatan dan hospital, universiti, mahkamah dan sebagainya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, kem untuk Oran itu duduk...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta maaf, Parlimen Padang Besar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: No, Kem Oran duduk Padang Besar, bukan Arau ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Betul, betul. Minta maaf. Jika diamati sebahagian masalah yang ada ini boleh ditangani dengan lebih cekap terutama tentang kelemahan pengurusan kontraktor, kekurangan pekerja dan masalah aliran kewangan kontraktor. Ini tiga faktor yang *cut across* ya, merentasi semua alasan-alasan di sebalik masalah projek ini. Ini bukan masalah baru dan telah berulang kali hampir di seluruh negara sejak daripada dulu lagi. Apakah langkah kerajaan untuk menangani masalah-masalah ini.

Soalan saya, apakah syarat perolehan lesen kontraktor selepas ini akan terkandung bersamanya kelulusan dalam pengurusan projek. Jika tidak ada selama ini adakah ia akan diperkenalkan selepas ini. Apakah punca kepada masalah kekurangan pekerja ini. Bolehkah kerajaan memastikan lulusan pelajar daripada pelbagai institut latihan kerajaan seperti IKM, ILP, IKBN, politeknik dan sebagainya diberikan peluang untuk terlibat dalam projek-projek kerajaan bagi menampung kekurangan ini.

Tentang masalah kewangan kontraktor, mengapa ia boleh berlaku. Adakah ia juga berpunca daripada penipuan penyata kewangan sebagaimana berlaku dalam kes tender makanan di Kementerian Pendidikan yang didedahkan baru-baru ini. Apa pula jaminan kerajaan bahawa prestasi bayaran sebenar dapat dibuat dengan cekap mengikut jadual bagi mengelak kerajaan dituduh sebagai punca kepada masalah kekurangan kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sebanyak mana pun perbezaan politik yang ada, rakyat akan sentiasa menyokong agenda untuk memerangi kemiskinan. Malangnya setelah puluhan tahun kita bercakap tentang persoalan kemiskinan, tekanan kos sara hidup nampaknya semakin dirasakan. Kita bukan saja berdepan dengan isu jurang kekayaan antara kaum tetapi juga jurang kekayaan sesama kaum kian melebar. Menunjukkan adanya kecenderungan kekayaan negara berlegar hanya di kalangan tertentu saja.

Golongan rapuh ini pelbagai. Jika dulu ramai yang berada di luar bandar, kini ramai juga yang telah berhijrah ke bandar dalam percubaan untuk mereka mengubah nasib diri mereka dan ini telah membentuk satu kumpulan miskin bandar yang semakin membesar. Ini juga mewujudkan jurang pembangunan ekonomi di antara negeri dan wilayah. Saya pernah membangkitkan dalam siri dialog bersama Perdana Menteri misalnya, mungkin masalah struktur kita ada dalam Perlembagaan Persekutuan yang perlu kita lihat dan jika keperluan untuk kita ubah.

Misalnya kita daripada tahun ke tahun sejak dulu kita memberikan pemberian geran ataupun *capitation grant* atau geran per kepala dan juga penyelenggaraan jalan dalam Perkara 109(1)(a), (b) dan pemberian dari Kumpulan Wang Rizab Negeri Perkara 109(6) ataupun dipecahkan kepada kekurangan akaun mengurus dan juga pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan lain-lain.

Saya melihat begini, kalau kita hanya merujuk kepada panjang jalan, sudah tentulah Perlis sebagai negeri kecil, kami yang dapat geran yang paling kecil. Jika kita merujuk kepada geran per kepala, Perlis hanya ada lebih kurang 250,000 orang penduduk, tentulah kami juga mendapat geran yang paling kecil. Jadi jurang akan terus melebar dari tahun ke tahun sekiranya kita tidak mengubah formula dari segi pemberian geran kepada negeri-negeri. Ini saya berharap kerajaan dan juga mungkin dalam *Select Committee* berkaitan dengan belanjawan, boleh melihat dan mencadangkan kepada kerajaan untuk melihat sekiranya perlu ada pindaan Perlembagaan dalam perkara ini.

Saya ingin mencadangkan sekiranya boleh untuk dalam belanjawan tahunan, kita boleh menetapkan satu angka. Misalnya kita berikan kepada setiap negeri RM500 juta ataupun RM1 bilion kerana sudah tentulah bagi negeri-negeri yang sudah tertinggal dari segi pembangunan, jumlah RM1 bilion ini cukup besar. Akan tetapi bagi negeri Selangor yang belanjawan tahunannya lebih kurang RM3 bilion, jadi kesannya mungkin hanyalah 30 peratus kalau dapat RM1 bilion. Akan tetapi bagi negeri macam Perlis yang belanjawan tahunannya hanya sekitar RM100 juta, kalau dapat RM1 bilion, dia dapat mempercepatkan pembangunan negeri tersebut sebanyak 10 kali ganda. Sila Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat ingin menuntut daripada pihak kerajaan supaya royalti minyak ini dibagi, yang *Federal* punya, yang *state* punya bagi dekat *state*. Kelantan bagi Kelantan, Terengganu. Akan tetapi yang bahagian *Federal* itu, apakah kerajaan bercadang untuk memberi pada negeri-negeri yang lain yang tidak disenaraikan sebab saya pernah menuntut ini dalam tahun 2002 dulu. Tahun 2000 semasa Yang Berhormat Port Dickson jadi Menteri Kewangan dan dia telah bagi tapi dalam bentuk wang ihsan sebanyak RM50 juta. Jadi, apakah kita ingin menuntut daripada Kerajaan Persekutuan supaya royalti minyak hak yang *Federal*, aset *Federal* itu dibagi kepada negeri-negeri yang tidak disenaraikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, sila teruskan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, sebenarnya kalau kita rujuk kepada belanjawan negara, perbelanjaan menggunakan

hasil petroleum ini lebih kurang dalam 2 peratus saja daripada KDNK. Itu seingat sayalah. Akan tetapi bagi saya ialah sebenarnya dia bukan soal sama ada petroleum atau bukan tetapi ialah keadilan dari segi hak untuk mendapatkan pembangunan secara saksama. Jadi, mungkin kita ini sekali lagi *Select Committee* ya, Jawatankuasa Pilihan ini boleh berbincang untuk melihat bagaimanakah pembangunan ini dapat dilaksanakan sesuai dengan tema kemakmuran bersama yang sedang dipopularkan sekarang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, masuklah soalan saya sebahagian daripada ucapan. Jangan jawab bagi pihak Menteri.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Belum habis lagi. Jadi, cadangan Yang Berhormat Arau itu boleh dimasukkan dalam ucapan saya. Saya hendak teruskan perbincangan bahawa saya gembira kerana kerajaan hari ini memberi pelbagai jenis bantuan bagi kumpulan ini. Namun sekali lagi hanya dengan kecekapan penyampaian oleh kerajaan, kesan sebenar bantuan yang disediakan dapat dicapai.

Walaupun ada kritikan tentang beberapa bantuan yang telah dikurangkan jumlahnya, ini sebenarnya adalah sebahagian daripada hasil pemutihan dan pengenalan subsidi bersasar. Jika kita merujuk kepada data rasmi, jumlah peruntukan untuk subsidi dan bantuan sosial pada tahun 2018 berdasarkan belanjawan yang telah dibentangkan oleh pentadbiran Barisan Nasional pada tahun 2017, jumlahnya hanya 9.5 peratus daripada RM280.25 bilion ataupun sekitarnya RM26.6 bilion. Manakala Belanjawan 2020 ini telah memperuntukkan sebanyak 13.3 peratus daripada RM297.02 bilion atau kira-kira RM39.5 bilion. Satu lonjakan sebenarnya bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan lebih banyak daripada zaman Barisan Nasional.

Cuma oleh kerana program pemutihan dan juga pengenalan program-program baru yang sebelum ini tidak ada seperti Peduli Kesihatan, mySalam dan sebagainya, jadi agihan-agihan ini mungkin ada sebahagian dikurangkan di tempat lain dan ditumpukan kepada perkara-perkara yang dirasakan lebih memerlukan.

■1810

Begitu juga dengan pekerjaan. Saya melihat statistik kenyataan tenaga kerja di Malaysia menunjukkan ada peningkatan kira-kira 300 ribu orang dari Julai 2018 ke Julai 2019 iaitu daripada 15.4 juta orang kepada 15.7 juta orang, manakala kadar pengangguran pula turun daripada 3.5 peratus pada Julai 2017 kepada 3.3 peratus pada Julai 2019.

Soalan saya ialah, berapa banyak kah daripada pertambahan kadar penyertaan tenaga kerja ini terdiri daripada pekerjaan berpendapatan tinggi? Saya juga ingin meminta kerajaan menjelaskan, apakah bentuk bantuan kepada kira-kira 49 peratus

tenaga kerja di Malaysia yang tidak dilindungi oleh sebarang skim simpanan ataupun pencen.

Ini kerana, hari ini kita tahu daripada Laporan KWSP, lebih daripada 50 peratus ataupun lebih kurang 64 peratus kata, pekerja di Malaysia apabila mereka berpencen, ini pekerja yang swasta ataupun pekerja kerajaan yang tidak mempunyai pencen-mereka ini apabila bersara, hanya memiliki simpanan di bawah RM50 ribu. Dan yang mana paling lama boleh bertahan kalau ikut kajian, paling lama lima tahun. Itu kira habis berjimat lah. Jadi, samalah juga dengan kakitangan awam yang berpangkat rendah. Mereka ini biasanya pencen cukup rendah. Jadi, jurang juga akan melebar sekiranya perkara ini tidak diberikan perhatian.

Kita juga melihat bagaimana sumbangan KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi sejak selepas merdeka hingga kini menunjukkan sumbangan sektor pertanian telah merosot daripada 37.9 peratus kepada 7.3 peratus. Ini menunjukkan bagaimana cabaran begitu besar terhadap sektor ini apabila negara melalui perindustrian dan selepas ini kalau kita hendak bercakap tentang Revolusi Industri 4.0, sektor pertanian ini akan menjadi satu sektor yang mungkin tidak lagi popular ataupun digemari oleh generasi baru.

Saya berharap ia tidak akan jadi begitu. Jadi, saya ingin tahu apakah teknologi terkini yang telah diperkenalkan ke dalam sektor ini sejak lima tahun lalu, dan apakah kemajuan yang telah dicapai melalui pengenalan teknologi ke dalam sektor ini. Sedikit juga tentang pertanian dan juga perikanan.

Saya sebelum ini, tadi saya sebut tentang pemutihan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia kerana saya difahamkan sejak pentadbiran Pakatan Harapan mengambil alih, telah ada lebih kurang dalam 10 ribu nama telah diputihkan.

Mereka ini sebelum ini bukan nelayan, tetapi menerima bantuan. Ada juga nelayan yang sudah tidak lagi turun ke laut atas pelbagai faktor. Jadi, kita bukan sahaja hendak gembira kerana kita lakukan pemutihan, tetapi sebahagian daripada nelayan yang terpaksa berhenti daripada turun ke laut, mereka ini kadang-kadang ada masalah kesihatan. Jadi, inilah yang saya sebutkan tadi, ada kelompok-kelompok yang sebenarnya tidak dilindungi oleh mana-mana skim, baik simpanan atau pencen. Inilah yang perlu dilihat oleh agensi-agensi kerajaan supaya kita dapat memperkenalkan bentuk bantuan yang sesuai supaya mereka dapat hidup wajar apabila tidak lagi mampu bekerja.

Selain daripada itu juga, saya walaupun duduk di Perlis yang jauh ceruk di utara, kita juga ada menerima aduan sampai daripada Sandakan, di mana nelayan-nelayan di sana mengadu bahawa mereka hanya boleh membeli diesel sekali dalam setiap empat hari. Mereka juga ada yang tidak menerima elaun sara hidup. Jadi, saya berharap kementerian dapat membuat siasatan. Kena lihat balik, adakah bantuan diesel ini benar-benar sampai kepada mereka yang layak menerima, dan apakah- kata hak mereka untuk menerima elaun sara hidup ini telah diselewengkan oleh mana-mana pihak? Kita berharap tidaklah begitu. Jadi, ini perlukan satu siasatan untuk kita tahu.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 nanti program Banci Penduduk akan dijalankan di seluruh negara. Bagi saya ini adalah satu peluang terbaik untuk kita, kerana ini berkaitan dengan data. Jadi saya berharap, Ketua Jabatan Statistik akan bekerjasama dengan pelbagai agensi supaya penyelarasan dapat dibuat kerana hanya dengan data-data inilah kita dapat menentukan program bantuan kerajaan ataupun program latihan sampai kepada kumpulan sasar yang diharapkan. Saya berharap... *[Disampuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kangar, sedikit penjelasan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Sure.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sahabat, sebagai bekas anak pegawai kerajaan Yang Berhormat telah bercakap bagi pihak penjawat awam, saya setuju. Saya merupakan bekas penjawat awam. Akan tetapi, saya hendak tanya Yang Berhormat ini tentang rakyat Malaysia sekarang ini. Sekejap tadi Yang Berhormat Paya Besar bagi tahu saya, telah *interview* 78 ribu orang. Akan tetapi, 84 peratus daripada 78 ribu orang ini tidak bersetuju dengan bajet ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Ini suatu angka yang akan menyebabkan PH akan kehilangan Kerusi Tanjung Piai dan seluruh kawasan akan hilang Kerusi kalau macam ini punya keadaan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya rasa yang sebenarnya Yang Berhormat Paya Besar bagi itu bukan *interview*, tetapi undian *online*. Untuk makluman Yang Berhormat Arau, kalau ikut undian *online*, PAS sudah jadi kerajaan hari ini sebab masa undian *online* sebelum PRU Ke-14, mereka dapat undian yang cukup tinggi yang saya tengok tetapi... *[Disampuk]*

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pilihan raya 15 ini kerajaan, *confirm*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *In syaa Allah*, kita tidak tahu. Kita serah kepada ketentuan Allah. Akan tetapi, saya hendak bagi tahu bahawa banyak jugalah dalam berkaitan undian *online* ini yang kita tidak boleh lah hendak ambil semua. Jadi,

kita kena lihat dari semasa ke semasa, apakah ia cukup *reliable* kerana dalam- kalau kita hendak ambil dari segi *research*, dia ada *sampling* dia. Jadi, sebagai orang kata Ahli Parlimen yang mempunyai PhD, saya percaya Yang Berhormat Arau lebih mahir tentang ini.

Jadi, itu sahaja perbincangan saya pada petang ini Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kangar, jangan lari. Masa ada lagi dua minit Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, dia sudah mencelah lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita mesti berbicara. Yang Berhormat kata tadi, ujian *online* tidak boleh pakai Yang Berhormat. Kita buat ujian *online* di Cameron Highlands, ujian *online* di Rantau, ujian *online* di Semenyih. Perbezaannya bukan ke arah kurang, tetapi ke arah yang lebih. Jadi, ini menunjukkan bahawa 78 ribu ini ialah hampir tepat dan Yang Berhormat nampaknya menghina orang-orang dalam *online* iaitu dengan mempertikaikan pandangan mereka. Padahal Yang Berhormat di antara orang yang berminat dalam *social media*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya tak kata saya tolak semua, tetapi saya kata, kita tidak boleh ambil itu sahaja sebagai sampel. Bila tadi Yang Berhormat Arau sebut tentang Semenyih dengan Rantau, tahu kah Yang Berhormat Arau, sebab saya kebetulan memang terlibat dalam pengurusan data pilihan raya. Tahu kah Yang Berhormat Arau bahawa majoriti yang diperolehi oleh calon di Rantau antara 2013 dan juga pilihan raya kecil sebenarnya kurang 100.

Peningkatan undi Barisan Nasional berbanding Pakatan Harapan di Semenyih berbanding 2013 dan 2018, BN hanya meningkat 1000 lebih sedangkan Pakatan Harapan meningkat 2000 lebih. Ini dalam realiti bahawa ketika 2013 PAS bersama-sama dengan kami dan daripada tahun 2018, PAS bersama-sama dengan BN. Jadi, patutnya Yang Berhormat Arau kena bertanya benar kah PAS menyokong Barisan Nasional? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kangar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, dia ada lagi 2.5 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, tidak apa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Kangar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia sendiri meminta untuk dihabiskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, nanti kejap. Dia tidak habis lagi itu, sedikit lagi.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, kalau PAS campur UMNO, Parlimen Kangar akan kekurangan 3000 undi. Apakah Yang Berhormat akan menghadapi masalah ataupun hendak minta tolong kat saya?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak apa lah, tunggu pilihan raya lah. Kacau sahaja.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Minta tolong, minta tolong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Adakah Yang Berhormat Kangar hendak menjawab kah, tidak perlu?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tidak berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Silakan Yang Berhormat Sibuti, 20 minit.

6.17 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi peluang kepada Sibuti untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020 kali ini.

Saya terus kepada perkara yang ingin saya bangkitkan berkenaan tentang pembentangan Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan oleh Kementerian Kewangan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan dan juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah berjaya membentangkan belanjawan kali kedua di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

Sudah pasti Menteri Kewangan bersama dengan kumpulan dan juga penasihat-penasihat beliau telah memerah minda dan otak mereka untuk menyediakan sebuah belanjawan untuk kebaikan masyarakat Malaysia. Walaupun demikian, kita perlu menerima hakikat dalam konteks politik semasa yang tidak memberi ketentuan, sudah

pasti belanjawan yang dibentangkan kali ini akan mendapat kritikan. Rakyat juga memberi reaksi berbeza terhadap belanjawan ini. Terdapat reaksi yang positif dan juga negatif. Saya berharap agar pihak kerajaan dan Menteri-Menteri dapat mendengar dan juga menilai Belanjawan 2020 dan juga memberi jawapan yang terbaik kepada kami.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang ingin saya bawakan adalah berkenaan tentang isu dadah. Saya ingin memulakan perbincangan ini dengan isu dadah kerana isu dadah merupakan isu yang sangat besar dan juga merupakan isu ataupun yang telah sebatik dalam konteks masalah sosial di Malaysia.

Malah, dengan kemajuan yang semakin meningkat terutama di kawasan luar bandar. Saya melihat isu penagihan dadah ini di kalangan golongan muda dan juga dewasa semakin serius. Saya mendengar dengan teliti apa yang telah dibacakan oleh Menteri Kewangan di dalam Belanjawan 2020. Beliau telah menyatakan bahawa sebanyak RM15 juta diperuntukkan kepada AADK untuk program berkaitan dengan dadah.

■1820

Saya merasakan peruntukan ini tidak mencukupi. Kerajaan lepas telah gagal untuk membanteras dadah secara total dan juga baru-baru ini kita telah mendengar satu tangkapan besar dadah yang bernilai RM2.4 bilion pada 10 September lepas di Pulau Pinang melibatkan dadah sebanyak 12 tan. Adakah perkara ini perkara yang normal? Nilai dadah yang berjumlah RM2.4 bilion ini hampir-hampir menyamai bajet beberapa buah kementerian di dalam Belanjawan 2020.

Saya sangat bimbang sekiranya usaha untuk membanteras gejala dadah dan juga pengedaran dadah ini tidak diberi keutamaan. Ini hanya-lah salah satu kes yang berlaku. Terdapat sebuah kes lagi yang berjumlah RM700 juta nilai dadah *methamphetamine* dan juga heroin telah didapati dan juga ditangkap oleh pihak penguasa. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak polis kerana dapat menangkap. Walaupun demikian, saya turut mempersoalkan adakah dadah ini masih lagi berada di pasaran dan juga ke manakah dadah-dadah ini pergi?

Selain daripada itu juga, penagihan dadah bukan hanya terikat kepada golongan miskin, tetapi golongan-golongan profesional, pelajar-pelajar universiti, mahasiswa juga terdedah dan juga hampir banyak menagih dadah pada masa kini. Saya menggelar mereka ini sebagai *career addict*, golongan dadah yang bekerja- mempunyai pendapatan dan juga menggunakan pendapatan mereka untuk membeli dadah. Setelah ketagihan dadah ini tidak terkawal, maka mereka terjerumus dengan penyakit yang melibatkan penagihan dadah. Saya juga mengesyorkan kepada kerajaan agar kerajaan

membenarkan PERKESO ataupun KWSP untuk tujuan perubatan dalam program pemulihan dadah bagi pesakit-pesakit dadah di kalangan orang yang berkerjaya.

Untuk menjayakan program-program pembasmian dadah, pihak kerajaan seharusnya menambahkan peruntukan AADK. Saya turut terlibat di dalam proses penangkapan ataupun penahanan penagih-penagih dadah di sekitar kawasan Parlimen saya. Saya mengucapkan terima kasih kepada AADK dan juga saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada AADK. Walaupun dengan mempunyai aset yang berkurangan, tidak cukup untuk menahan penagih dadah kerana tidak mempunyai kenderaan ataupun van untuk menangkap penagih dadah ini, mereka sampai juga untuk menangkap penagih dadah ini di kawasan-kawasan luar bandar dan juga mereka bergerak di kawasan-kawasan terpencil. Ini kerana dadah-dadah ini telah mula menular ke kawasan-kawasan di luar bandar terutamanya di Sarawak akibat pembangunan yang telah kita sediakan. Pengedar-pengedar dadah ini mengambil kesempatan untuk menggunakan kemajuan dan juga pembangunan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk menjual dadah-dadah mereka.

Selain daripada itu juga, saya menyokong beberapa saranan dan juga cadangan beberapa orang Ahli Parlimen berkenaan tentang kerajaan perlu memberi tumpuan kepada masalah kesihatan mental. Dalam keadaan konteks semasa dengan tekanan kos hidup yang tinggi, banyak kes kesihatan mental ini berlaku. Juga berdasarkan data-data yang diperolehi, bahawa terdapat banyak masalah keresahan ataupun *anxiety* di kalangan pelajar-pelajar sekolah kita.

Ini perlu kita beri perhatian dan juga kerajaan perlu menyediakan peruntukan khusus dan juga program khusus bagi membantu masalah-masalah pesakit mental. Juga mungkin masalah ini wujud di kalangan penjawat-penjawat awam dan juga terutamanya golongan-golongan wanita dan juga golongan-golongan belia. Selain daripada itu, saya merasakan agar pihak kerajaan memberi tumpuan khusus kepada pelajar-pelajar berkenaan tentang masalah kesihatan mental ini.

Selain daripada itu juga, isu yang besar dan juga yang sangat dekat di hati saya adalah berkenaan tentang isu pembangunan sekolah daif terutamanya di negeri Sarawak. Perkara sekolah daif ini juga turut berlaku di negeri Sabah dan juga negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Akan tetapi, saya akan bercakap di dalam konteks negeri Sarawak. Saya merasakan Menteri Pendidikan telah menjalankan satu usaha yang baik dengan mengadakan lawatan dan juga perjumpaan bersama dengan pihak-pihak Ketua Menteri dan juga Menteri-menteri yang bertanggungjawab ke atas pendidikan di negeri Sarawak berkenaan sekolah daif.

Walaupun demikian, persetujuan yang telah diperoleh oleh Menteri Pendidikan, saya lihat digagalkan dengan kenyataan-kenyataan Menteri dan juga wakil-wakil parti yang menggambarkan bahawa proses pembangunan sekolah daif ini sukar untuk dijalankan. Sebagai contoh, Sarawak sudi untuk memulangkan semula hutang yang dipinjam daripada Kerajaan Persekutuan melalui kaedah kontra.

Walaupun demikian, setelah persetujuan telah diperoleh, seolah-olah kerajaan Sarawak perlu membayar hutang itu pada keesokan harinya. Kita juga telah memohon dan sudah pasti pemulangan hutang ini adalah sesuatu perkara yang baik untuk Kerajaan Persekutuan. Walaupun demikian, kita berhutang mempunyai jadual pembayaran.

Saya merasakan negeri Sarawak adalah merupakan satu-satunya negeri dikeluarkan kenyataan media dan surat daripada Kementerian Kewangan untuk membayar semula hutang...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Minta maaf Yang Berhormat Pontian, saya akan bagi.

Sebagai contoh, untuk kita membeli sebuah kereta, kita berhutang sepanjang lima tahun ataupun tujuh tahun. Pihak bank tidak akan meminta kita akan membayar hutang tiga tahun ke hadapan. Ini-lah yang berlaku kepada negeri Sarawak walaupun Sarawak pembayar hutang yang baik.

Selain daripada itu juga, saya merasakan isu sekolah daif ini terlalu dipolitikkan. Saya berharap agar Menteri Pendidikan tegas bersama dengan pasukan beliau dan juga duduk bersama dengan wakil-wakil daripada Sarawak dan juga Ahli-ahli Parlimen di Sarawak untuk membincangkan masa hadapan sekolah daif ini. Sekolah daif ini bukan hanya terdapat di kawasan pedalaman Sarawak dan juga luar bandar Sarawak.

Akan tetapi, sekolah-sekolah daif ini akan wujud di kawasan bandar. Ini kerana di kawasan-kawasan bandar Sarawak juga semakin padat dan juga terdapat sekolah-sekolah yang mempunyai kepadatan pelajar, satu kelas hampir 50 ke 60 orang pelajar. Kita juga perlu melihat trend-trend penduduk luar bandar Sarawak.

Contohnya, saya menjumpai satu kes di kawasan Bandaraya Miri apabila sekeluarga ataupun sekumpulan masyarakat Penan datang dan juga berpindah ke Miri semata-mata untuk mendapatkan pendidikan dan juga mereka ingin menghantar anak-anak ke sekolah yang lebih baik. Bayangkan, masyarakat Penan yang jauh duduk di pedalaman sudah mula menyedari bahawa mereka memerlukan *facilities* dan juga sekolah yang kondusif untuk masyarakat dan juga anak-anak mereka.

Saya juga menyentuh berkenaan tentang isu penggabungan sekolah. Selepas saya membahaskan berkenaan tentang isu penggabungan sekolah ini, saya telah mendapat maklumat daripada pihak PIBG bahawa pihak pendidikan telah menghantar dan juga mengeluarkan satu *survey* kepada ibu bapa berkenaan tentang penggabungan sekolah.

Ya, Yang Berhormat Pontian. Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

Dahulu kita memberikan RM1 bilion untuk membaiki sekolah daif, dalam Bajet 2020 diturunkan kepada RM700 lebih juta. Adakah pernah kerajaan terdahulu memberikan syarat kepada Kerajaan Sarawak kena bayar hutang, dipotong hutang dulu baru dibaiki sekolah? Bukankah ini satu kaedah yang zalim? Apa pandangan Yang Berhormat Sibuti?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Memang kerajaan lepas tidak meletakkan sebarang syarat dan juga tanggungjawab untuk membangunkan sekolah. Ini adalah terletak di dalam Perlembagaan.

Selain daripada itu, isu besar ataupun persoalan yang besar yang wujud di kalangan masyarakat dan juga ahli politik, apabila kita membangkitkan isu sekolah daif ini, akan wujud-lah satu soalan mengapa tidak dibuat dahulu. Saya ingin menyatakan bahawa sejak dahulu lagi, sejak daripada tahun 2016, terdapat usaha-usaha untuk membaiki sekolah daif termasuk di kawasan sekolah saya.

Sebaik sahaja saya memenangi pilihan raya pada tahun 2018, terdapat lebih kurang lima ke enam buah sekolah melalui projek IBS telah siap. Ini adalah atas usaha dan juga dasar polisi kerajaan yang lepas dan juga diteruskan dan juga perlu diteruskan oleh kerajaan pada masa ini. Saya merasakan ini adalah bukan isu politik, ini adalah isu tanggungjawab dan juga kita memberikan hak kepada pelajar-pelajar di sekolah daif untuk mendapatkan sebuah sekolah yang kondusif.

■1830

Kita boleh mendengar dan juga membaca daripada *Tweets* guru-guru Semenanjung, yang bekerja di Sarawak yang telah memberi sumbangan dan juga mereka telah memaparkan keadaan-keadaan sekolah daif, kedaifan sekolah di kawasan negeri Sarawak. Saya berharap agar pandangan-pandangan mereka ini dapat diguna pakai sekiranya pandangan-pandangan Ahli Parlimen ini tidak digunakan dan juga kita

mempunyai 12 orang Ahli Parlimen Pakatan Harapan di Sarawak. Mereka juga layak untuk memberikan pandangan.

Juga saya merasakan, tidak usahlah Menteri yang bertanggungjawab untuk memberi komen-komen yang menyakitkan hati dan juga biarkan Menteri Pendidikan melaksanakan tugas dan juga menyelesaikan sekolah daif ini.

Saya ingin menyambung berkenaan tentang penggabungan sekolah. Apabila pihak kerajaan mengeluarkan *survey* melalui pejabat pendidikan, ini telah mencetuskan satu panik dan juga saya merasakan agar perbincangan penggabungan sekolah ini seharusnya datang daripada pihak kementerian, berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak kerana kita telah mempunyai data. Tidak semua sekolah di pedalaman harus digabungkan. Mana-mana sekolah yang mempunyai jalan raya yang tidak lagi menggunakan sungai, itu kita perlu beri perhatian.

Selain daripada masalah sekolah, kita juga mempunyai masalah guru. Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil risiko untuk memperkenalkan pembelajaran Matematik dan Sains di dalam bahasa Inggeris bermula tahun hadapan. Saya bimbang, saya melihat anggaran perbelanjaan, tiada satu pun peruntukan yang khusus untuk membantu dasar ini yang disokong oleh Perdana Menteri. Juga saya bimbang, sekiranya pada tahun hadapan pelajar-pelajar ini tidak mempunyai *workbook*, dengan izin, buku kerja bahasa Inggeris. Juga saya melihat bahawa dasar ini memberi risiko berkenaan tentang pencapaian prestasi pelajar pada masa hadapan.

Juga saya ingin mengulangi permohonan daripada kawasan Parlimen Sibuti berkaitan dengan isu pembangunan sekolah daif iaitu kembalikanlah peruntukan projek-projek sekolah SK Kita, SK Rancangan Sepupuk, SK Selanyau, SK Tinggi dan juga menyediakan asrama kepada SMK Luar Bandar Miri dan juga bangunan baru untuk mereka mengadakan sekolah satu sesi, memandangkan ini adalah merupakan satu-satunya sekolah di kawasan luar bandar dan juga menjadi tumpuan kepada pelajar-pelajar.

Selain daripada itu juga, kebajikan guru-guru haruslah diberi perhatian dan juga saya mendengar kerajaan akan memberikan sebahagian dana dalam Belanjawan 2020 ini untuk memperbaiki kuarters-kuarters kerajaan. Saya berharap agar peruntukan ini dimasukkan untuk memperbaiki peruntukan-peruntukan kuarters-kuarters yang terdapat di negeri Sarawak.

Selain daripada itu juga, saya memohon kepada pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan menyelesaikan masalah peruntukan RM50 juta yang telah

diberikan oleh Kerajaan Sarawak untuk menyelesaikan masalah isu pemasangan elektrik ataupun grid elektrik ke sekolah-sekolah. Terdapat 119 buah sekolah. Menteri Pendidikan pun telah bersetuju dan juga telah memberi senarai berkenaan sekolah-sekolah yang mempunyai masalah grid elektrik tetapi sehingga kini, masalah tersebut masih lagi belum selesai.

Selain daripada itu juga, saya ingin memuji kerajaan kerana telah meletakkan dasar *digital economy* ini sebagai sebuah dasar yang akan meningkatkan pendapatan dan juga ekonomi negara. Saya telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Port Dickson pada ucapan beliau, Kajian Separuh Penggal yang beliau menyatakan bahawa dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak iaitu *digital economy* adalah merupakan satu dasar yang ke depan. Walaupun demikian, dasar ini akan sukar dilaksanakan sekiranya kita tidak mempunyai infrastruktur yang cukup. Maka saya melihat, adakah dasar *digital economy* ini yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan, akan membantu perkembangan *digital economy* di Sarawak? Ini kerana kita telah mencapai beberapa pencapaian berkenaan tentang *digital economy* ini.

Walaupun demikian, saya telah mendengar daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan berkaitan tentang pemberian RM30 ke dalam eWallet. Masalah yang wujud di Malaysia ini, kita mempunyai eWallet yang sangat besar dan juga saya merasakan pemberian RM30 ini ke dalam eWallet tidaklah memberikan satu impak yang besar. Saya melihat kerajaan perlu mencari satu kaedah dan juga RM450 juta ini dapat diberikan tumpuan kepada pemasangan menara-menara telekomunikasi ataupun menaik taraf telekomunikasi 5G ataupun 4G di negeri Sarawak.

Selain daripada itu juga, saya melihat bahawa dengan memperkenalkan *digital economy* ini ataupun IR 4.0 ini akan membantu kerajaan dalam pelbagai sektor. Jika kita perasan, semua wakil rakyat yang berucap dan juga berbahas di dalam Dewan ini sering kali menyebut perkataan "*data*". Yang Berhormat Kangar pun menyebut berkenaan data. Saya merasakan adalah sudah tibanya dengan kita menuju ke arah *digital economy*, kita membangunkan satu *big data* untuk boleh diakses oleh semua Ahli Parlimen dan juga masyarakat di luar dan juga supaya Ahli Parlimen dapat memikirkan dan juga menggubal satu dasar dan membantu kerajaan untuk mempelajari melalui *machine learning* yang kita beli ataupun kita laburkan untuk memahami apakah permasalahan yang berlaku di negeri Sarawak.

Selain daripada itu, yang akhir sekali, saya ingin menyentuh berkenaan tentang pelancongan. Pelancongan adalah sangat dekat di kawasan Sibuti kerana Sibuti mempunyai keindahan. Saya juga ingin melobi kerajaan agar memberi tumpuan khusus

kepada usaha kerajaan negeri untuk meletakkan Gua Niah sebagai salah satu khazanah dunia di bawah UNESCO. Saya juga ingin memohon sedikit peruntukan daripada Kerajaan Pusat supaya dapat memberi ataupun membantu membawa *Niah men* ataupun orang asal daripada Gua Niah yang berusia lebih daripada 40 tahun untuk dibawa balik. Ketika ini, mereka berada di Nevada, United State.

Selain daripada itu, masalah yang saya lihat di dalam sektor pelancongan adalah kita mempunyai satu belanjawan yang besar. Terdapat satu peruntukan untuk menganjurkan program-program ataupun aktiviti-aktiviti pelancongan tetapi saya bimbang, aktiviti ini tidak memberi impak. Kita lihat sahaja di negara Singapura, mereka mampu membawa konsert-konsert yang besar. Mengapa Singapura dapat membawa *Green Day*? Kenapa kita tidak dapat membawa kumpulan popular? Saya juga dengar Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan ingin membawa kumpulan K-Pop seperti BTS. *BTS Army* sudah pasti menunggu dan juga membeli tiket-tiket dan juga kita janganlah jadikan aktiviti-aktiviti ini syok sendiri.

Akhir sekali, saya ingin menggulung ucapan saya. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan juga syabas dan tahniah. Satu perkara yang saya ingin suarakan adalah berkenaan tentang kesediaan kerajaan untuk menawarkan dan juga mengkaji geran khas. Kita sedang menunggu formula ini dan juga saya serahkan tanggungjawab ini kepada tiga individu iaitu Perdana Menteri, Ketua Menteri Sabah dan juga Ketua Menteri Sarawak.

Akhir sekali, saya berharap agar Kerajaan Persekutuan dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat bersetuju dan membenarkan Sarawak untuk mengutip lima *percent* cukai jualan kerana perkara itu telah termaktub di dalam Perlembagaan. Kita bukan meminta, kita hanya ingin menggunakan hak yang ada terdapat di dalam Perlembagaan kerana selama ini kita tahu, bahawa hak-hak dan juga segala sumber negeri Sarawak banyak yang terhakis dan juga terkikis. Maka kita kembalikan. Saya berharap agar kerajaan ini terus makmur dan juga dapat membangunkan demi kesejahteraan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Bukit Gelugor dan kemudian diikuti dalam masa yang ada, Yang Berhormat Lipis, *standby*. Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor.

6.39 ptg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan demi bajet yang telah pun kami dengar baru-baru ini, minggu lepas. Di mana kami telah pun mendapat beberapa berita yang baik, yang menunjukkan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk meningkatkan mutu kehidupan penduduk-penduduk di negara ini tetapi tidak terhad kepada usaha untuk, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menurunkan *unemployment rate* ataupun kadar pengangguran, *unemployment rate*.

■1840

Di mana kami tahu pada sekarang- bergantung kepada *Department of Statistics as of July* ataupun pada setakat bulan Julai tahun ini, kira-kira 524,800 orang ataupun warganegara dikatakan *jobless*, dengan izin, dan *unemployment rate* di negara ini adalah pada *3.3 percent*.

Menurut bajet yang telah pun kami diperdengarkan pada minggu lepas, usaha-usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk menangani masalah *unemployment rate* ini termasuk usaha untuk *inject*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bajet untuk mengurangkan jumlah wang, jumlah *unemployment* yang dikatakan tadi.

Satu angka sebanyak RM6.5 bilion telah pun di-*allocated*, dengan izin, untuk satu jangka masa lima tahun untuk tujuan menyediakan ataupun mewujudkan sebanyak 350 ribu kerja ataupun *jobs* untuk warganegara Malaysia yang akan sudah tentunya mempertingkatkan ataupun *boost* ataupun mengurangkan *the unemployment rate*.

Jadi saya ingin memuji Kerajaan Pakatan Harapan kerana usaha-usaha ini yang wajar diambil dan salah satu daripada usaha untuk mengurangkan *unemployment rate* adalah untuk memperkukuhkan lagi program TVET ataupun, dengan izin, *Technical Education and Vocational Training Programme* yang ini merupakan satu program yang sudah tentunya akan meningkatkan ataupun *boost the unemployment problem*, dengan izin, *amongst graduates*.

Dikatakan dalam bajet mengikut pemahaman saya sejumlah RM400 *million* ataupun juta telah pun di-*allocated* bagi tujuan memperkukuhkan program TVET tersebut dan ini juga merupakan satu usaha yang bagus, yang perlu kita memuji Kerajaan Pakatan Harapan. Akan tetapi, pada masa yang sama kita pun kena tanya berkenaan dengan *poverty rate* yang timbulnya beberapa tanda tanya berkenaan dengan apakah sebenarnya kadar *poverty* di negara ini.

Kita dengar tempoh hari Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut apa yang dikatakan oleh Menteri *Economic Affairs*, kami baru dimaklumkan bahawa kadar *poverty*

di dalam negara ini adalah sekitar empat ataupun 0.4 peratus. Walau bagaimanapun, kami juga mendapat berita bahawa kadar *poverty* tersebut daripada berita, daripada *United Nations* bahawa kadar *poverty* tersebut adalah lebih tinggi daripada apa yang dilaporkan iaitu dikatakan sekitar 15 peratus ataupun 16 peratus. Ini merupakan satu perkara yang amat serius.

Oleh sebab, ini usaha-usaha yang sewajarnya perlu diambil untuk menangani masalah *poverty* dan sekiranya kita tidak mempunyai data dan statistik yang betul ataupun *accurate*, dengan izin, maka usaha kami untuk menangani masalah tersebut akan menjadi lebih susah.

Ada juga satu perkara yang perlu dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan suasana politik hari ini iaitu berkenaan dengan isu perkauman. Isu perkauman yang menjadi semakin serius baru-baru ini di negara kita. Isu-isu perkauman Tuan Yang di-Pertua, semakin banyak dimainkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab terutamanya pihak-pihak yang mempunyai *standing* di dalam masyarakat termasuk juga ahli-ahli politik yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai sifat ataupun agenda politik mereka tertentu.

Sifat perkauman ataupun *racism* tersebut Tuan Yang di-Pertua, telah pun diterapkan dalam kebanyakan isu-isu awam yang tiada kena mengena dengan apa-apa unsur atau isu berkenaan kaum....

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sikit saja boleh.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya tiada masa. Nanti.

Perkara ini amat mengejutkan Tuan Yang di-Pertua dan menunjukkan bahawa sifat perkauman sedang giat dipermainkan dalam kalangan masyarakat bagi mewujudkan ketegangan di antara rakyat berbilang kaum dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa masalah *racism* ini merupakan satu isu yang kronik dan sekiranya ia tidak dibendung dengan segera ia akan menjadi semakin serius dan sememangnya boleh menggugat ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat dalam negara ini. Hampir setiap hari Tuan Yang di-Pertua, akan terdapat provokasi perkauman yang dicetuskan oleh pihak-pihak tertentu. Setiap minggu *at the very least*.

Provokasi-provokasi sebegini mesti dipandang serius Tuan Yang di-Pertua dan perlu dielakkan oleh semua pihak bagi menjamin keharmonian dan keamanan hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini. Kita perlu bimbang bahawa sekiranya Tuan

Yang di-Pertua, tindakan segera tidak diambil untuk menangani isu perkauman ini ia akan menjadi keterlaluan dan melampau.

Persoalan saya pada hari ini adalah sama ada dan kepada Menteri yang berkenaan, sama ada Kerajaan Pusat serius untuk membanteras dan membendung jenayah-jenayah perkauman tersebut. Saya menggunakan Tuan Yang di-Pertua, perkataan jenayah oleh kerana *racism is in fact*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, a *crime*. *Racism* perlu dijadikan satu jenayah.

Sekiranya ini tidak dibuat Tuan Yang di-Pertua, maka masalah perkauman ini akan berleluasa, akan berterusan dan kami akan selalu bukan setiap hari, *every other day* kita akan mempunyai masalah ini timbul. Ini boleh mencetuskan Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang amat serius di kalangan kaum ini. Berdasarkan situasi kini di mana isu perkauman sering dimainkan oleh pihak-pihak tertentu bagi manfaat mereka yang tersembunyi. Adalah amat jelas bahawa undang-undang yang khusus perlu digubal untuk membanteras masalah perkauman tersebut.

Saya bagi contoh-contoh di negara lain yang telah pun mengenali ataupun memperkenalkan undang-undang sebegini. Contohnya di UK dengan izin, *the incitement of racial hatred* adalah satu kesalahan di bawah akta yang dinamakan *Public Order Act 1986*. *Racial hatred* di dalam negara tersebut diberi definisi saya *quote* apa yang dinyatakan dalam akta tersebut, "*hatred against a group of persons defined by reference to colour, race, nationality (including citizenship) or ethnic or national origins.*"

Di seksyen 18 akta tersebut apa yang dinyatakan Tuan Yang di-Pertua, adalah "*Use of words of behaviour or display of return material. A person who uses threatening, abusive or insulting words or behaviour, or displays any written material which is threatening, abusive or insulting, is guilty of an offence.*" *Of course*, ada juga beberapa kategori yang perlu dilaksanakan tetapi ini merupakan satu kesalahan.

It is an offence to be a racist in United Kingdom, dengan izin, but this is not an offence to be a racist in this country. That is why we have racism occurring almost every day.

■1850

Di dalam *Public Order Act* tersebut Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan berkenaan dengan *religious hatred and hatred on the grounds of sexual orientation* juga diberi definisi iaitu *meaning of religious hatred and milling of the ground of sexual or hatred on the ground of sexual orientation*. Apa yang dinyatakan adalah, dengan izin, *ex-intended to stir up religious hatred or hatred on the ground of sexual orientation. Use*

of behavior, words of behavior or display of written material. Pelbagai seksyen dan peruntukan perundangan adalah digubal di *United Kingdom*.

Di Australia, di bawah *Racial Discriminations Act* 1975, sebarang perbuatan ataupun pernyataan *racist* juga menjadi satu kesalahan. Seksyen 18(c) akta tersebut menyatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*Offensive behavior because of race, color or national or ethnic origin it is lawful for person to do an act otherwise in a private if the act is reasonably likely in all the circumstances to offend, insult, humiliate or intimidate another person or a group of people and the act is done because of the race, color or national or ethnic origin of the other person or some of all other people in the group*".

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Nantilah, bagi saya habis. Nanti kalau ada masa, saya akan bagi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Cuma dalam tajuk inilah sebelum Yang Berhormat keluar daripada tajuk *racist* dan sebagainya, saya ada soalan. Mungkin boleh bantu, Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kalau ada masa. Di Bolivia juga Tuan Yang di-Pertua, ada juga undang-undang yang meng-*outlaw*-kan ataupun memperjenayahkan *racism*. Di bawah *law against racism and all forms of discrimination 2010*. So, jadi adalah jelas Tuan Yang di-Pertua bahawa fenomena ataupun masalah *racism* ini adalah suatu perkara yang amat serius bukan sahaja di negara ini tetapi di keseluruhan dunia.

Oleh sebab itu, ada undang-undang di negara-negara tersebut persoalannya adakah kami di negara ini akan mengambil contoh negara-negara tersebut dan memperkenalkan undang-undang untuk menangani masalah *racism* tersebut. Sebelum ini kami dengar dari Menteri yang berkenaan bahawa terdapat pelan-pelan untuk memperkenalkan undang-undang untuk menangani *racism* tetapi undang-undang tersebut tidak diperkenalkan. Oleh sebab, pelan yang baru adalah untuk memperkenalkan satu *commission*. Akan tetapi, sehingga hari ini kita tidak dengar apa-apa yang memperkenalkan apa-apa undang-undang *racism*.

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, bukankah- saya juga ingin sebelum saya tanya, menimbulkan apa yang pernah disarankan atau disuarakan oleh Datuk Seri Nazir Razak iaitu adik kepada bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari di mana beliau juga pernah menyatakan dan memberi sokongan kepada penggubalan undang-undang untuk menjadikan *racism* jenayah di mana beliau pernah

berkata saya *quote*, “*Racism need to be fought with clear definition and legal framework from government active campaign in school, et cetera, and enforcement by police, parents, teachers et cetera. Let’s define and make racism illegal to bring us closer together*”.

“*To bring us together*”. Now Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini kita ada dengar ada lihat Kongres Maruah Melayu diadakan dua minggu lalu. Di dalam kongres tersebut kami juga ada dengar banyak ataupun *speeches*, ucapan-ucapan yang boleh menjadi sensitif terhadap kaum-kaum berbilang kaum, berbilang bangsa di Malaysia.

Ini harus dielakkan Tuan Yang di-Pertua. Apabila *organizer* kongres tersebut berkata saya *quote* apa yang dikatakan oleh *organizer* tersebut. Beliau berkata, “Bahawa satu kaum boleh memberhentikan *social contract* dengan kaum-kaum lain di negara ini”. Bukankah itu satu jenis *racism*. Bukankah itu satu perkara yang amat sensitif Tuan Yang di-Pertua yang boleh mencetuskan kemarahan antara kaum-kaum kami. Bukankah itu satu perkara yang perlu ditangani dengan segera agar ia tidak mencetuskan masalah-masalah tersebut.

Akan tetapi sehingga hari ini, tiada sebarang tindakan diambil... [Disampuk]

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta, minta laluan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No, no, no.*

Tiada sebarang tindakan sehingga hari ini diambil Tuan Yang di-Pertua terhadap *organizer* tersebut, kenapa? Mungkin sebabnya tiada undang-undang yang memadai untuk menangani masalah tersebut. Sekiranya ada undang-undang yang menjenayahkan *racism* maka tindakan yang sewajarnya boleh diambil. Boleh diambil terhadap orang-orang seperti *organizer* tersebut.

Kita juga dengar ada satu tokoh yang menyatakan, “*We need a Saddam Hussein in Malaysia.*” Apa maksud, “*We need a Saddam Hussein in Malaysia?*” Apa maksudnya? *Why do we need a Saddam Hussein in Malaysia?* Adakah tindakan pernah diambil terhadap *statements* seperti itu? Apakah *social contract* yang dikatakan tersebut? *Where did this social contract comes from between races? Did we pluck it out from the sky?*

Dari mana kontrak sosial ini wujud. Kenapa perlu isu ini ditimbulkan? *To my knowledge, there is no social contract...*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: [Bangun].

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya tidak ada masa. Dua minit sahaja. So, mengapakah wujudnya *social contract* ini.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebab Yang Berhormat tidak faham *social contract*, tu yang jadi macam ini.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Alright.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat *understand* apa *social contract*, Yang Berhormat tidak akan cakap macam ini.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya tidak beri laluan. Terima kasih. Inilah masalahnya, sekiranya satu yang tidak wujud, diwujudkan. *Out of thin air, soon or later people will believe it exist*, itu masalahnya. Kita dengar banyak ucapan *racist* selain daripada apa yang dikatakan contohnya, Presiden UMNO. Apa dia kata tidak berapa lama lalu saya *quote* semasa *By Election*- Semenyih. Beliau berkata, *“The people who should be landlord have becomes squatters in the small house in the backyard. Those who are previously penumpang- squatters clinging to the legs of our nations, fighters asking to live a long side us in our homeland, now live in the big house”.*

Bilakah tindakan akan diambil terhadap orang-orang seperti ini. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan serius dalam usahanya untuk membanteras isu *racism* ini. Ini adalah satu perkara pokok, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab seperti yang saya kata tadi,...
[Disampuk]

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kerajaan PH itu penaung kepada *racism* ini.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini berlaku banyak *nearly every day, every week. It is becoming a norm.* Jadi, sebelum saya mengakhiri ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumusan, Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya berharap bahawa usaha-usaha yang sewajarnya Tuan Yang di-Pertua, akan diambil. Saya akan *just* beberapa saat sahaja- akan diambil untuk menyegerakan penggubalan undang-undang *anti-racism* di negara ini seperti mana yang telah pun digubalkan di negara-negara lain yang telah pun saya beri contoh tadi. Saya berharap kerajaan akan menimbangkan perkara ini dengan serius dan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana masa yang diberikan.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Sekarang saya beri ruang untuk Yang Berhormat Lipis. Silakan, Yang Berhormat.

7.00 mlm.

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dalam masa beberapa minit ini saya diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lima minit.

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Jadi, saya minta supaya Tuan Yang di-Pertua saya sambung esoklah, 20 minit... *[Dewan ketawa]*

Oleh sebab masa sudah hendak habis, jadi hari ini pun kawan-kawan hendak balik, kerusi pun sudah agak kosong sebenarnya. Jadi, saya minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua supaya saya berbahas semula jam 11.30 esok.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cantik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setuju?

Beberapa Ahli: Setuju!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga disambung semula esok.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam]